

2 0 2

Pelajaran Berkenaan Poligami

Hafiz Firdaus Abdullah

Judul:
202 Pelajaran Berkenaan Poligami.

Penulis:
Hafiz Firdaus bin Abdullah
hafizfirdaus@hotmail.com
www.hafizfirdaus.com
SMS: 019-384 8467

© Hafiz Firdaus Abdullah.

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu.
Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan
apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis
daripada penulis.

Cetakan Pertama: 2012
Cetakan Kedua: 2012 (edisi dikemas kini)

Penerbit:
Perniagaan Jahabersa
15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,
81200 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim,
Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605
Fax: 07-235 1603
<http://www.jahabersa.com.my>

Pendahuluan:

Pelajaran 1-7

Wahai Orang-Orang Yang Beriman...:

Pelajaran 8-15

Hikmah Poligami:

Pelajaran 16-23

Hukum Poligami:

Pelajaran 24-37

Kontroversi Poligami Ali bin Abi Thalib:

Pelajaran 38-46

Syarat-Syarat Poligami:

Pelajaran 47-53

Larangan-Larangan Poligami:

Pelajaran 54-60

Keadilan Dalam Poligami:

Pelajaran 61-82

Beberapa Salah Faham Poligami:

Pelajaran 83-98

Tips-Tips Poligami Untuk Suami:

Pelajaran 99-139

Tips-Tips Poligami Untuk Isteri Sedia Ada:

Pelajaran 140-170

Tips-Tips Poligami Untuk Isteri Baru:

Pelajaran 171-188

Tips-Tips Poligami Untuk Isteri-Isteri:

Pelajaran 189-202

Pendahuluan

Pelajaran 1:

Poligami sering kali menjadi topik sensasi masyarakat. Ia menjadi bualan di kedai kopi, forum-forum internet, drama-drama TV dan novel-novel.

Sayang sekali, hukum poligami dan yang berkaitan dengannya serta panduan hidup di alam poligami jarang-jarang dikupas secara ilmiah.

Kekurangan ini perlu ditampung dengan segera kerana poligami adalah salah satu daripada syari'at Islam, sebagaimana firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan: Dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja. [al-Nisa' 4:03]

Justeru poligami hendaklah diberi perhatian yang sungguh-sungguh sepertimana syari'at Islam yang lain seperti *thaharah*, solat, puasa, zakat, haji, nikah, cerai, politik dan akhlak.

Subjek poligami hendaklah diberi perhatian yang sungguh-sungguh sepertimana subjek *thaharah*, solat, puasa, zakat, haji, nikah, cerai, politik dan akhlak.

Pelajaran 2:

Menjadikan sebahagian daripada syari'at Islam, sama ada poligami atau selainnya, sebagai bahan lawak, mainan, hiburan dan olok-olok adalah satu kesalahan yang amat besar.

Ia merupakan salah satu daripada 10 perkara yang membatalkan keimanan seseorang, berdasarkan firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang ejek-ejekan itu) tentulah mereka akan menjawab: "Sesungguhnya kami hanyalah berbual dan bermain-main." Katakanlah: Patutkah nama Allah dan ayat-ayat-Nya serta Rasul-Nya kamu memperolok-olok dan mengejeknya? Janganlah kamu berdalih kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu beriman. [al-Taubah 9:65-66; Rujuk *al-Tibyan Syarh Nawaqidh al-Islam* oleh Syaikh Sulaiman Nashir al-Ulwan; Pembatal ke: 6]

Oleh itu mereka yang terbabit dalam bidang drama dan wayang serta orang ramai hendaklah berwaspada daripada menjadikan poligami sebagai bahan ejekan, jenaka, hiburan, olok-olokan dan mainan.

Disebabkan buku ini secara umumnya disusun dengan cara satu muka surat bagi satu pelajaran, maka tidak dapat tidak ada beberapa ayat atau penjelasan yang berbentuk tegas lagi *direct to the point*.

Pelajaran 3:

Di antara umat Islam yang Allah kurniakan bakat menulis, mereka menderhakai kurniaan tersebut dengan menjadikan novel, cerpen, sajak dan skrip drama mereka sebagai sarana untuk menjadikan umat Islam benci kepada poligami.

Di dalam tulisan-tulisan berkaitan poligami ini, kesedihan digandakan, kepedihan dibesarkan dan kepiluan dikuasa-duakan (*exaggerate*).

Tidak dinafikan ada yang ikhlas ingin menegur individu yang salah dalam mengamalkan poligami, namun adalah tidak wajar untuk mengherat masyarakat kepada membenci keseluruhan poligami itu sendiri.

Membenci salah satu daripada syari'at Islam, termasuklah mereka yang menabur benih kebencian tersebut, merupakan salah satu daripada perkara yang membatalkan iman. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

Dan orang-orang yang kafir, maka kecelakaanlah bagi mereka dan (Allah) mensiakan amal-amal mereka. Berlakunya yang demikian kerana sesungguhnya mereka tidak menyukai apa yang diturunkan oleh Allah (mengenai ajaran tauhid dan hukum-hukum syarak yang diterangkan di dalam Al-Quran), lalu Allah menggugurkan amal-amal mereka. [Muhammad 47:8-9; Rujuk *al-Tibyan Syarh Nawaqidh al-Islam*; Pembatal ke: 5]

Pelajaran 4:

Di antara umat Islam yang Allah kurniakan kepada mereka kepandaian, mereka mengkhianati kurniaan tersebut dengan mengkaji pemikiran-pemikiran Barat, lalu dengan itu mengunggulkan pemikiran tersebut di atas firman Allah dan sabda Rasulullah.

Mereka memilih pemikiran-pemikiran Barat yang anti-poligami, lalu menyisihkan pemikiran yang pro-poligami. Mereka berhakim kepada *thaghut* (apa jua sembahsan selain Allah) dan menyisihkan Allah. Padahal Allah *Subhanahu waTa'ala* telah mengingatkan:

Tidakkah engkau melihat orang-orang yang mendakwa bahawa mereka telah beriman kepada al-Quran yang telah diturunkan kepadamu dan kepada (Kitab-kitab) yang telah diturunkan dahulu daripadamu? Mereka suka hendak berhakim kepada thaghut, padahal mereka telah diperintahkan supaya kufur ingkar kepada thaghut itu dan syaitan pula sentiasa hendak menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh. [al-Nisa' 4:60; Rujuk *al-Tibyan Syarh Nawaqidh al-Islam* oleh Syaikh Sulaiman Nashir al-Ulwan; Pembatal ke: 4]

Pelajaran 5:

Di samping itu terdapat juga mereka yang ingin berpoligami atau sudah berpoligami, tetapi dengan persiapan ilmu yang tidak mencukupi.

Di antara mereka ada yang sengaja mengabaikan ilmu poligami, di antara mereka ada yang mencari ilmu poligami tetapi tidak menemui apa yang sesuai lagi meyakinkan.

Ini bukanlah sesuatu yang aneh kerana bahan rujukan dalam subjek poligami amatlah sedikit. Suasana ini lebih mengharukan apabila beberapa bahan tentang poligami yang sedia ada dikarang oleh orang yang monogami.

Sama ada pengarang itu seorang agamawan atau tidak, merujuk tentang poligami kepada orang monogami samalah seperti merujuk kepada orang bujang tentang alam perkahwinan.

Kemudian suasana ini diburukkan pula dengan kehadiran beberapa buku, artikel dan blog yang menakutkan orang ramai tentang poligami. Mereka mengubah hukum-hukum poligami dan meletakkan pelbagai syarat baru yang sebelum ini tidak diletakkan oleh Allah dan Rasul-Nya.

Pelajaran 6:

Atas suasana-suasana yang mengharukan tentang poligami ini, maka saya – setelah berdoa memohon bantuan dan petunjuk Allah – berusaha untuk mengarang sebuah buku yang khusus tentang poligami.

Buku ini memberi fokus kepada hukum poligami dan apa yang berkaitan dengannya seperti syarat, hikmah, keadilan dan salah faham poligami.

Buku ini memberikan juga beberapa tips poligami, berdasarkan pengalaman sendiri dan rakan-rakan, agar ia sedikit sebanyak dapat membantu mereka yang akan atau sudah berpoligami.

Buku ini tidak terhad kepada mereka yang akan atau sudah berpoligami, tetapi ditujukan kepada semua agar ia menjadi pengetahuan umum (*general knowledge*) tentang salah satu daripada syari'at Islam.

Buku ini juga mengandungi beberapa pandangan yang berbeza daripada pendapat ulama'-ulama' yang dikasihi. Harapnya perbezaan ini dapat diterima secara lapang dada, dan jika perlu dibahas secara ilmiah dan dewasa.

Buku ini tidak terhad kepada mereka yang akan atau sudah berpoligami, tetapi ditujukan kepada semua agar ia menjadi pengetahuan umum (*general knowledge*) tentang salah satu daripada syari'at Islam.

Pelajaran 7:

Disebabkan buku ini secara umumnya disusun dengan cara satu muka surat bagi satu pelajaran, maka tidak dapat tidak ada beberapa ayat atau penjelasan yang berbentuk tegas lagi *direct to the point*.

Ini kerana jika hendak disusun ayat yang lembut lagi berhikmah, ia akan mengambil ruang kertas yang lebih.

Diharapkan buku ini dapat mencapai tujuannya dalam menyampaikan ilmu dan panduan yang benar tentang poligami.

Ilmu itu sendiri tidak memiliki titik noktah, maka apa yang sempat disampaikan dalam buku ini hanyalah sebahagian daripada ilmu poligami yang amat luas.

Oleh itu hendaklah diperluaskan lagi kajian tentang poligami, agar kita benar-benar dapat memahaminya, menguasainya dan mengecapi hikmah serta keindahannya.

Pada waktu yang sama, dialu-alukan apa-apa perkongsian dan pembetulan, agar pembaikan dapat dilakukan pada terbitan baru *insya-Allah*.

Hafiz Firdaus bin Abdullah.

23 November 2011

**Wahai Orang-Orang
Yang Beriman...**

Pelajaran 8:

Poligami merupakan salah satu syari'at Allah berdasarkan firman-Nya:

Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan: Dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja. [al-Nisa' 4:03]

Mengimani syari'at Allah, mempelajarinya, menyukainya dan memberi perhatian kepadanya dituntut ke atas setiap muslim.

Manakala mengingkarinya, berpaling darinya, membencinya dan mengabaikannya ditegah ke atas setiap muslim.

Pelajaran 9:

Merujuk kepada syari'at Allah, janganlah kita menjadi seumpama orang-orang yang beriman kepada hukum yang disukai sementara ingkar kepada hukum yang mereka anggap berat, tidak menguntungkan atau zalim:

Dan apabila mereka diajak kepada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, maka dengan serta-merta sepuak dari mereka berpaling ingkar (jika keputusan tidak menguntungkan mereka).

Dan (sebaliknya) jika keputusan itu memberi hak kepada mereka, mereka segera datang kepadanya dengan tunduk taat.

(Mengapa mereka bersikap demikian), adakah kerana hati mereka mengandungi penyakit atau kerana mereka ragu-ragu (terhadap kebenaran hukuman) ataupun kerana mereka takut bahawa Allah dan Rasul-Nya akan berlaku zalim kepada mereka? Bahkan merekalah sendiri orang-orang yang zalim. [al-Nur 24:48-50]

Janganlah kita menjadi seumpama orang-orang yang
beriman kepada hukum yang disukai sementara
ingkar kepada hukum yang mereka anggap berat,
tidak menguntungkan atau zalim.

Pelajaran 10:

Kita beriman bahawa apa jua yang dihalalkan oleh Allah, maka ia mengandungi kebaikan yang banyak meskipun yang kelihatan hanyalah keburukan.

Kita juga beriman bahawa apa jua yang diharamkan oleh Allah, maka ia mengandungi keburukan yang banyak sekalipun yang kelihatan adalah kebaikan.

Firman Allah: ***Dia (Rasulullah) menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk dan dia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka.***

Maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya.
[al-A'raaf 7:157]

Pelajaran 11:

Kadangkala berhimpun pada sesuatu perkara kebaikan dan keburukan. Akan tetapi apabila kebaikan melebihi keburukan maka Allah akan menghalalkannya.

Sementara apabila keburukan melebihi kebaikan maka Allah mengharamkannya.

Sebagai contoh, arak dan judi diharamkan kerana keburukan yang ada di dalamnya melebihi kebaikan:

Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya." [al-Baqarah 2:219]

Pelajaran 12:

Baik atau buruk, suka atau benci bukan ditentukan oleh citarasa masing-masing tetapi oleh Allah dan Rasul-Nya, kerana:

Boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya. [al-Baqarah 2:216]

Pelajaran 13:

Mengimani kebaikan poligami, mempelajarinya, menyukainya dan memberi perhatian kepadanya adalah penting sekalipun anda tidak mengamalkan poligami.

Ini kerana di kalangan saudara-mara dan sahabat handai, tentu ada yang berpoligami dan sikap anda terhadap mereka – positif atau negatif – bergantung kepada keimanan, pengetahuan dan perasaan anda terhadap poligami.

Adapun bagi anda yang merancang untuk berpoligami atau sudah berpoligami, maka mengimani kebbaikannya, mempelajarinya, menyukainya dan memberi perhatian kepadanya adalah satu kewajipan.

Pelajaran 14:

Kebaikan Islam akan hanya dikecapi sepenuhnya setelah anda mengamalkannya dengan cara yang betul.

Kebaikan solat akan hanya disedari sepenuhnya setelah anda mendirikaninya dengan cara yang betul.

Kebaikan puasa akan hanya diketahui sepenuhnya setelah anda melaksanakannya dengan cara yang betul.

Kebaikan zakat akan hanya dipersetujui sepenuhnya setelah anda mengeluarkannya dengan cara yang betul.

Kebaikan haji dan umrah akan hanya dirasai sepenuhnya setelah anda menunaikannya dengan cara yang betul.

Kebaikan al-Qur'an akan hanya diakui sepenuhnya setelah anda menelaahnya dengan cara yang betul.

Kebaikan poligami akan hanya diketahui sepenuhnya setelah anda hidup di dalamnya dengan cara yang betul.

Pelajaran 15:

Poligami bermaksud perkahwinan yang melibatkan lebih dari dua pasangan. Secara lebih terperinci:

- Poligini: Seorang suami yang memiliki dua atau lebih isteri.
- Poliandri: Seorang isteri yang memiliki dua atau lebih suami.

Pada masa kini apabila disebut poligami, ia difahami sebagai poligini, iaitu seorang suami yang memiliki dua atau lebih isteri.

Justeru dalam penulisan ini, istilah yang akan digunakan ialah poligami, dengan maksud suami yang memiliki dua atau lebih isteri.

Sementara itu, monogami bermaksud perkahwinan yang melibatkan satu pasangan, iaitu seorang suami dan seorang isteri.

Kebaikan poligami akan hanya diketahui sepenuhnya setelah anda hidup di dalamnya dengan cara yang betul.

Hikmah Poligami

Pelajaran 16:

Hikmah di sebalik poligami tidak jauh berbeza dengan hikmah di sebalik monogami.

Monogami atau poligami, Islam menganjurkan perkahwinan kerana lelaki dan perempuan diciptakan Allah untuk saling melengkapi, membantu dan menyempurna di antara satu sama lain.

Oleh itu, hikmah-hikmah yang dijadikan alasan untuk berkahwin monogami adalah sama untuk poligami, sebagaimana hikmah-hikmah yang dijadikan alasan untuk berkahwin poligami adalah juga sama untuk monogami.

Pelajaran 17:

Membela anak dara tua, ibu tunggal dan perempuan miskin tidak semestinya menjadi hikmah poligami, kerana lelaki bujang boleh juga menikahi mereka.

Mendapatkan anak atau menambah anak tidak semestinya menjadi hikmah poligami kerana masih ramai jumlah anak yatim piatu yang menunggu ibubapa angkat.

Kita tidak perlu bersusah-susah memikirkan hikmah poligami yang membezakannya dengan monogami kerana apabila menganjurkan poligami, Allah tidak menyatakan apa hikmahnya secara khusus.

Menyenaraikan sekian-sekian hikmah untuk poligami akhirnya menyebabkan sebahagian masyarakat menjadikan hikmah tersebut sebagai syarat poligami.

Pelajaran 18:

Poligami apabila dipraktikkan dengan betul oleh suami dan isteri-isteri, akan menjadi faktor yang menarik mereka ke arah syurga.

Pada waktu yang sama, poligami apabila dipraktikkan dengan salah oleh suami dan isteri-isteri, akan menjadi faktor yang menolak mereka ke arah neraka.

Menyenaraikan sekian-sekian hikmah untuk poligami akhirnya menyebabkan sebahagian masyarakat menjadikan hikmah tersebut sebagai syarat poligami.

Pelajaran 19:

Hikmah khusus poligami berbanding monogami, ia mengerah potensi sebenar suami dalam memimpin beberapa keluarga sekali gus.

Memimpin satu keluarga kadang-kala menjadikan suami malas, tidak bermotivasi dan sering mencari aktiviti lain di luar rumah.

Poligami menjadikan suami mengerah pemikiran, tenaga, masa dan harta untuk apa yang bermanfaat, iaitu keluarga-keluarganya.

Ini tentu lebih baik berbanding suami yang menghabiskan masa dan harta di padang golf, membela kereta dan bersembang kosong dengan rakan-rakan di kopitiam.

Pelajaran 20:

Hikmah khusus poligami kepada isteri-isteri, ia dapat mengalihkan kebergantungan mereka daripada suami kepada Allah.

Sekalipun seseorang isteri itu memiliki ilmu agama yang baik, kerjaya yang bagus dan mandiri, secara bawah sadar dia tetap bergantung kepada suaminya.

Atas sebab inilah kebanyakan isteri sukar untuk menerima kehidupan poligami.

Menerima poligami secara bertahap-tahap akan mengalih tempat bergantung seorang isteri daripada suami kepada Allah.

Menerima poligami akan menjadikan Allah nombor satu bagi seorang isteri secara hakikat, tidak lagi secara sebutan di bibir, lencana di jubah atau catatan di dalam blog.

Isteri-isteri yang sukar menerima poligami adalah mereka yang secara hakikatnya masih menombor satukan suami sekalipun lisan mereka menyebut "Allah! Allah! Allah!".

Pelajaran 21:

Hikmah khusus poligami, ia mampu meningkatkan tahap kasih sayang dan penghargaan di antara suami dan isteri.

Menjadi kelaziman manusia, apabila seseorang itu hadir setiap hari dalam kehidupannya, dia kurang mengasihi dan menghargainya.

Namun apabila orang yang sama itu hanya hadir pada hari-hari tertentu, dia akan lebih mengasihi dan menghargainya.

Pelajaran 22:

Hikmah khusus poligami, jika ia dipraktikkan secara betul akan menjadi contoh teladan kepada orang lain, sekaligus menjadi sunnah hasanah yang mengalirkan pahala secara berterusan.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: **"Sesiapa yang memulakan dalam Islam sunnah yang baik lalu ia diamalkan selepas itu, ditulis untuknya (pahala) seperti pahala orang yang mengamalkannya tanpa dikurangkan pahala mereka (para pengamal itu) sedikit pun."** [*Shahih Muslim*, no: 1017]

Para pemimpin jamaah, persatuan, NGO dan organisasi serta para pewaris Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* memainkan peranan penting secara praktikal bagi memulakan kembali sunnah poligami yang telah tenggelam lagi disalahfahami ini.

Para pemimpin jamaah, persatuan, NGO dan organisasi serta para pewaris Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* memainkan peranan penting secara praktikal bagi memulakan kembali sunnah poligami yang telah tenggelam lagi disalahfahami ini.

Pelajaran 23:

Hikmah khusus poligami, adalah ia merupakan salah satu jalan keluar bagi rumahtangga yang kurang bahagia.

Seorang isteri sahaja mungkin tidak dapat memperbaiki sikap suami yang negatif umpama malas atau panas baran. Namun jika dua atau lebih isteri sama-sama bekerja sama memperbaiki suami, ia lebih efektif *insya-Allah*.

Seorang isteri sahaja mungkin merasa letih melayan pelbagai kerenah suami. Namun dengan beberapa isteri, setiap isteri memiliki hari untuk berehat, ketika suaminya bergilir bersama isteri yang lain. Hari rehat tersebut boleh digunakan untuk fokus kepada kerjaya, ibubapa di kampung atau masa sesama muslimat.

Seorang suami mungkin terpaksa berhadapan dengan sikap isteri yang negatif umpama malas atau kerap *nusyuz* (derhaka). Menceraikan isteri bukanlah pilihan yang diinginkan, maka menikahi isteri lain (poligami) dapat memberikannya ketenangan yang tidak diperolehinya bersama isteri sedia ada.

Hukum Poligami

Pelajaran 24:

Terdapat lima pendapat tentang hukum poligami:

1. Poligami asalnya boleh, namun kemudian hukum ini dibatalkan (*nasikh-mansukh*). Justeru kini ia haram.
2. Poligami hanya dibolehkan untuk para wali – yakni penjaga – anak yatim perempuan.
3. Poligami adalah sistem jahiliyah yang dihapuskan oleh Islam secara bertahap-tahap. Ini sebagaimana sistem penghambaan (*slavery*).
4. Poligami hukumnya mubah (harus).
5. Poligami hukumnya *mustahab* (dianjurkan).

Setiap satu pendapat ini akan dikupas dalam pelajaran-pelajaran seterusnya. Kita akan mencari pendapat yang paling kuat bukan berdasarkan nama ulama' mahu pun jumlah mereka yang menyatakannya, tetapi berdasarkan dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunnah:

Kemudian jika kamu berselisihan dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (al-Quran) dan Rasul-Nya (al-Sunnah) jika kamu benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat. Yang demikian adalah lebih baik dan lebih elok pula kesudahannya. [al-Nisa 4:59]

Pelajaran 25:

Ada yang berpendapat hukum poligami asalnya boleh berdasarkan ayat ketiga surah al-Nisa': ***Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan: Dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja.***

Hukum ini kemudiannya dimansuhkan oleh ayat 129 surah al-Nisa': ***Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya).***

Ayat 129 surah al-Nisa' menyatakan bahawa syarat adil yang ditetapkan dalam ayat ketiga surah yang sama adalah mustahil. Apabila syarat yang menjadi kebolehan poligami adalah mustahil, maka hukum poligami itu dengan sendirinya menjadi tidak boleh, yakni haram.

Pelajaran 26:

Hujah pendapat yang mengharamkan poligami dijawab, bahawa keadilan terbahagi kepada dua jenis:

- Keadilan fizikal seperti pemberian nafkah dan giliran hari. Keadilan inilah yang dimaksudkan oleh ayat ketiga surah al-Nisa'. Ia bukanlah sesuatu yang mustahil kerana dapat dihitung dan diagihkan mengikut hak setiap isteri.
- Keadilan rohani seperti kecenderungan hati, kasih sayang dan hubungan seks. Keadilan inilah yang dimaksudkan oleh ayat 129 surah al-Nisa'. Ia memang sesuatu yang agak mustahil kerana tidak dapat dihitung dan diagihkan mengikut hak setiap isteri.

Oleh itu ayat 129 tidak memansuhkan ayat ketiga surah al-Nisa'. Ia saling melengkap di antara satu sama lain dengan merujuk kepada jenis keadilan yang berbeza.

Selain itu, perhatikan sambungan ayat 129 surah al-Nisa': ***janganlah kamu cenderung dengan melampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung.*** [al-Nisa 4:129]

Sambungan ini memberikan tunjuk ajar kepada suami etika dalam berpoligami. Ia menjadi bukti bahawa ayat 129 tidak memansuhkan poligami, bahkan meneruskan pensyariatannya.

Pelajaran 27:

Ada yang berpendapat poligami hanya dibolehkan untuk para wali – yakni penjaga – anak yatim perempuan. Ini kerana satu-satunya ayat al-Qur'an yang menyentuh tentang poligami ditujukan kepada para wali anak-anak yatim perempuan.

Ayat ketiga surah al-Nisa' dimulakan dengan:

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan: Dua, tiga atau empat.

Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

Pelajaran 28:

Hujah pendapat yang membataskan poligami kepada para wali anak yatim perempuan dapat dijawab, bahawa hukum tidak diambil dari kekhususan sebab tetapi dari keumuman ayat.

Justeru sekalipun ayat ketiga surah al-Nisa' dimulakan khusus merujuk kepada para wali anak yatim perempuan, hukum yang dibawahnya tetap umum kepada semua perempuan, baik yatim atau tidak: ***Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan: Dua, tiga atau empat.***

Kita juga dapat perhatikan bahawa manusia yang paling memahami al-Qur'an, yakni Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, tetap mengamalkan poligami sekalipun baginda tidak menjadi wali kepada mana-mana anak yatim perempuan.

Oleh itu lelaki boleh berpoligami hingga empat isteri baik perempuan biasa atau perempuan yatim, selagi mana dia bersikap adil. Dengan ini tertolaklah pendapat yang membataskan poligami kepada wali anak yatim perempuan sahaja.

Pelajaran 29:

Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, terdapat beberapa sahabat yang pada awalnya memiliki lebih daripada empat orang isteri.

Apabila mereka memeluk Islam, Rasulullah menyuruh mereka menghadkan hanya empat isteri dan menceraikan baki yang selebihnya, berdasarkan jumlah yang dibenarkan oleh ayat ketiga surah al-Nisa'. Baginda tidak bertanya sama ada isteri-isteri tersebut asalnya adalah anak perempuan yatim di bawah penjagaan mereka atau tidak.

Salah seorang sahabat yang dimaksudkan ialah al-Harith bin Qais al-Asadi, di mana beliau berkata: ***Aku masuk Islam dan di sisiku ada lapan orang isteri. Lalu aku menceritakan hal ini kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Baginda bersabda: "Pilihlah empat di antara mereka."*** [Shahih Sunan Abu Daud, no: 2241]

Semua ini menunjukkan bahawa ayat ketiga surah al-Nisa' tidak khusus kepada para wali anak yatim wanita, tetapi umum kepada semua lelaki sama ada yang ingin berpoligami atau sudah berpoligami.

Ayat ketiga surah al-Nisa' tidak khusus kepada para wali anak yatim wanita, tetapi umum kepada semua lelaki sama ada yang ingin berpoligami atau sudah berpoligami.

Pelajaran 30:

Ada yang berpendapat, poligami adalah seumpama penghambaan (*slavery*). Kedua-duanya adalah sistem masyarakat yang sudah wujud sejak zaman jahiliyah.

Apabila Islam datang, kedua-dua sistem jahiliyah tersebut ingin dihapuskan. Namun ia dilaksanakan secara bertahap-tahap agar umat Islam dapat menerimanya dengan selesa.

Ini sebagaimana pensyariatkan beberapa hukum yang lain, ia dilaksanakan secara bertahap-tahap agar umat Islam dapat menerimanya dengan selesa. Seandainya ia dilaksanakan secara tiba-tiba, tentu ramai yang sukar untuk menerimanya.

Demikianlah, sehingga zaman kini tidak ada lagi sistem penghambaan dalam Islam. Atas dasar yang sama, sistem poligami juga hampir pupus di mana hanya minoriti umat Islam yang mengamalkannya.

Oleh itu, apa yang patut diusahakan oleh umat Islam, khususnya pihak berwajib dan para ilmunan, ialah menghapuskan sistem poligami sehingga ia tidak lagi wujud atau diamalkan.

Pelajaran 31:

Benar bahwa sistem penghambaan dan poligami sudah wujud sejak zaman jahiliyah. Akan tetapi tidak benar bahwa Islam ingin menghapuskan kedua-dua sistem tersebut.

Apa yang benar ialah Islam tidak menyukai penghambaan, lalu membuka beberapa peluang agar hamba dimerdekakan. Ia dijadikan amal kebajikan berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah dan hari akhirat dan segala malaikat dan segala Kitab dan sekalian Nabi dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang dia menyayanginya, kepada kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan dan kepada orang-orang yang meminta dan memerdekakan hamba-hamba abdi. [al-Baqarah 2:177]

Islam juga menjadikan amalan memerdekakan hamba sebagai satu bentuk penebus kesalahan, seperti firman Allah berkenaan orang yang sengaja melanggar sumpahnya:

Akan tetapi kamu dikira salah oleh-Nya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dalam keadaan bersungguh-sungguh (lalu kamu melanggarnya).

Maka kafaratnya ialah (1) memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, (2) Atau memberi pakaian untuk mereka, (3) Atau memerdekakan seorang hamba.

Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan tiga pilihan kafarat di atas), maka (4) hendaklah dia berpuasa tiga hari.

Yang demikian itu ialah kafarat penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah. [al-Maidah 5:89]

Justeru Islam sentiasa membuka peluang agar hamba-hamba dimerdekakan. Namun sehingga agama Islam ini telah disempurnakan oleh Allah berdasarkan firman-Nya: ***Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu*** [al-Maidah 5:03], Islam tidak pernah menghapuskan sistem penghambaan.

Ini kerana tidak ada sesiapa yang boleh menjamin sehingga Hari Kiamat kelak, sistem penghambaan tidak

akan muncul semula baik kerana peperangan atau perubahan tamadun manusia. Justeru peluang untuk memerdekakan hamba-hamba sentiasa terbuka, seandainya sistem penghambaan muncul semula.

Demikianlah juga dengan sistem poligami, Islam tidak pernah menghapuskannya. Bahkan jika dibanding dengan sistem penghambaan, tidak ada ayat-ayat al-Qur'an mahu pun hadis-hadis Rasulullah yang membenci sistem poligami. Apa yang ada ialah ayat-ayat dan hadis-hadis yang mendidik sistem poligami agar ia dilaksanakan secara betul dan harmonis.

Kesimpulannya, sistem poligami masih sah (*valid*) dalam Islam sehingga Hari Kiamat sebagaimana memerdekakan hamba sebagai amal kebajikan dan penebus kesalahan masih sah sehingga Hari Kiamat.

Pelajaran 32:

Ada yang berpendapat, hukum poligami adalah mubah (harus). Ini merujuk kepada sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang hidup di kedua-dua alam monogami dan poligami, tidak poligami sahaja.

Rasulullah pernah monogami, iaitu apabila baginda hidup bersama Khadijah *radhiallahu 'anha* sahaja sehinggalah beliau meninggal dunia.

Rasulullah pernah poligami, iaitu apabila baginda hidup bersama 'Aisyah dan isteri-isteri yang lain *radhiallahu 'anhum*, selepas Khadijah meninggal dunia.

Oleh itu sunnah Rasulullah bukanlah poligami sahaja tetapi monogami dan poligami. Oleh itu juga, hukum poligami adalah mubah (harus) di mana seseorang itu boleh memilih antara monogami atau poligami.

Pelajaran 33:

Para ilmuan telah membahagikan kehidupan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, manhaj dakwah baginda dan ayat-ayat al-Qur'an kepada dua fasa, Fasa Mekah dan Fasa Madinah.

Fasa Mekah: Tiada ayat al-Qur'an atau syari'at khusus tentang poligami. Sama ada monogami atau poligami, maka ia terbuka kepada pilihan masing-masing. Rasulullah memilih monogami, iaitu Khadijah sahaja.

Fasa Madinah: Surah al-Nisa' yang mengandungi ayat tentang poligami (ayat ketiga) diturunkan. Oleh itu Rasulullah berpoligami dalam fasa ini.

Hukum Islam tidak dianggap muktamad pada zaman awal kerana sedia diketahui syari'at Islam diturunkan secara bertahap-tahap, menjangkaui tempoh 23 tahun. Hukum Islam yang muktamad ialah pada saat Islam sudah sempurna, al-Qur'an tidak lagi diturunkan dan Rasulullah wafat.

Pada saat ini, sunnah Rasulullah ialah poligami dan bukannya monogami.

Pelajaran 34:

Ada yang berpendapat hukum poligami ialah *mustahab*, yakni dianjurkan. Ini kerana Allah *Subhanahu waTa'ala* menggunakan kata kerja perintah "**Maka berkahwinlah...**" dalam ayat poligami:

Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan: Dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja. [al-Nisa' 4:03]

Apa jua yang diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya, hendaklah kita cuba melaksanakannya sekadar yang mampu.

Justeru hukum poligami ialah *mustahab* (dianjurkan) selagi mana suami dapat memenuhi syarat-syaratnya. (Lihat bab Syarat-Syarat dan Larangan-Larangan Poligami)

Inilah pendapat yang paling tepat di antara lima pendapat yang ada berkenaan hukum poligami.

Pelajaran 35:

Terdapat perbincangan berkenaan hukum asal perkahwinan, apakah monogami atau poligami. Ia dapat diperincikan seperti berikut:

Pandangan Pertama:

Hukum asal perkahwinan ialah monogami berdasarkan firman Allah *Subhanahu waTa'ala*: ***Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan.*** [al-Nur 24:32]

Ayat di atas menyuruh orang-orang yang masih bujang untuk berkahwin. Ia tidak menyuruh orang yang sudah berkahwin untuk berkahwin lagi. Ini menunjukkan bahawa hukum asal perkahwinan ialah monogami.

Pandangan Kedua:

Hukum asal perkahwinan ialah poligami. Ini berdasarkan himpunan serta gandingan ayat 32 surah al-Nur dan ayat ketiga surah al-Nisa':

Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. [al-Nur 24:32]

Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan: Dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja. [al-Nisa' 4:03]

Berdasarkan kedua-dua ayat ini, hendaklah lelaki atau perempuan yang bujang berkahwin. Akan tetapi khusus bagi lelaki, mereka berkahwin lagi sehingga maksimum empat isteri, selagi mana mereka menepati syarat-syaratnya. Jika syarat-syarat ini tidak dapat dipenuhi, maka memadai dengan seorang isteri.

Di antara dua pandangan ini, yang lebih dicenderung ialah **Pendapat Kedua** kerana ia merupakan himpunan dan gandingan kedua-dua ayat al-Qur'an terbabit. Oleh itu, hukum asal perkahwinan dalam Islam ialah poligami.

Poligami sebagai hukum asal perkahwinan merupakan pandangan beberapa orang tokoh agamawan seperti Syaikh 'Abdul 'Aziz bin Baz, bekas mufti Arab Saudi dan Syaikh 'Abdul Fatah Idris, pensyarah Fakulti Syari'ah dan Undang-Undang Universiti al-Azhar, Mesir.

Meski pun pandangan ini seperti janggal atau baru pertama kali dibaca, benar atau salah hendaklah dirujuk kepada penghujahan mereka.

Penjelasan Tambahan:

Secara lebih halus, ayat 32 surah al-Nur ditujukan kepada masyarakat, khususnya ibubapa, untuk menikahkan anak-anak mereka yang masih bujang. Perintah Allah: (وَأَنْكَحُوا الْأَيَامَىٰ مِنْكُمْ) ***Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu...*** ditujukan kepada masyarakat – khususnya ibubapa, bukan kepada diri orang yang masih membujang.

Syaikh Muhammad Mutawalli Sya'rawi menjelaskan: Perintah di sini tidak ditujukan kepada satu orang, tetapi kepada banyak orang iaitu para wali yang memiliki anak-anak lelaki dan perempuan yang belum berkahwin. Segeralah menikahkan mereka dan permudahkanlah biaya pernikahannya sehingga mereka merasa terbantu. [*Tafsir Sya'rawi*, jld. 9, ms. 597]

Oleh itu tidaklah tepat jika ayat 32 surah al-Nur ini digunakan sebagai hujah monogami. Ini kerana ayat tersebut boleh juga merujuk kepada perkahwinan poligami.

Sebagai contoh, apabila seorang lelaki yang sudah berkahwin datang kepada ibubapa untuk melamar anak perempuan mereka yang masih bujang sebagai isteri keduanya, ibubapa hendaklah mempertimbangkan lamaran tersebut. Ini kerana anak perempuan mereka yang masih bujang itu termasuk dalam ayat 32 surah al-Nur.

Pelajaran 36:

Ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menganjurkan perkahwinan, semuanya berbentuk umum.

Keumuman ini bererti berkahwinlah, berkahwinlah (poligami), asalkan tidak melebihi empat isteri dan memenuhi syarat-syaratnya. Ini kerana pada zaman Rasulullah, istilah *monogami* dan *poligami* tidak wujud. Kita tidak akan menemui ayat al-Qur'an atau hadis Rasulullah yang menyebut *poligami* mahu pun *monogami*. Apa yang ada ialah anjuran untuk berkahwin secara umum dan ancaman bagi sesiapa yang sengaja enggan.

Oleh itu tidak boleh membataskan anjuran Islam untuk berkahwin kepada perkahwinan monogami sahaja.

Salah satu hadis anjuran yang dimaksudkan ialah:
Apabila seorang hamba menikah, maka sungguh dia telah menyempurnakan separuh agamanya. Maka hendaklah dia bertaqwa kepada Allah pada separuh yang selebihnya. [Riwayat al-Baihaqi, *Shahih al-Targhib wa al-Tarhib*, no: 1916-B]

Salah satu hadis yang mengancam orang yang sengaja enggan berkahwin ialah:

Datang tiga orang ke rumah-rumah para isteri Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bertanya tentang

ibadat Nabi shallallahu 'alaihi wasallam. Tatkala dikhabarkan (tentang ibadat baginda), mereka merasakan seolah-olah ia sedikit. Lalu mereka berkata: "Di manakah kedudukan kita jika dibandingkan dengan kedudukan Nabi shallallahu 'alaihi wasallam yang telah diampunkan dosa-dosanya yang lalu dan apa yang akan datang?"

Berkata salah seorang daripada mereka: "Adapun aku, maka aku akan bersolat malam selama-lamanya." Berkata yang lain: "Aku akan berpuasa sepanjang masa dan tidak akan berbuka." Berkata yang terakhir: "Aku akan menghindari wanita dan tidak akan bernikah selama-lamanya."

Maka Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam datang kepada mereka dan bersabda: "Kaliankah yang mengatakan begini dan begitu? Ketahuilah! Demi Allah, sesungguhnya aku orang yang paling takut di antara kalian kepada Allah dan paling bertakwa kepada-Nya di antara kalian. Akan tetapi aku berpuasa dan berbuka, bersolat (malam) dan tidur, serta aku menikahi wanita. Maka sesiapa yang berpaling dari sunnahku maka dia tidak termasuk dari aku." [Shahih al-Bukhari, no: 4675]

Kita tidak akan menemui ayat al-Qur'an atau hadis Rasulullah yang menyebut poligami mahu pun monogami. Apa yang ada ialah anjuran untuk berkahwin secara umum dan ancaman bagi sesiapa yang sengaja enggan.

Pelajaran 37:

Sekali pun penulis mencenderungi pendapat bahawa hukum poligami ialah *mustahab* (dianjurkan) dan ia merupakan hukum asal dalam perkahwinan, penulis tetap meraikan pendapat yang menyatakan hukum poligami ialah *mubah* (harus) dan hukum asal perkahwinan ialah monogami.

Adab kita apabila berhadapan dengan perbezaan pendapat ialah meraikan kedua-duanya meski pun kita mencenderungi salah satu darinya. Ini dengan syarat pendapat-pendapat tersebut semuanya memiliki dalil dan hujah.

Apabila dicenderungi bahawa poligami ialah hukum asal perkahwinan lagi dianjurkan, ia membawa beberapa faedah:

- Subjek poligami akan disentuh dengan lebih kerap dalam kuliah-kuliah, sepertimana subjek thaharah, solat, puasa dan lain-lain.
- Suami akan memiliki wawasan bahawa apabila Allah mengurniakan kepadanya pelbagai kelebihan satu hari kelak, dia akan berpoligami untuk memanfaatkan kurniaan tersebut, agar dikongsi bersama oleh dua atau lebih ahli keluarga.
- Sejak awal, isteri akan sedar bahawa dia bukanlah

satu-satunya milik suami. Atas kesedaran ini, dia tidak akan terkejut, sakit hati atau terasa dizalimi andai pada satu hari kelak suaminya berpoligami.

- Meluaskan pilihan (*option*) kepada para wanita bahawa untuk mencari pasangan hidup, tidak semestinya dihadkan lelaki bujang.
- Masyarakat tidak akan berburuk sangka kepada orang-orang yang berpoligami. Ibubapa, sanak saudara, sahabat handai akan mengetahui ia adalah sesuatu yang normal.

Ada pun pendapat yang menyatakan:

- poligami adalah haram,
- poligami hanya untuk wali anak yatim,
- poligami telah dimansuhkan,
- poligami hanya boleh apabila isteri sedia ada memiliki keuzuran seperti penyakit atau mandul,

maka semua ini adalah pendapat yang batil lagi tertolak.

Kontroversi Poligami

Ali bin Abi Thalib.

Pelajaran 38:

Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh* pernah merancang untuk memadukan Fathimah binti Muhammad *radhiallahu 'anha*, akan tetapi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* melarang beliau. Ini merujuk kepada hadis berikut:

al-Miswar bin Makhramah berkata: Sesungguhnya Ali bin Abu Thalib pernah meminang puteri Abu Jahal dengan memadukan Fathimah. Lalu aku mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam berkhutbah di atas mimbar ini mengenai hal itu, yang pada waktu itu aku sudah baligh. Baginda bersabda:

Sesungguhnya Fathimah adalah bahagian daripadaku. Sesungguhnya aku takut terjadi fitnah pada agamanya. [Shahih al-Bukhari, no: 2879]

Diriwayatkan juga bahawa baginda bersabda: ***Fathimah adalah bahagian daripada diriku. Sesiapa yang menjadikannya marah bererti membangkitkan kemarahanku.*** [Shahih al-Bukhari, no: 3483]

Peristiwa ini menjadi hujah masyhur di kalangan pihak yang menolak poligami.

Pelajaran 39:

Marilah kita mengkaji peristiwa ini secara lebih mendalam.

Langkah pertama ialah dengan merujuk kepada hadis tersebut secara keseluruhan. Pengajaran penting terdapat di penghujung hadis di mana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Dan sesungguhnya aku bukan ingin mengharamkan sesuatu yang halal, bukan pula menghalalkan sesuatu yang haram. Akan tetapi Demi Allah, selamanya tidak akan berkumpul puteri Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dengan puteri musuh Allah di satu tempat selama-lamanya. [Shahih al-Bukhari, no: 2879]

Sayang sekali penghujung hadis ini kerap kali disembunyikan oleh pihak yang menolak poligami.

Pelajaran 40:

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:
Dan sesungguhnya aku bukan ingin mengharamkan sesuatu yang halal, bukan pula menghalalkan sesuatu yang haram.

Ini menunjukkan bahawa apabila baginda melarang Ali bin Abi Thalib memadukan Fathimah, ia bukan kerana mengharamkan sesuatu yang halal. Dalam erti kata lain, ia bukan untuk mengubah hukum poligami, bahkan tiada kaitan dengan poligami.

Akan tetapi sebab baginda melarang Ali bin Abi Thalib memadukan Fathimah ialah kerana: ***Akan tetapi Demi Allah, selamanya tidak akan berkumpul puteri Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dengan puteri musuh Allah di satu tempat selama-lamanya.***

Ringkasnya, faktor larangan ialah kerana berkumpulnya puteri Rasulullah dan puteri musuh Allah dalam satu tempat.

Faktor larangan bukan kerana poligami.

Faktor larangan ialah kerana berkumpulnya puteri
Rasulullah dan puteri musuh Allah dalam satu tempat.
Faktor larangan bukan kerana poligami.

Pelajaran 41:

Apabila Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: ***Sesungguhnya aku takut terjadi fitnah pada agamanya***, fitnah yang ditakuti ialah pengaruh buruk yang mungkin dibawa oleh anak musuh Allah kepada agama Fathimah. Sekalipun puteri Abu Jahal telah memeluk Islam, kemungkinan besar baginda mengetahui apa yang tidak diketahui oleh orang ramai ketika itu.

Di antara mukjizat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah baginda – dengan petunjuk wahyu – dapat mengetahui isi hati seseorang sama ada dia jujur dalam keimanan atau seorang yang munafik.

Baginda mengetahui siapakah orang munafik pada zaman baginda, hanya baginda enggan mengambil apa-apa tindakan kerana tidak mahu orang berkata “Muhammad membunuh para sahabatnya”.

Oleh itu pengetahuan Rasulullah tentang isi hati puteri Abu Jahal sudah tentu lebih unggul berbanding kita yang hanya menilai secara luaran dan zahir.

Pelajaran 42:

Apabila Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: ***Sesiapa yang menjadikannya marah bererti membangkitkan kemarahanku,*** ia merujuk kepada kemarahan Fathimah apabila orang ramai menyindir konon ayahnya (Rasulullah) tidak ambil peduli nasib puterinya yang akan dimadu dengan puteri musuh Allah.

Ini berdasarkan sebuah riwayat lain: ***Ali pernah meminang puteri Abu Jahal lalu hal itu didengar oleh Fathimah. Maka Fathimah menemui Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan berkata; "Kaummu berkata bahwa kamu tidak marah demi puteri kamu, kerana Ali sekarang hendak menikahi puteri Abu Jahal."***

Maka Rasulullah berkhutbah: ***Dan sesungguhnya Fathimah adalah bahagian daripada diriku dan sungguh aku tidak suka apabila ada orang yang menyusahkannya. Demi Allah, tidak akan berkumpul puteri Rasulullah dan puteri musuh Allah bersama satu orang laki-laki."*** Maka Ali membatalkan pinangannya. [Shahih al-Bukhari, no: 3450]

Oleh itu kemarahan Fathimah bukanlah kerana hajat Ali untuk berpoligami tetapi kerana mendengar sindiran orang ramai terhadap ayahnya.

Kemarahan Fathimah bukanlah kerana hajat Ali untuk berpoligami tetapi kerana mendengar sindiran orang ramai terhadap ayahnya.

Pelajaran 43:

Oleh itu larangan ini adalah khusus untuk puteri-puteri Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah*:

Adapun yang nampak bagiku bahawa tidak terlalu jauh bila dikatakan ini termasuk kekhususan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* untuk tidak memadukan anak-anak perempuannya. Mungkin juga yang demikian khusus bagi Fathimah *'alaihissalam*.
[*Fath al-Bari*, jld. 25, ms. 773, syarah hadis no: 5230]

Pelajaran 44:

Ibn Qayyim al-Jauziyah *rahimahullah* menjelaskan:

Pada larangan baginda kepada Ali untuk tidak memadukan antara Fathimah *radhiallahu 'anha* dengan puteri Abu Jahal, terdapat hikmah yang sangat mendalam iaitu seorang wanita mengikut darjat suaminya. Jika wanita itu sudah mempunyai darjat yang tinggi dan demikian pula suaminya, maka dia berada pada kedudukan yang tinggi kerana dirinya dan sekaligus kerana suaminya.

Beginilah keadaan Fathimah dan Ali *radhiallahu 'anhuma* dan Allah *'Azza wa Jalla* tidak akan menjadikan puteri Abu Jahal dan Fathimah berada pada darjat yang sama, tidak kerana faktor dirinya sendiri dan tidak pula kerana faktor orang lain, kerana ada perbezaan yang sangat jauh antara kedua-duanya.

Maka poligami Ali terhadap pimpinan kaum wanita di alam semesta tidak terpuji secara syari'at dan tidak pula secara taqdir. Baginda telah memberikan isyarat akan hal ini dengan sabdanya: ***"Demi Allah, puteri utusan Allah tidak boleh berkumpul dengan puteri musuh Allah di satu tempat selamanya."*** [Zaad al-Ma'ad, jld. 6, ms. 139]

Pelajaran 45:

Ada yang mendakwa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* melarang Ali berpoligami kerana prihatin kepada perasaan cemburu Fathimah. Dikatakan juga Fathimah keseorangan sehingga tidak ada sesiapa yang dapat menghiburkan dirinya dari perasaan cemburu tersebut.

Dakwaan ini tertolak dari beberapa sudut:

1. Tidak ada bukti kukuh bahawa Fathimah menghadapi masalah kecemburuan yang berat sehingga Rasulullah perlu campur tangan.
2. Dalam hadis-hadis sahih sedia tercatat peristiwa kecemburuan di antara isteri-isteri Rasulullah. Namun baginda tidak menjadikannya sebagai alasan untuk tidak berpoligami. Andai benar Rasulullah campur tangan dalam kecemburuan puterinya tetapi membiarkan kecemburuan para isterinya, bererti baginda mengamalkan *double standard* yang tercela. Sudah tentu ini tidak benar ke atas baginda.
3. Fathimah tidak keseorangan. Beliau masih memiliki Allah, Rasulullah, Ali bin Abi Thalib, Hasan dan Husein.

Cemburu ialah reaksi seseorang apabila sesuatu yang memiliki kepentingan bagi dirinya disaingi atau dicabar. Reaksi tersebut boleh jadi perasaan yang benci dan marah, boleh juga diterjemahkan kepada perbuatan

fizikal seperti memecahkan atau membaling barang. Malah boleh sampai ke tahap perang dingin yang berpanjangan.

Sementara Fathimah binti Muhammad *radhiallahu 'anha* ialah seseorang yang dikhabarkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai: **"Wahai Fathimah, mahukah kamu menjadi pemimpin para isteri orang-orang mukmin atau sebaik-baiknya wanita umat ini?"** [Shahih Muslim, no: 4487]

Setiap insan memiliki sifat cemburu. Namun mengatakan pemimpin para isteri dan sebaik-baik wanita umat ini memiliki sikap cemburu berlebih-lebihan yang menghalang suaminya dari berpoligami adalah satu tuduhan yang tidak benar.

Pelajaran 46:

Meski pun Ali bin Abi Thalib tidak memadukan Fathimah, beliau memiliki isteri lain dari kalangan hamba perempuan.

Dalam hukum poligami, lelaki yang ingin berpoligami tetapi bimbang tidak dapat berlaku adil kepada para isterinya boleh menjadikan para hamba perempuan sebagai isteri. Tidak wajib berlaku adil ke atas para hamba perempuan. Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. [al-Nisa' 4:03]

Pada zaman Rasulullah, Ali hidup dalam keadaan ekonomi yang minimum sehingga beliau tidak mampu untuk berpoligami. Apabila Allah melapangkan rezeki-Nya kepada Ali, beliau memilih untuk melamar puteri Abu Jahal. Namun pilihan ini dilarang oleh Rasulullah kerana puteri Rasul Allah dan puteri musuh Allah tidak boleh berkumpul pada seorang suami.

Sekali pun demikian, Ali memiliki isteri dari kalangan hamba perempuan yang dimilikinya. Buraidah *radhiallahu 'anh* menerangkan:

Rasulullah shallallahu 'alaihi wassalam

mengutus Ali untuk menemui Khalid bin al-Walid agar mengambil seperlima harta rampasan perang. Aku adalah orang yang membenci Ali, yang pada waktu itu dia baru selesai mandi (wajib kerana melakukan hubungan seks dengan seorang wanita tawanan perang).

Lalu aku berkata kepada Khalid: "Apakah kamu tidak melihat apa yang dilakukannya?" Tatkala aku menemui Rasulullah, aku sampaikan kepada beliau perihal Ali. Maka baginda bersabda: "Wahai Buraidah! Apakah kamu membenci Ali?" Aku (Buraidah) menjawab: "Ya."

Rasulullah bersabda: "Jangan membencinya kerana dia berhak mendapatkan yang lebih dari itu dari harta rampasan perang." [Shahih al-Bukhari, no: 4003]

Merujuk kepada peristiwa yang sama, Ali sendiri menerangkan bahawa dia telah melakukan hubungan seks dengan salah seorang hamba perempuan (tawanan perang) yang terbaik ketika itu. [Musnad Ahmad, no: 22967, sahih]

Peristiwa di atas berlaku ketika Ali sudah menikahi Fathimah kerana pernikahan mereka berlaku selepas Perang Badar manakala Khalid bin al-Walid masuk Islam selepas Perang Uhud.

Hadis ini menjadi dalil bahawa Ali pada zaman

Rasulullah memiliki isteri selain Fathimah, hanya isteri tersebut adalah dari kalangan hamba perempuan.

Andaikata poligami dilarang secara mutlak, nescaya Ali tidak akan memiliki isteri selain Fathimah baik dari kalangan wanita merdeka mahu pun wanita hamba.

Andaikata poligami dilarang kerana kecemburuan Fathimah, maka Rasulullah akan melarang Ali menikahi wanita lain baik yang merdeka mahu pun hamba.

Padahal Ali telah memilih tawanan perang yang terbaik untuk melakukan hubungan seks dengannya sementara Rasulullah menekankan bahawa Ali berhak mendapat yang lebih baik lagi. Kecemburuan apakah yang lebih tinggi bagi seorang isteri melainkan apabila suaminya melakukan hubungan seks dengan wanita lain?

Meski pun Ali bin Abi Thalib tidak memadukan
Fathimah, beliau memiliki isteri lain dari kalangan
hamba perempuan.

Syarat-Syarat Poligami

Pelajaran 47:

Syarat-syarat poligami ada lima, empat di antaranya umum untuk monogami dan poligami, satu daripadanya khusus untuk poligami. Syarat-syarat tersebut ialah:

1. Mampu memimpin ahli keluarga, yakni isteri-isteri dan anak-anak.
2. Mampu memelihara dirinya dan ahli keluarganya dalam urusan agama.
3. Mampu memberi nafkah kepada ahli keluarga.
4. Tegas lagi berdisiplin agar tidak leka atau terperdaya dengan ahli keluarga.
5. Adil di antara semua ahli keluarga.

Pelajaran 48:

Syarat pertama ialah mampu memimpin ahli keluarga, yakni isteri-isteri dan anak-anak. Ini merujuk kepada firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. [al-Nisa' 4:34]

Baik monogami atau poligami, lelaki disyaratkan memiliki ciri-ciri kepimpinan yang dengan itu dia bertanggungjawab ke atas agama, keselamatan, kehormatan dan keharmonian ahli keluarganya.

Pelajaran 49:

Syarat kedua ialah mampu memelihara dirinya dan ahli keluarganya dalam semua urusan agama sebagaimana firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari Neraka yang bahan-bahan bakarannya manusia dan batu (berhala); Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya).
[al-Tahrim 66:06]

Memelihara dalam urusan agama antara lain bererti memberi pendidikan agama, mengawasi penghayatan perintah-larangan agama serta bijak dalam memberi nasihat serta teguran kepada ahli keluarga. Sudah tentu semua ini bermula dari diri suami itu sendiri, sebagai contoh teladan yang terbaik kepada ahli keluarganya.

Memelihara dalam urusan agama tidak cukup dengan kelas tajwid dan fardhu ain, tetapi meluas kepada mempelajari Manhaj *Ahlus Sunnah wal Jamaah* serta mempertahankan diri daripada aliran-aliran sesat seperti Syi'ah, Islam Liberal dan Anti-Hadis.

Pelajaran 50:

Syarat ketiga ialah mampu memberi nafkah kepada ahli keluarganya. Ini adalah tanggungjawab seorang suami dan ayah sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Hendaklah orang (suami) yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu).
[al-Thalaq 65:07]

Sama ada monogami atau poligami, suami wajib menyediakan keperluan asas ahli keluarganya seperti tempat tinggal, pakaian, makanan, pendidikan dan perubatan (jika sakit).

Kadar nafkah adalah mengikut kemampuan suami dan bukannya permintaan ahli keluarga. Isteri yang bekerja atas persetujuan suami boleh menyumbang dalam perbelanjaan keluarga atas dasar sukarela dan persefahaman suami-isteri.

Pelajaran 51:

Syarat keempat, suami hendaklah berdisiplin dan tegas agar tidak leka atau terperdaya dengan ahli keluarga. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengingatkan:

Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya ada di antara isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu yang menjadi musuh bagi kamu; oleh itu awaslah serta berjaga-jagalah kamu terhadap mereka.

Dan kalau kamu memaafkan dan tidak marahkan (mereka) serta mengampunkan kesalahan mereka (maka Allah akan berbuat demikian kepada kamu), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. [al-Taghabun 64:14]

Oleh itu dalam institusi monogami atau poligami, suami adalah pemimpin dan bukan yang dipimpin, penjaga dan bukannya dijaga serta pengawal dan bukannya dikawal.

Suami hendaklah berada di pertengahan antara tegas dan hikmah, berdisiplin dan toleran. Pada waktu yang sama hendaklah bersikap ***...memaafkan dan tidak marahkan (mereka) serta mengampunkan kesalahan mereka.***

Pelajaran 52:

Syarat kelima, suami yang berpoligami hendaklah adil di antara semua ahli keluarganya berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja. [al-Nisa' 4:03]

Maksud adil ialah setiap ahli keluarga mendapat hak masing-masing mengikut kemampuan suami. Ini akan dikupas dalam pelajaran-pelajaran seterusnya.

Suami adalah pemimpin dan bukan yang dipimpin,
penjaga dan bukannya dijaga serta pengawal dan
bukannya dikawal.

Pelajaran 53:

Suami yang ingin berpoligami tetapi belum mampu memenuhi syarat-syarat ini, hendaklah menangguk rancangannya sehingga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mencukupkan syarat-syarat poligami untuknya.

Jangan berputus asa terhadap taqdir, rahmat dan kurniaan Allah.

Misalnya tentang syarat suami memberi nafkah, Allah menjanjikan: ***(Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.*** [al-Thalaq 65:07]

Dalam ayat yang lain: ***Dan orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin, hendaklah mereka menjaga kehormatannya sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya.*** [al-Nur 24:33]

Suami yang belum memenuhi syarat untuk berpoligami tidak wajar menetapkan bahawa dirinya tidak akan berpoligami. Ini kerana tiada siapa yang tahu apa yang ditaqdirkan oleh Allah pada masa depan.

Larangan-Larangan Poligami

Pelajaran 54:

Jumlah maksima isteri-isteri untuk seorang suami yang berpoligami ialah empat isteri dalam satu masa. Tidak boleh melebihi jumlah ini.

Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*: ***Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan: Dua, tiga atau empat.*** [al-Nisa' 4:03] bukan bererti $2 + 3 + 4 = 9$ isteri tetapi 2 atau 3 atau 4 isteri.

Pengecualian lebih dari empat isteri hanyalah untuk Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berdasarkan firman Allah:

Wahai Nabi, sesungguhnya Kami telah halalkan bagimu isteri-isterimu yang engkau berikan mas kahwinnya dan hamba-hamba perempuan yang engkau miliki.....perkahwinan yang demikian adalah khas bagimu semata-mata, bukan bagi orang-orang yang beriman umumnya. [al-Ahzab 33:50 secara berpisah]

Pelajaran 55:

Seorang suami yang memiliki empat isteri lalu mentalak salah seorang isterinya, tidak boleh menikahi isteri yang baru sehinggalah tamat tempoh iddah bagi isteri yang ditalaknya.

Ini kerana dalam tempoh tersebut perceraian masih belum muktamad dan suami masih berpeluang untuk rujuk semula kepada isterinya.

Pelajaran 56:

Seorang suami tidak boleh memadukan antara dua perempuan yang bersaudara, baik persaudaraan di pihak ayah, ibu mahupun kerana persusuan.

Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman: ***Diharamkan atas kamu.....menghimpunkan (serentak dalam perkawinan) dua perempuan yang bersaudara.*** [al-Nisa' 4:23 secara berpisah]

Adapun kerana persusuan, yakni lima kali susuan yang mengenyangkan bersama ibu yang sama ketika umur di bawah dua tahun, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: ***Diharamkan kerana persusuan apa yang diharamkan kepada nasab.*** [Shahih Muslim, no: 2621]

Pelajaran 57:

Seorang isteri yang dimadukan oleh suaminya ditegah dari meminta cerai. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengingatkan: ***Mana-mana wanita yang meminta cerai daripada suaminya tanpa alasan yang munasabah, maka haram baginya bau syurga.*** [Shahih Sunan Abu Daud, no: 2226]

Jika seorang isteri mendapati suaminya sering melakukan dosa besar umpamanya, maka ia adalah sebab munasabah untuk meminta cerai.

Adapun jika suami memadukannya, maka ia bukan sebab yang munasabah kerana berpoligami dianjurkan oleh syari'at dan bukan satu dosa besar.

Poligami adalah syari'at Allah dan para wanita adalah ciptaan Allah. Apa yang Allah syari'atkan pasti sesuai dengan ciptaan-Nya dan apa yang Allah ciptakan pasti sesuai dengan syari'at-Nya.

Isteri yang meminta cerai kerana dimadukan ialah isteri yang mendahulukan bisikan syaitan dan kehendak nafsunya di atas Allah dan syari'at-Nya.

Penjelasan Tambahan:

Sebahagian pihak membolehkan isteri meminta cerai (*khulu'*) semata-mata kerana benci kepada suami yang berpoligami. Lebih luas, mereka membolehkan isteri

meminta cerai daripada suami tanpa apa-apa sebab yang syar'e mahupun munasabah.

Mereka mendiamkan hadis di atas dan berhujah berdasarkan hadis berikut: ***Sesungguhnya isteri Tsabit bin Qais datang kepada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam dan berkata:***

"Wahai Rasulullah! Tsabit bin Qais tidak aku cela dalam akhlak dan agamanya, akan tetapi aku tidak menyukai kekufuran di dalam Islam."

Rasulullah bertanya: "Apakah engkau (sudi) mengembalikan kebunnya kepada (Tsabit, yang sebelum itu diberikan sebagai mas kahwin)?"

Isteri Tsabit menjawab: "Ya."

Rasulullah bersabda (kepada Tsabit): "Terimalah kebun itu dan talaklah dia dengan talak satu." [Shahih al-Bukhari, no: 5273]

Zahir hadis menunjukkan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* membenarkan seorang isteri meminta cerai meski pun suaminya tidak memiliki masalah dari aspek akhlak dan agama.

Akan tetapi hakikat sebenar tidaklah sedemikian. Isteri Tsabit adalah seorang yang mulia, beliau tidak mahu mendedahkan aib Tsabit kepada Rasulullah atau orang lain. Namun apa yang sebenarnya berlaku antara beliau dan

Tsabit dapat diketahui melalui sebuah riwayat lain:

Daripada al-Rubayi' binti Mu'awwidz, bahawa Tsabit bin Qais memukul isterinya hingga tangannya patah. Isterinya (bernama) Jamilah binti Abdullah bin Ubay.

Kemudian datanglah saudara lelaki (Jamilah) kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, mengadu berkenaan sikap suami tersebut (Tsabit). Maka Rasulullah mengutus seseorang kepada Tsabit..... [Shahih Sunan al-Nasa'e, no: 3497]

Berdasarkan riwayat di atas, kesalahan Tsabit bin Qais memang diakui syarak lagi munasabah untuk Jamilah (isterinya) meminta cerai daripadanya. Meski pun Jamilah ingin menutupi aib suaminya di depan Rasulullah, baginda sudah pun mengetahui tentang kesalahan Tsabit setelah dikhabarkan oleh saudara lelaki Jamilah.

Oleh itu Jamilah tidak meminta cerai daripada Tsabit tanpa apa-apa sebab yang syar'e atau munasabah.

Kesimpulannya, seorang isteri tetap terikat dengan hadis berikut sebelum dia hendak membuat keputusan meminta cerai: ***Mana-mana wanita yang meminta cerai daripada suaminya tanpa alasan yang munasabah, maka haram baginya bau syurga.*** [Shahih Sunan Abu Daud, no: 2226]

Poligami adalah syari'at Allah dan para wanita adalah ciptaan Allah. Apa yang Allah syari'atkan pasti sesuai dengan ciptaan-Nya dan apa yang Allah ciptakan pasti sesuai dengan syari'at-Nya.

Pelajaran 58:

Seorang isteri dilarang dari meminta agar madunya diceraikan. Umpama isteri ketiga yang meminta agar suami menceraikan isteri kedua atau isteri pertama yang meminta agar suami menceraikan isteri kedua.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:
Janganlah seorang isteri meminta suaminya supaya menceraikan madunya agar segala keperluannya dipenuhi, akan tetapi biarkanlah suami menikah kerana Allah telah mentaqdirkan bahagiannya.
[*Shahih Muslim*, no: 2519]

Ertinya, setiap isteri telah Allah *Subhanahu waTa'ala* taqdirkan bahagian nafkah dan gilirannya, maka janganlah para isteri saling bersaing dengan meminta suami menceraikan isteri yang lain.

Pelajaran 59:

Para ilmuwan berbeza pendapat tentang isteri yang ketika akad nikahnya, mensyaratkan agar suaminya tidak berpoligami.

Ada yang berkata syarat itu sah berdasarkan hadis: ***Syarat yang paling patut kalian tepati adalah apa yang membuat kemaluan (isterimu) dihalalkan untukmu (yakni akad nikah).*** [Shahih al-Bukhari, no: 2520]

Ada yang berkata syarat itu tidak sah berdasarkan hadis: ***Kaum muslimin hendaklah memenuhi syarat-syarat di antara mereka kecuali syarat yang mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram.*** [Shahih Sunan al-Tirmizi, no: 1352]

Apa yang lebih tepat ialah syarat tersebut tidak sah kerana poligami, baik hukumnya *mubah* (harus) atau *mustahab* (dianjurkan), adalah sesuatu yang dihalalkan. Justeru seorang isteri tidak patut mengharamkan ke atas suaminya apa yang dihalalkan oleh Allah *Subhanahu waTa'ala*.

Pelajaran 60:

Baik ketika masih monogami atau sudah berpoligami, suami dilarang daripada mengharamkan ke atas dirinya apa yang dihalalkan oleh Allah *Subhanahu waTa'ala*, semata-mata untuk mencari keredhaan isteri/isteri-isterinya.

Ambillah iktibar dari peristiwa yang pernah berlaku kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Pernah baginda ketika di rumah salah seorang isterinya meminum madu, lalu hal ini disindir oleh beberapa isteri baginda yang lain.

Untuk menjaga hati isteri-isterinya itu, baginda berjanji untuk tidak minum madu lagi. Tindakan Rasulullah ini ditegur oleh Allah melalui firman-Nya:

Wahai Nabi! Mengapa engkau mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah bagimu, (kerana) engkau hendak mencari keredhaan isteri-isterimu? (Dalam pada itu, Allah ampunkan kesilapanmu itu) dan Allah sememangnya Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. [al-Tahrim 66:01]

Nah! Jika sekadar berjanji enggan meminum madu sudah ditegur oleh Allah sehingga tercatat di dalam al-Qur'an, bagaimana pula jika seseorang berjanji, berazam atau bersumpah untuk melarang ke atas dirinya sesuatu

yang lebih besar?

Oleh itu suami janganlah mengharamkan ke atas dirinya apa dihalalkan oleh Allah, demi mencari keredhaan isteri.

Suami tidak boleh berjanji untuk tidak berpoligami kerana memenuhi permintaan isteri, sementara poligami telah dihalalkan oleh Allah.

Suami tidak boleh melarang ke atas dirinya untuk tidak melakukan sesuatu perkara kerana ingin menyenangkan hati sebahagian isterinya, padahal perkara itu dibolehkan baginya.

Suami hendaklah menjadi pemimpin dan bukannya dipimpin, dan ketaatan suami hanyalah kepada Allah *Subhanahu waTa'ala*.

Mengapa engkau mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah bagimu, (kerana) engkau hendak mencari keredhaan isteri-isterimu?

Keadilan Dalam Poligami

Pelajaran 61:

Keadilan ialah syarat utama dalam poligami. Maksud adil ialah setiap ahli keluarga mendapat hak masing-masing mengikut kemampuan suami.

Keadilan tidak bermaksud suami membahagi serta memberi secara sama rata di antara isteri-isterinya. Jika keadilan ialah kesama-rataan di antara semua isteri, nescaya tidak akan ada lelaki yang mampu berpoligami secara adil. Setiap sen nafkah perlu diaudit, setiap saat waktu bersama perlu dihitung, setiap inci keluasan rumah perlu diukur.

Namun keadilan ialah semua ahli keluarga mendapat haknya dan hak satu keluarga tentu berbeza di antara satu sama lain. Inilah keadilan yang dimaksudkan oleh Islam dalam poligami.

Keadilan tidak bermaksud suami membahagi serta memberi secara sama rata di antara isteri-isterinya. Namun keadilan ialah semua ahli keluarga mendapat hak masing-masing.

Pelajaran 62:

Allah ialah tuhan yang Maha Adil. Namun Allah tidak memberikan nikmat dan ujian yang sama rata kepada semua hamba-Nya. Setiap hamba mendapat nikmat yang sesuai dengan dirinya, setiap hamba mendapat ujian yang sesuai dengan dirinya. Inilah maksud keadilan.

Seorang ayah yang adil tidak memberikan songkok kepada anak lelaki dan perempuannya, tetapi memberikan songkok kepada anak lelaki dan tudung untuk anak perempuan.

Seorang hakim yang adil tidak menjatuhkan hukuman kepada kedua-dua orang yang dibicarakan, tetapi menghukum orang yang zalim dan membebaskan orang yang dizalimi.

Seorang guru yang adil tidak memberikan markah yang sama kepada semua muridnya, tetapi memberikan markah lebih kepada murid yang rajin dan markah rendah kepada murid yang malas.

Pelajaran 63:

Suami dalam suasana kehidupan poligami umpama seorang hakim yang adil. Hanya seorang suami yang mengetahui pembahagian yang adil di antara ahli-ahli keluarganya.

Oleh itu keadilan dalam poligami tidak diukur berdasarkan pengamatan zahir orang luar, apatah lagi oleh orang-orang yang suka bergossip.

Pun begitu, suami perlu sedar bahawa kehakimannya sentiasa diawasi oleh Hakim yang Maha Agung, iaitu Allah *Subhanahu waTa'ala*.

Justeru amat dianjurkan kepada suami yang berpoligami agar berdoa kepada Allah untuk membantunya dalam bersikap adil kepada ahli-ahli keluarganya.

Suami juga dianjurkan bertanya kepada ahli keluarganya sama ada mereka berpuas hati dengan keadilannya dan memberi perhatian seandainya mereka memberi pandangan yang munasabah.

Pelajaran 64:

Pandangan masyhur menyebut bahawa keadilan adalah hak isteri-isteri dan suami mesti memenuhi hak ini.

Yang benar keadilan adalah hak suami dan isteri-isteri, justeru isteri-isteri hendaklah membantu suami dalam melaksanakan keadilan.

Apabila suami jatuh sakit yang berat umpamanya, dia tidak lagi perlu melakukan perjalanan untuk bergilir-gilir di antara isteri-isterinya. Cukuplah dia berehat di rumah salah seorang isterinya yang mendapat giliran ketika jatuh sakit.

Oleh itu keadilan dalam poligami ialah atas kemampuan suami. Suami hendaklah bersikap adil semampu yang boleh dan memohon pertolongan Allah dalam urusan ini.

Pelajaran 65:

Secara dasarnya seorang suami hendaklah bersikap adil di antara isteri-isterinya. Namun ini tidaklah berarti suami boleh mengabaikan atau memandang ringan urusan anak-anaknya. Secara menyeluruh, suami hendaklah bersikap adil kepada ahli keluarganya meliputi isteri dan anak-anaknya.

Justeru ayah hendaklah meluangkan masa yang berkualiti bersama anak-anak dengan memerhatikan aqidah, penghayatan agama, pembelajaran dan rakan-rakan mereka.

Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu (berhala); Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan. [al-Tahrim 66:06]

Secara dasarnya seorang suami hendaklah bersikap adil di antara isteri-isterinya. Namun ini tidaklah berarti suami boleh mengabaikan atau memandang ringan urusan anak-anaknya.

Pelajaran 66:

Suami hendaklah memberikan setiap ahli keluarga nafkah yang merupakan keperluan asasi kehidupan seperti makanan, minuman, pakaian, pendidikan dan perubatan.

Setiap ahli keluarga mendapat nafkah pada kadar yang diperlukan masing-masing mengikut kemampuan suami.

Jika isteri ketiga mengalami masalah penglihatan umpamanya, dia berhak mendapat sepasang cermin mata. Namun ini tidak bererti semua isteri yang lain wajib mendapat cermin mata juga sementara mereka tidak mengalami masalah penglihatan.

Jika anak isteri kedua lemah dalam pelajaran misalnya, dia berhak mendapat kelas tuisyen di samping persekolahan biasa. Akan tetapi ini tidaklah bererti semua anak-anak daripada semua isteri-isteri mesti diberi kelas tuisyen padahal mereka tidak lemah dalam pelajaran masing-masing.

Pelajaran 67:

Keadilan dalam memberi nafkah hanyalah dalam perkara-perkara asasi kehidupan.

Jika keperluan asasi telah dipenuhi, maka suami atas budi bicaranya boleh melebihi pemberian hadiah, perhiasan dan lain-lain kepada isteri tertentu.

Sebagai contoh, isteri pertama boleh dilebihkan oleh suami atas sebab beliau telah bersusah-susah bersama suami sejak awal hingga membolehkan suami pada kemudian hari berpoligami.

Contoh lain, isteri yang taat kepada Allah, taat kepada suami serta berusaha keras untuk menyenangkan hati suami boleh dilebihkan pemberian kepadanya.

Ini secara tidak langsung menjadi sumber motivasi kepada para isteri untuk berlumba-lumba mencari keredhaan suami.

Monogami atau poligami, suami akan menyayangi isteri yang memudahkan urusannya lagi menenangkan hatinya.

Keadilan dalam memberi nafkah hanyalah dalam perkara-perkara asasi kehidupan. Jika keperluan asasi telah dipenuhi, maka suami atas budi bicaranya boleh melebihkan pemberian hadiah, perhiasan dan lain-lain kepada isteri tertentu.

Pelajaran 68:

Suami hendaklah menyediakan tempat tinggal kepada setiap ahli keluarganya. Termasuk dalam persediaan ini ialah kelengkapan asasi sebuah rumah seperti elektrik, air, tempat tidur, peti sejuk dan lain-lain.

Penyediaan tempat tinggal adalah di atas kemampuan suami. Isteri boleh membantu atas dasar pilihan dirinya sendiri.

Merupakan satu keutamaan jika suami dapat menyediakan tempat tinggal yang hampir sama dari sudut jenis, saiz dan kelengkapan rumah. Namun ini bukanlah satu kewajipan kerana hampir mustahil untuk mewujudkan persamaan sepenuhnya dalam hal ini.

Apa yang diambil kira ialah tempat tinggal dan bukan harganya. Ini kerana sedia diketahui bahawa harga hartanah sentiasa meningkat hingga harga rumah isteri terkemudian akan lebih mahal dari harga rumah isteri terdahulu, sekalipun jenis dan saiznya adalah hampir sama.

Pelajaran 69:

Dalam suasana harga hartanah dan kos kehidupan yang semakin meningkat mutakhir ini, boleh dipertimbangkan opsyen dua atau lebih ahli keluarga duduk di dalam sebuah rumah yang besar. Ini dibolehkan dengan syarat:

1. Para isteri setuju.
2. Setiap isteri memiliki bilik tersendiri yang boleh ditutup pintunya.

Adapun adab-adab duduk serumah, suami hendaklah menjaga hati isteri-isterinya daripada tindakan yang boleh menimbulkan kecemburuan mereka.

Justeru ditegah daripada bercumbu-cumbuan, mengadakan hubungan seks atau bermain-main manja di ruangan umum rumah, seperti ruang tamu, meja makan atau dapur. Semua ini hendaklah dilakukan dalam bilik isteri sahaja.

Suami juga hendaklah membahagikan kerja-kerja rumah secara sama rata bagi sesama isteri, di antara memasak, menjaga anak, membersihkan rumah, kerjaya dan sebagainya.

Pelajaran 70:

Suami hendaklah bergilir di antara ahli-ahli keluarganya secara adil. Maksud bergilir ialah meluangkan masa yang sewajarnya untuk bermesra-mesraan dan mengambil tahu urusan isteri serta anak-anak.

Tidak ada batas yang tetap dalam masa giliran. Suami boleh bergilir sehari-sehari, dua hari-dua hari atau selainnya. Tidak digalakkan suami menggilir dalam tempoh yang terlalu lama sehingga hilang pemantauan akan keadaan ahli keluarganya.

Suami juga memiliki opsyen untuk membahagikan dalam seminggu kepada hari-hari tertentu kepada ahli keluarganya. Umpama Isnin dan Selasa untuk keluarga pertama, Rabu dan Khamis untuk keluarga kedua serta Jumaat dan Sabtu untuk keluarga ketiga. Hari Ahad pula bebas kepada mana-mana ahli keluarga yang memerlukannya.

Dengan cara berjadual seperti ini, suami dan setiap ahli keluarganya boleh menyusun aktiviti tersendiri.

Pelajaran 71:

Pembahagian hari giliran boleh diubah suai apabila timbul suasana penting seperti isteri yang sakit atau anak yang menduduki peperiksaan.

Dalam suasana seperti ini, suami boleh meluangkan masa atau hari yang lebih bagi menjaga isterinya yang sakit atau bagi memantau pembelajaran anak-anaknya yang akan menduduki peperiksaan.

Apabila hari giliran telah diubah suai, isteri-isteri memiliki pilihan sama ada memohon agar digantikan hari-hari tersebut atau menghadihkannya.

Menghadihkannya adalah lebih utama kerana mungkin pada satu hari kelak mereka pula yang memerlukan hari tambahan bersama suami. Maka berlapang dada dalam hari-hari giliran adalah satu sikap terpuji yang tentu memudahkan semua pihak.

Pembahagian hari giliran boleh diubah suai apabila timbul suasana penting seperti isteri yang sakit atau anak yang menduduki peperiksaan.

Pelajaran 72:

Suami memiliki pilihan jika beliau ingin menziarahi mana-mana ahli keluarga yang bukan dalam giliran pada hari tersebut.

Tempoh ziarah adalah sekejap melainkan ada apa-apa urusan berbangkit yang memerlukan suami meluangkan masa yang lebih di sana.

A'isyah *radhiallahu 'anha* menerangkan bahawa ***Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam lazimnya selepas solat Asar akan menemui isteri-isterinya, lalu tinggal bersama salah seorang daripada mereka (yang mendapat giliran pada hari itu). Beliau pernah memasuki rumah Hafshah dan berada di sana agak lama.*** [Shahih al-Bukhari, no: 4815]

Pelajaran 73:

Keadilan dalam bergilir tiada kaitan dengan hubungan seks.

Justeru suami tetap bergilir kepada isteri yang tidak dapat melakukan hubungan seks, seperti sedang haid, nifas atau sakit.

Juga, suami boleh mengadakan hubungan seks dengan isteri yang bukan dalam giliran.

Abi Rafi' *radhiallahu 'anh* menerangkan ***bahawa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam pada satu hari pernah menggilir isteri-isteri baginda, baginda mandi setiap kali selesai (berhubungan) bersama setiap isterinya.***

Aku bertanya: "Ya Rasulullah, tidakkah engkau menjadikannya sekali mandi saja?" Baginda menjawab: "Seperti itu lebih suci, lebih baik serta lebih bersih." [Shahih Sunan Abu Daud, no: 219]

Keadilan dalam bergilir tiada kaitan dengan hubungan seks. Justeru suami tetap bergilir kepada isteri yang tidak dapat melakukan hubungan seks, seperti sedang haid, nifas atau sakit.

Pelajaran 74:

Khas untuk isteri kedua, ketiga atau keempat yang baru dinikahi, suami disunnahkan bergilir selama tujuh hari kepada yang gadis (dara) dan tiga hari kepada yang janda.

Giliran seperti ini hanya sekali, iaitu selepas pernikahan. Selepas itu, giliran dibahagikan antara semua ahli keluarga.

Anas bin Malik *radhiallahu 'anh* menerangkan bahawa sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah: ***Apabila seorang laki-laki menikahi seorang gadis, maka dia tinggal bersamanya selama tujuh hari, dan jika seorang laki-laki menikahi janda, maka dia tinggal bersamanya selama tiga hari.*** [*Shahih Muslim*, no: 2654]

Hari giliran yang lebih diberikan agar suami isteri dapat berkenal-kenalan di antara satu sama lain dengan lebih mesra. Sementara seorang gadis mendapat hari giliran yang lebih untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan berumahtangga.

Pelajaran 75:

Seorang isteri boleh menghadihkan hari gilirannya kepada madunya. Saudah binti Zam'ah *radhiallahu 'anha* pada hari-hari tuanya telah menghadihkan hari gilirannya kepada A'isyah *radhiallahu 'anha* [*Shahih Muslim*, no: 2657].

Terdapat dua cara menghadihkan hari giliran:

1. Isteri menyebut kepada siapa dia menghadihkan hari gilirannya, seperti kes Saudah binti Zam'ah.
2. Isteri tidak menyebut kepada siapa dia menghadihkan hari gilirannya.

Dalam kes kedua ini, suami hendaklah bersikap adil dalam memilih isteri yang manakah akan mendapat hadiah tersebut. Suami boleh mengundi di antara isteri, memilih isteri yang sebelum ini pernah kekurangan hari gilirannya atau memilih isteri yang pada ketika itu berkelapangan untuk menerimanya.

Sekalipun isteri boleh menghadihkan hari gilirannya, terpulang kepada suami sama ada untuk menerima atau menolak hadiah tersebut.

Pelajaran 76:

Suami yang sakit tetap menggilir ahli-ahli keluarganya mengikut jadual, sepertimana ketika sihat.

Apabila penyakit menjadi berat, maka suami berehat di rumah ahli keluarga yang pada ketika itu merupakan gilirannya. Suami juga boleh memilih untuk berehat di rumah ahli keluarga yang paling disenanginya. Inilah yang dilakukan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* apabila sakit berat, di mana baginda memilih untuk berehat di rumah A'isyah *radhiallahu 'anha*. [*Shahih al-Bukhari*, no: 4816]

Apabila suami memasuki wad hospital, maka isteri-isteri menziarahi suami mengikut jadual giliran mereka, sepertimana giliran ketika suami sedang sihat.

Jika isteri-isteri saling bertoleransi dalam hal ini, ia akan menjadi ubat terbaik ke arah kesembuhan suami.

Suami tidak perlu mengganti hari-hari giliran isteri yang lain kerana penyakit bukanlah pilihan suami, suami tidak beramah mesra dengan isteri ketika sakit berat dan isteri itu sendiri telah melakukan khidmat tambahan kepada suami.

Pelajaran 77:

Apabila suami meninggal dunia, maka isteri yang memiliki giliran pada ketika itu akan mengurus jenazah suami.

Isteri itulah yang berhak menentukan masjid yang akan menguruskan hal-ehwal jenazah suami dan ke kawasan perkuburan mana suami akan dikebumikan.

Isteri-isteri lain dianjurkan untuk turut serta membantu bagi meraih pahala di sisi Allah *Subhanahu waTa'ala*. Namun apabila timbul perselisihan maka kata putus terletak pada isteri yang suami meninggal dunia pada hari gilirannya.

Apabila suami meninggal dunia, maka isteri yang memiliki giliran pada ketika itu akan mengurus jenazah suami dan segala keputusan berada di tangannya.

Pelajaran 78:

Suami tidak wajib membawa mana-mana ahli keluarganya ketika bermusafir. Akan tetapi jika suami ingin membawa ahli keluarganya, maka ia tertakluk kepada beberapa keadaan.

Jika semua ahli keluarga dalam keadaan siap sedia untuk ikut bermusafir, maka suami hendaklah mengundi siapakah yang layak untuk ikut sama. Inilah yang dilakukan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* [*Shahih al-Bukhari*, no: 2404]

Apabila suami hendak bermusafir buat kali seterusnya, undian hanya dilakukan di antara ahli keluarga yang tidak berjaya dalam undian sebelum itu.

Apabila semua ahli keluarga telah berjaya mengikuti suami bermusafir, maka untuk musafir yang seterusnya suami boleh memulakan semula proses undian yang baru atau mengikuti tertib hasil undian yang telah dilakukan sebelum itu.

Melalui proses undian ini, suami tidak perlu menggantikan hari giliran isteri-isteri yang lain setelah pulang dari musafir.

Pelajaran 79:

Apabila suami ingin bermusafir bersama ahli keluarganya, sementara ahli keluarganya tidak dalam keadaan siap sedia untuk ikut bermusafir, maka suami tidak perlu melakukan undian.

Maksud tidak siap sedia untuk bermusafir ialah seperti isteri yang sedang hamil, sedang menjaga orang tuanya, tidak mendapat cuti dari tempat kerja atau anak-anak sedang bersekolah.

Suami boleh memilih ahli keluarga yang paling sesuai pada saat itu untuk ikut bersama. Namun setelah kembali dari musafir tanpa undian ini, suami hendaklah menggantikan hari-hari giliran ahli keluarga yang tidak ikut sama.

Apabila sebahagian ahli keluarga siap sedia untuk ikut bersama sementara sebahagian lain tidak, maka suami melakukan undian di antara yang siap sedia dan mengganti hari giliran yang tidak bersiap sedia.

Jika ahli-ahli keluarga merumitkan keseluruhan proses ini, maka suami boleh bermusafir seorang diri sahaja dan meninggalkan mereka semua.

Pelajaran 80:

Apabila suami bermusafir tanpa ahli keluarganya, maka setelah kembali dia menuju ke rumah ahli keluarga yang mendapat giliran ketika dia berlepas. Selepas itu barulah dia menggilir ahli keluarga yang lain mengikut jadual.

Jika suami sering musafir kerana kerjayanya seperti pemandu bas, lori, tentera, pelaut dan juruterbang, maka jadual giliran terserah kepada budi bicara antara suami dan ahli-ahli keluarganya.

Demikian juga jika suami sering musafir kerana tempat tinggal ahli keluarga yang saling berjauhan, maka jadual giliran terserah kepada budi bicara antara suami dan ahli-ahli keluarganya.

Pelajaran 81:

Apabila suami menyuruh isterinya bermusafir atas sesuatu urusannya (urusan suami), maka suami hendaklah menggantikan hari giliran isteri tersebut selama tempoh musafirnya.

Apabila isteri bermusafir atas urusannya sendiri dengan izin suami, maka suami tidak perlu menggantikan hari giliran isteri tersebut selama tempoh musafirnya.

Pun begitu, suami memiliki pilihan untuk menggantikan seluruh atau sebahagian tempoh tersebut agar dia dapat bersama serta memerhatikan urusan ahli keluarga yang bermusafir itu.

Apabila isteri bermusafir tanpa izin suami, maka suami hendaklah menasihatinya dengan tepat lagi hikmah agar perbuatan derhaka seumpama itu tidak berulang lagi.

Jika ahli-ahli keluarga merumitkan proses musafir, maka suami boleh bermusafir seorang diri sahaja dan meninggalkan mereka semua.

Pelajaran 82:

Secara dasarnya, suami tidak dituntut untuk bersikap adil dalam kasih sayang, kecenderungan hati dan hubungan seks di antara isteri-isterinya. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman: ***Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya).*** [al-Nisa 4:129]

Meskipun demikian, suami tetap diperintahkan agar ***janganlah kamu cenderung dengan melampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung.*** [al-Nisa 4:129]

Sebaliknya hendaklah tetap berusaha ke arah keadilan dalam urusan ini kerana Allah memerintahkan: ***Dan jika kamu memperbaiki (keadaan yang pincang itu) dan memelihara diri (daripada perbuatan yang zalim), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*** [al-Nisa' 4:129]

Beberapa Salah Faham Poligami

Pelajaran 83:

Salah Faham: Suami yang berpoligami, kebanyakannya memilih calon yang muda jelita sebagai isteri baru. Kenapa tidak pilih *andartu* (anak dara tua) atau ibu tunggal?

Pencerahan: Suami yang berpoligami dibolehkan memilih sesiapa yang dia kehendaki sebagai isteri barunya. Pernikahan melibatkan kehidupan bersama sebagai pasangan suami isteri, justeru adalah penting agar suami memilih wanita yang dicenderunginya. Perhatikan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan: Dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja. [al-Nisa' 4:03]

Adapun memilih *andartu* atau ibu tunggal, ia adalah satu keutamaan namun ia bukan syarat bagi poligami.

Pelajaran 84:

Salah Faham: Suami yang berpoligami ialah mereka yang tidak dapat mengawal nafsunya. Suami berpoligami tidak lain hanya kerana nafsunya.

Pencerahan: Monogami atau poligami, salah satu tujuan perkahwinan ialah supaya masing-masing pasangan dapat memuaskan nafsunya secara halal. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya. [al-Rum 30:21]

Oleh itu tidak ada salahnya jika suami berpoligami untuk memuaskan nafsunya, sebab ia dilakukan secara halal dan sememangnya salah satu tujuan perkahwinan.

Apa yang salah ialah lelaki yang dihalang dari berpoligami sehingga dia memuaskan nafsunya dengan cara yang tidak halal seperti menonton video atau laman web lucah dan bermain-main cinta (*flirting*) dengan wanita lain.

Apa yang salah ialah menghalang lelaki dari berpoligami sehingga dia memuaskan nafsunya dengan cara yang tidak halal seperti menonton video atau laman web lucah dan bermain-main cinta (*flirting*) dengan wanita lain.

Pelajaran 85:

Salah Faham: Suami yang berpoligami mendakwa ingin mengikuti sunnah kononnya, padahal banyak sunnah lain yang belum mereka ikuti. Kenapa tiba-tiba sunnah poligami menjadi pilihan?

Pencerahan: Orang yang mencintai Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* akan cuba mengikuti sunnah-sunnah baginda sekadar yang mampu, pada apa yang mampu. Tidak dibezakan antara sunnah A, sunnah B atau sunnah C. Jika seseorang itu mampu mengikuti sunnah poligami, maka dipersilakan.

Tidak pernah menjadi syarat kelayakan untuk bernikah – sama ada poligami mahu pun monogami – bahawa seseorang itu mesti terlebih dahulu melaksanakan 70% atau 90% daripada sunnah Rasulullah.

Pelajaran 86:

Salah Faham: Hampir semua isteri-isteri Rasulullah ialah janda. Ini berbeza dengan suami masa kini yang lebih suka berpoligami dengan gadis.

Pencerahan: Sama ada gadis atau janda, isteri-isteri Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, semoga Allah meredhai mereka semua, adalah apa yang Allah taqdirkan ke atas baginda. Bukanlah menjadi tuntutan mahu pun syarat poligami bahawa suami menikah lagi dengan seorang janda, ia hanyalah satu keutamaan.

Dalam ayat kelima surah al-Tahrim, Allah pernah mengancam sebahagian isteri Rasulullah yang berpakat untuk menyusahkan baginda dengan firman-Nya:

Jika Nabi menceraikan kamu, boleh jadi Tuhannya akan memberi ganti kepadanya dengan isteri-isteri yang lebih baik daripada kamu, yang patuh, yang beriman, yang taat, yang bertaubat, yang mengerjakan ibadat, yang berpuasa, yang janda dan yang perawan. [al-Tahrim 66:05]

Perhatikan Allah menyebut janda dan gadis sebagai ganti kepada Rasulullah, menunjukkan boleh berpoligami dengan janda mahu pun gadis. Hanya Allah mendahulukan janda sebelum gadis, mengisyaratkan keutamaan menikahi seorang janda.

Pelajaran 87:

Salah Faham: Dalam suasana ekonomi yang semakin menghimpit, suami kerap kali tidak dapat memenuhi pemberian nafkah kepada keluarga yang sedia ada. Suasana ini lebih diburukkan apabila suami menikah lagi.

Pencerahan: Kelapangan atau kesempitan rezeki bukan berada di tangan suami tetapi di Tangan Allah. Allah melapangkan bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyempitkan bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya.

Salah satu jalan Allah lapangkan rezeki ialah melalui perkahwinan sebagaimana firman-Nya: ***Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang shalih dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya kerana Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi Maha Mengetahui.*** [al-Nur 24:32]

Yakinlah dengan rezeki Allah dan berusaha melalui jalan yang halal, nescaya Allah akan memberikan kekayaan kepada suami dan keluarga-keluarganya.

Pelajaran 88:

Salah Faham: Isteri yang sedia ada telah berusaha yang terbaik untuk suami dan anak-anak. Siang dan malam, pagi dan petang dikorbankan untuk kebahagiaan, kecukupan dan kesenangan suami. Maka apakah kekurangan beliau sehingga suami perlu berpoligami?

Pencerahan: Islam menganjurkan poligami tidak semestinya kerana kekurangan pada isteri yang sedia ada. Perhatikan A'isyah binti Abu Bakar *radhiallahu 'anha*. Beliau adalah sebaik-baik isteri kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, muda, bijak dan cergas. Bahkan tidak tersembunyi lagi bahawa A'isyah merupakan isteri yang paling baginda sayangi. Beliau banyak membantu Rasulullah dalam usaha dakwah, ikut sama merawat mujahid yang cedera di medan perang dan banyak menghafal hadis.

Namun atas semua kelebihan ini, Rasulullah tetap berpoligami.

Ringkasnya, lelaki yang terbaik – yakni Rasulullah – hidup berpoligami dan wanita yang baik – yakni para isteri Rasulullah – hidup berpoligami. Poligami tidak mencerminkan kekurangan isteri mahu pun suami.

Lelaki yang terbaik – yakni Rasulullah – hidup berpoligami dan wanita yang baik – yakni para isteri Rasulullah – hidup berpoligami. Poligami tidak mencerminkan kekurangan isteri mahu pun suami.

Pelajaran 89:

Salah Faham: Apabila suami berpoligami, ertinya isteri sedia ada tidak tahu menjaga suaminya.

Pencerahan: Apa yang benar ialah sebaliknya, iaitu apabila suami berpoligami, bererti isteri sedia ada telah menjaga suaminya dengan baik.

Ini kerana isteri yang benar-benar mengikuti petunjuk agama akan menyukai suaminya melaksanakan anjuran agama, termasuklah berpoligami. Isteri yang benar-benar mencintai suaminya akan membebaskan suaminya untuk berpoligami, apabila itulah yang menjadi pilihan suaminya. Isteri yang bijak menjaga suaminya akan turut membantu dalam urusan poligami sehingga ia berjaya.

Semua ini berbeza dengan isteri yang menghalang suaminya berpoligami. Isteri tersebut tidak mengikuti petunjuk agama, mengongkong suaminya dan menyusahkan hasratnya berpoligami. Isteri sebeginilah yang sebenarnya tidak tahu menjaga suami, bahkan menzalimi suaminya.

Isteri yang menghalang suaminya berpoligami akan ditanya oleh Allah di Hari Akhirat kelak, mengapa dia mengharamkan ke atas suaminya apa yang dihalalkan oleh Allah.

Pelajaran 90:

Salah Faham: Wanita yang menjadi isteri kedua, ketiga atau keempat adalah perampas suami orang.

Pencerahan: Wanita yang menjadi isteri kedua, ketiga atau keempat sebenarnya memanfaatkan hak dirinya untuk dinikahi sebagai isteri kedua, ketiga dan keempat.

Mereka bukanlah perampas suami orang tetapi mengambil kedudukan masing-masing dalam firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan: Dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja. [al-Nisa' 4:03]

Kedudukan mereka sebagai isteri kedua, ketiga atau keempat telah disyari'atkan oleh Allah dalam ayat-Nya yang mulia di atas. Sudah tentu kedudukan ini lebih baik berbanding kedudukan orang yang mencela dan mengata.

Pelajaran 91:

Salah Faham: Banyak rumahtangga yang runtuh kerana poligami.

Pencerahan: Jika kita bersikap adil dalam persoalan ini, akan diakui bahawa terdapat banyak faktor yang meruntuhkan sesebuah institusi rumahtangga selain poligami.

Bahkan poligami merupakan faktor yang kecil sahaja, kerana jumlah penceraian dalam rumahtangga monogami jauh lebih banyak berbanding poligami.

Selain itu, andai benar poligami menjadi faktor keruntuhan rumahtangga, maka ia adalah kesalahan masyarakat, bukan pensyariatannya. Jika semua pihak, dari menteri hal ehwal wanita, NGO, media, saudara-mara, jiran-jiran, suami dan isteri-isteri memainkan peranan positif, nescaya ia akan berjaya.

Ini tidak lain umpama banyaknya kemalangan jalanraya yang berlaku di negara kita. Yang dipertanggungjawabkan bukanlah kereta tetapi pihak-pihak berwajib dan pemandu-pemandu di jalanraya.

Pelajaran 92:

Salah Faham: Poligami menzalimi wanita.

Pencerahan: Poligami hanya menzalimi wanita yang enggan beriman bahawa apa yang disyari'atkan oleh Allah semuanya baik dan memiliki manfaat.

Poligami hanya menzalimi wanita yang enggan beriman bahawa kasih sayang dan keselamatan berasal daripada Allah dan bukannya suami.

Poligami hanya menzalimi wanita yang enggan beriman bahawa rezeki dan kecukupan urusan dunia dikurniakan oleh Allah dan bukannya suami.

Poligami hanya menzalimi wanita yang enggan beriman kepada taqdir Allah dan kebijaksanaan Allah mengurus kehidupan hamba-hamba-Nya di dunia ini.

Poligami hanya menzalimi wanita yang mementingkan dirinya sendiri sambil mengabaikan kepentingan suami dan wanita-wanita lain.

Poligami hanya menzalimi wanita yang mempertuhankan nafsu cemburunya dan memberi perhatian kepada hasutan syaitan.

Poligami hanya menzalimi wanita yang
mempertuhankan nafsu cemburunya dan memberi
perhatian kepada hasutan syaitan.

Pelajaran 93:

Salah Faham: Isteri pertama sejak awal telah bersusah-payah membangunkan kebahagiaan rumahtangga. Apabila hidup sudah selesa, suami mengkhianati isterinya dengan berpoligami.

Pencerahan: Apa jua usaha baik yang dilakukan oleh seseorang, hendaklah dia menjadikannya ibadah dengan mengharapkan keredhaan, pahala dan balasan syurga daripada Allah *Subhanahu waTa'ala*. Inilah erti keikhlasan.

Berdasarkan keikhlasan ini, seorang isteri tidak akan terasa dikhianati apabila suaminya melakukan perkara yang dihalalkan oleh Allah, yakni berpoligami. Malah dia bergembira kerana atas jerih payahnya, suaminya dapat membantu wanita-wanita lain dan semua ini kembali menjadi ibadah tambahan kepada dirinya sendiri.

Dari sudut yang lain, suami boleh melebihi pemberian kepada isteri pertamanya setelah keperluan asas kepada semua isteri yang lain telah dicukupinya. Ini sebagaimana yang telah diterangkan dalam pelajaran berkenaan keadilan dalam poligami.

Pelajaran 94:

Salah Faham: Poligami menyebabkan urusan anak-anak dan hal-ehwal rumah terbiar, tanpa diurus dengan baik.

Pencerahan: Sejak awal Allah *Subhanahu waTa'ala* telah menyusun tugas masing-masing di antara suami dan isteri (*task delegation*). Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Setiap daripada kalian adalah pemimpin dan setiap daripada kalian akan dipersoal akan apa yang dipimpinnya. Seorang amir adalah pemimpin (kepada rakyatnya), seorang lelaki adalah pemimpin ke atas ahli keluarganya dan seorang wanita adalah pemimpin ke atas rumah suaminya dan anak-anaknya. Maka setiap daripada kalian adalah pemimpin dan setiap daripada kalian akan dipersoal akan apa yang dipimpinnya. [Shahih al-Bukhari, no: 4801]

Sebahagian isteri ada yang merasakan dirinya telah dikhianati apabila suaminya berpoligami, lalu dia “membalas dendam” dengan mengabaikan serta menelantarkan urusan anak-anak dan rumah. Justeru ini bukanlah kesalahan poligami tetapi kesalahan suami dan isteri/isteri-isteri.

Pelajaran 95:

Salah Faham: Jumlah lelaki tidak jauh berbeza dengan jumlah wanita. Maka masih boleh untuk seorang lelaki hidup bersama seorang wanita.

Pencerahan: Apa yang dikehendaki oleh wanita zaman kini bukan sekadar seorang lelaki tetapi suami yang mampu memimpin, berdisiplin, mengetahui ilmu agama dan sedar akan kewajipan memberi nafkah.

Lelaki yang menepati ciri-ciri seorang suami sebagaimana di atas tidak ramai, maka atas dasar inilah poligami dianjurkan oleh Islam.

Lebih dari itu dalam suasana kebanyakan wanita bekerjaya zaman kini, maka kehidupan berpoligami membolehkan mereka membahagikan masa secara berpatutan antara suami dan kerjaya.

Bezakan bahawa berkongsi seorang suami yang hebat dalam kehidupan poligami adalah lebih baik daripada memiliki seorang suami yang "biasa-biasa" dalam kehidupan monogami.

Pelajaran 96:

Salah Faham: Hukum asal perkahwinan ialah monogami sementara poligami hanyalah *rukhsah*.

Pencerahan: Terdapat beberapa definisi atau penafsiran yang berbeza berkenaan istilah *Azimah* dan *Rukhsah* di kalangan ahli ilmu.

Pada kajian penulis, *rukhsah* adalah keringanan, kemudahan dan pengurangan yang Allah berikan kepada hambanya di atas hukum yang asal (*azimah*) apabila timbulnya sesuatu keuzuran.

Azimah adalah hak Allah ke atas hamba-Nya sementara *rukhsah* adalah rahmat dan kelembutan Allah ke atas hamba-Nya.

Memandangkan *rukhsah* adalah daripada Allah, maka ia hanya dibolehkan jika memiliki dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Setiap *rukhsah* memiliki ciri yang tersendiri sebagaimana yang disyari'atkan oleh Allah dan Rasul-Nya.

Berikut dikemukakan beberapa contoh:

- *Azimah*: Berwudhu' dengan air.
Keuzuran: Tiada air atau tidak dapat menyentuh air.
Rukhsah: Tayamum.
- *Azimah*: Solat Zohor empat rakaat.

Keuzuran: Musafir.

Rukhsah: Solat Zohor dua rakaat (*qasar*).

- *Azimah*: Wanita solat lima waktu sehari.

Keuzuran: Haid atau Nifas.

Rukhsah: Tidak perlu solat, tidak wajib menggantikannya.

- *Azimah*: Berpuasa di bulan Ramadhan.

Keuzuran: Sakit atau musafir.

Rukhsah: Tidak perlu berpuasa, wajib menggantikannya atau membayar fidyah.

Jika dirujuk kepada contoh-contoh di atas, fakta penting berkenaan *azimah* dan *rukhsah* adalah, *rukhsah* merupakan keringanan, kemudahan dan pengurangan daripada *azimah*.

Atas fakta ini, poligami bukanlah *rukhsah* kerana ia melibatkan tambahan amanah dan tanggungjawab ke atas suami berbanding monogami.

Poligami bukanlah *rukhsah* kerana tidak ada dalil al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih yang menyokongnya. Malah yang lebih tepat adalah sebaliknya, iaitu poligami adalah *azimah* sementara monogami adalah *rukhsah*.

Jika dirujuk kembali ayat ketiga surah al-Nisa':

Azimah: ***Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan:***

Dua, tiga atau empat.

Keuzuran: ***Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu)...***

Rukhsah: ***...maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja.***

Walau bagaimanapun, penulis tetap meraikan pandangan yang menyatakan monogami adalah *azimah* manakala poligami adalah *rukhsah*. Ini kerana dalam bidang usul fiqh, terdapat beberapa definisi atau penafsiran berkenaan istilah *azimah* dan *rukhsah* itu sendiri.

Apa yang dikehendaki oleh wanita zaman kini bukan sekadar seorang lelaki tetapi suami yang mampu memimpin, berdisiplin, mengetahui ilmu agama dan sedar akan kewajipan memberi nafkah.

Pelajaran 97:

Salah Faham: Poligami adalah budaya masyarakat Arab lebih 1400 tahun yang lalu di mana wanita dipandang rendah sebagai komoditi dan bukannya manusia. Ia tidak sesuai dengan masyarakat moden masa kini, apatah lagi masyarakat Malaysia yang wanita-wanitanya sudah berpendidikan tinggi.

Pencerahan: al-Qur'an yang mensyari'atkan poligami ditujukan kepada semua masyarakat sehingga akhir zaman, yang ingin bertaqwa kepada Allah: ***Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya; ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa.*** [al-Baqarah 2:02]

Rasulullah yang mensunnahkan poligami juga diutus untuk semua masyarakat, bahkan seluruh alam ini hingga ke akhir zaman: ***Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.*** [al-Anbiya' 21:107]

Oleh itu tidaklah benar anggapan bahawa poligami di dalam Islam hanyalah untuk masyarakat Arab 1400 tahun yang lalu.

Memang, masyarakat zaman dulu memandang wanita sebagai "barang" atau komoditi saja. Apabila Islam

datang, martabat wanita diangkat dan dimuliakan.

Namun di sebalik pengangkatan ini, Islam tetap mensyari'atkan poligami. Andai benar poligami menghina wanita sebagai komoditi, sudah tentu Allah dan Rasul-Nya akan mengharamkannya secara mutlak.

Hakikatnya, poligami tetap disyari'atkan. Ini kerana poligami sebenarnya mengangkat wanita ke darjat yang lebih tinggi. Wanita yang hidup di alam poligami, mereka telah berjaya membebaskan diri mereka daripada kebergantungan kepada suami sebagai sumber keselamatan, kebahagiaan dan kehidupan.

Mereka telah beralih kepada Allah, bahawa Allah sahajalah sumber keselamatan, kebahagiaan dan kehidupan yang hakiki.

Ketinggian darjat wanita tidak diukur dengan jumlah sijil dan kerjayanya, tetapi dengan aqidah dan ketaqwaannya kepada Allah *Subhanahu waTa'ala*.

Pelajaran 98:

Salah Faham: Poligami menyelisihi kebiasaan kehidupan yang normal kebanyakan isteri, fitrah seorang isteri dan sosiologi manusia. Bahkan ia menyelisihi konsep keadilan yang ditekankan oleh al-Qur'an.

Pencerahan: Sikap kita sebagai umat Islam ialah meleburkan diri kepada acuan Islam dan bukannya mencairkan Islam kepada acuan masing-masing.

Kebiasaan kehidupan yang normal bagi kebanyakan isteri bukanlah hujah kerana Allah *Subhanahu waTa'ala* telah mengingatkan:

Dan jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah; tiadalah yang mereka turut melainkan sangkaan semata-mata dan mereka tidak lain hanyalah berdusta. [al-An'aam 6:116]

Fitrah seorang isteri yang benar-benar bersih akan sentiasa cenderung kepada hukum Allah dan Rasul-Nya. Melainkan jika fitrah itu telah dipengaruhi oleh hawa nafsu, maka Allah mengingatkan:

Dan kalaulah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang adanya. (Bukan sahaja

Kami memberikan agama yang tetap benar) bahkan Kami memberi kepada mereka Al-Quran yang menjadi sebutan baik dan mendatangkan kemuliaan kepada mereka; maka Al-Quran yang demikian keadaannya, mereka tidak juga mahu menerimanya.
[al-Mu'minun 23:71]

Adapun sosiologi manusia, maka jika kita mengkaji secara adil akan ditemui hasil-hasil kajian yang menerangkan kebaikan poligami, jika ia dipraktikkan dengan benar.

Maka tanggungjawab kita ialah memberi didikan dan pendedahan agar poligami dipraktikkan secara benar, bukan menakut-nakutkan dengan syarat-syarat yang tidak berasal daripada Allah dan Rasul-Nya.

Penjelasan Tambahan:

Di antara hujah masyhur pihak yang menolak poligami ialah kononnya poligami menyelishi konsep keadilan lelaki dan wanita yang ditekankan oleh al-Qur'an. Oleh itu mereka menolak poligami atas alasan ia bertentangan dengan konsep keadilan al-Qur'an.

Hujah ini dijawab, bahawa keadilan yang dimaksudkan oleh al-Qur'an bukanlah kesamaan seperti yang mereka fahami. Keadilan ialah setiap pihak menjalankan peranan masing-masing sepertimana yang telah dibahagikan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah (*task*

delegation).

Di antara peranan tersebut ada yang sama di antara lelaki dan wanita, di antaranya ada yang berlainan. Apa yang penting ialah setiap lelaki dan wanita melaksanakan peranan yang dibahagikan kepada mereka dan masing-masing akan diberi ganjaran berdasarkan peranan tersebut.

Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*: ***Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran).***

Orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan;

(maka berusahalah kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurniannya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.
[al-Nisa' 4:32]

Pihak yang sering menggunakan slogan "Keadilan al-Qur'an" membaca al-Qur'an secara berpisah-pisah. Mereka membaca ayat-ayat berkenaan keadilan namun mengabaikan ayat-ayat yang menunjukkan perbezaan peranan di antara lelaki dan wanita.

Dalam urusan suami dan isteri misalnya, mereka mengabaikan ayat yang hanya mewajibkan suami memberi mas kahwin kepada isteri ketika bernikah (al-Nisa' 4:04) sementara isteri tidak wajib memberikan mas kahwin kepada suami.

Mereka juga mengabaikan ayat yang menerangkan perbezaan peranan antara suami yang memberi nafkah dan isteri yang menyusukan anak (al-Baqarah 2:233).

Mereka juga mengabaikan ayat yang membezakan cara suami menangani isteri yang nusyuz (al-Nisa' 4:34) dan cara isteri menangani suami yang nusyuz (al-Nisa' 4:128).

Mereka juga mengabaikan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menerangkan seorang anak hendaklah berbuat kepada ibunya tiga kali berbanding ayahnya (*Shahih al-Bukhari*, no: 5971).

Demikianlah, jika kita mendalami keseluruhan al-Qur'an dan al-Sunnah, akan ditemui sangat banyak perbezaan peranan di antara lelaki dan wanita sejak dari saat penciptaan manusia sehinggalah ke Hari Akhirat. Semua ini menunjukkan bahawa keadilan yang dimaksudkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah bukanlah kesamaan antara lelaki dan wanita, tetapi pembahagian peranan antara lelaki dan wanita sesuai dengan ciri biologi dan psikologi yang Allah ciptakan.

Tips-Tips Poligami Untuk Suami

Pelajaran 99:

Poligami adalah satu perkara yang besar. Ia melibatkan amanah menjaga maruah ahli-ahli keluarga, tanggungjawab mengurus mereka, ilmu memimpin mereka dan keadilan memenuhi hak-hak mereka.

Poligami memerlukan keberanian, kekuatan diri, kesabaran dan kematangan seorang suami.

Justeru usah berpoligami jika ia sekadar berseronok-seronok, mengikut jejak langkah kawan, menerima pujian hebat daripada rakan-rakan atau kerana jatuh hati kepada seseorang wanita.

Pelajaran 100:

Poligami bukanlah sesuatu yang mudah. Jika anda yakin mampu menceburinya, maka janganlah menceburinya secara berseorangan.

Sebaliknya mintalah pertolongan.

Pertama sekali, mintalah pertolongan Allah *Subhanahu waTa'ala* dengan berdoa kepada-Nya, agar diberikan pimpinan, kemudahan dan keberkatan.

Baik monogami atau poligami, jangan kita lupa berdoa kepada Allah demi kebaikan, kesejahteraan dan keharmonian rumahtangga kita.

Seterusnya mintalah pertolongan daripada orang-orang yang berilmu, matang lagi dipercayai keperibadiannya, agar dapat ditimba nasihat dan teguran. Berilah prioriti kepada orang-orang yang telah berpoligami kerana mereka mampu menolong anda berdasarkan pengalaman sendiri.

Justeru usah berpoligami jika ia sekadar berseronok-seronok, mengikut jejak langkah kawan, menerima pujian hebat daripada rakan-rakan atau kerana jatuh hati kepada seseorang wanita.

Pelajaran 101:

Kehidupan di alam perkahwinan memerlukan ilmu yang luas. Apatah lagi di alam poligami, ilmu yang diperlukan lebih luas dan mendalam.

Oleh itu jangan melangkah ke alam poligami sebelum anda mendapat ilmu yang secukupnya, yang dapat memberikan anda keyakinan dan ketenangan untuk mengorak langkah.

Satu hakikat yang perlu diperhatikan, tidak banyak sumber ilmu yang sahih lagi bermanfaat tentang poligami di Malaysia. Amat sedikit buku atau kuliah agama yang dapat dijadikan rujukan. Jika ada sekalipun, kebanyakannya di sampaikan oleh orang yang tidak menceburi alam poligami. Maka mereka hanya berbicara secara teori tanpa pengalaman praktikal.

Lebih memburukkan suasana, wujud pula penulis atau penceramah yang menyampaikan pandangan-pandangan yang salah tentang poligami, atau anti-poligami.

Justeru anda perlu berusaha lebih keras bagi mendapatkan ilmu poligami serta berhati-hati terhadap sumber yang menyelisihinya.

Pelajaran 102:

Bukan merupakan syarat agama untuk meminta izin atau memaklumkan isteri anda rancangan untuk berpoligami.

Jika dirujuk kepada sirah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, baginda bernikah lagi tanpa memberi tahu isteri-isteri yang sedia ada.

Pun begitu, memandangkan poligami adalah sesuatu yang janggal pada masa kini, dianjurkan untuk memaklumkan isteri anda rancangan untuk berpoligami.

Bahkan keberanian anda memaklumkan kepada isteri dan berbincang dengan beliau berkenaan hal ini menjadi tolok ukuran kemampuan anda untuk menjayakan kehidupan poligami yang dirancang itu.

Memaklumkan rancangan poligami dapat mengurangkan kejutan emosi ke atas isteri dan membolehkan beliau menyiapkan diri untuk dimadu. Bahkan mungkin saja beliau mempersetujui rancangan ini dan membantu anda sekadar yang mampu.

Pelajaran 103:

Di samping memaklumkan kepada isteri rancangan anda untuk berpoligami, anda hendaklah juga memaklukkannya kepada anak-anak.

Jangan menyangka bahawa anak-anak anda tidak faham tentang apa yang sedang atau akan berlaku. Anak-anak zaman sekarang jauh lebih matang dan berpengetahuan meskipun di usia yang masih awal.

Oleh itu sebagai ayah yang bertanggungjawab, anda hendaklah memaklumkan kepada anak-anak rancangan untuk berpoligami.

Pilihlah masa dan suasana yang sesuai untuk menerangkan apakah poligami. Selain itu yakinkan mereka bahawa anda akan tetap menyayangi dan menjaga mereka seperti biasa.

Di samping memaklumkan kepada isteri rancangan anda untuk berpoligami, anda hendaklah juga memaklukkannya kepada anak-anak.

Pelajaran 104:

Tiada jalan mudah bagi menyakinkan isteri berkenaan rancangan anda untuk berpoligami.

Poligami adalah satu perkara yang amat berat bagi seorang isteri. Sangat berat sehinggakan mereka akan rela anda melakukan apa saja, asalkan bukan poligami. Bahkan ada segelintir yang lebih sanggup melihat anda melakukan maksiat kepada Allah daripada berpoligami secara halal.

Di sini amat penting kepada anda sebagai suami untuk tidak mengharamkan ke atas diri anda apa yang dihalalkan oleh Allah *Subhanahu waTa'ala* semata-mata kerana desakan isteri. Sejak awal Allah telah mengingatkan peranan anda sebagai suami:

Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya ada di antara isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu yang menjadi musuh bagi kamu; oleh itu awaslah serta berjaga-jagalah kamu terhadap mereka. [al-Taghabun 64:14]

Anda sebagai suami adalah pemimpin dan bukan yang dipimpin, penjaga dan bukannya dijaga serta pengawal dan bukannya dikawal.

Pelajaran 105:

Islam tidak memberi sebab khusus untuk seorang suami berpoligami. Ayat ketiga surah al-Nisa' menganjurkan poligami tanpa menyebut sebabnya sementara Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga berpoligami tanpa menerangkan sebab-sebabnya.

Pada waktu yang sama, al-Qur'an dan al-Sunnah memang menganjurkan perkahwinan dan anjuran ini meliputi semua bentuk perkahwinan, baik monogami atau poligami.

Oleh itu anda sebagai suami boleh melaksanakan hak anda untuk berpoligami tanpa perlu memberikan apa-apa sebab kepada isteri bagi menjustifikasikannya. Ini kerana apa jua sebab yang anda berikan, ia akan ditolak atau dipandang remeh oleh isteri anda.

Sebaliknya apa yang patut anda lakukan ialah berjanji kepada isteri bahawa anda akan tetap menyayangnya, menjaganya dan memberikan nafkah secara adil kepadanya. Sama ada janji ini diterima oleh isteri atau tidak, ia terpulang kepada beliau. Apa yang penting ialah anda tetap melaksanakan peranan anda sebaik mungkin sebagai suami apabila berpoligami kelak.

Pelajaran 106:

Meskipun Islam tidak memberi sebab khusus untuk seorang suami berpoligami, merupakan satu keutamaan jika suami berpoligami atas sebab membantu orang miskin, janda (ibu tunggal) dan anak-anak yatim.

Berkeinaan janda dan orang miskin, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Orang yang membantu para janda dan orang-orang miskin seperti orang yang berjihad di jalan Allah atau seperti orang yang selalu berpuasa siang harinya dan selalu solat malam pada malam harinya.
[*Shahih al-Bukhari*, no: 5547]

Berkeinaan anak yatim, yakni anak-anak kepada janda (ibu tunggal), Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Orang yang menanggung anak yatim miliknya atau milik orang lain, aku dan dia seperti dua ini di syurga. (Perawi hadis mengisyaratkan jari telunjuk dan jari tengah). [Shahih Muslim, no: 5296]

Pelajaran 107:

Apabila anda memaklumkan rancangan anda untuk berpoligami, anda boleh menjangkakan maklumbalas isteri anda dalam empat tahap.

- **Tahap Pertama:** Terkejut, marah dan tidak percaya apabila mendapat khabar rancangan anda hendak berpoligami.
- **Tahap Kedua:** Berusaha agar rancangan anda untuk berpoligami dibatalkan.
- **Tahap Ketiga:** Hilang keyakinan kepada anda apabila anda tetap bernikah lagi.
- **Tahap Keempat:** Kembali yakin kepada anda dan menerima poligami apabila anda sebagai suami mempraktikkan poligami secara benar.

Tahap-tahap ini akan diperincikan dalam pelajaran-pelajaran seterusnya.

Pelajaran 108:

Tahap Pertama:

Apabila anda memaklumkan rancangan untuk berpoligami kepada isteri, anda boleh menjangkakan beliau terkejut, marah dan tidak percaya.

Ini sesuatu yang lazim kerana poligami amatlah berat bagi seorang isteri. Beliau akan merasakan dirinya dikhianati, tidak disayangi, akan diabaikan dan dinombor duakan.

Salah satu cara bagi mengurangkan kadar kejutan dan kemarahan ialah memberikan didikan dan pendedahan kepada beliau tentang poligami. Kemudian memaklumkan secara bertahap-tahap dan memberikan tempoh masa untuk beliau menerimanya.

Jika dimaklumkan secara tiba-tiba, umpama: "Abang akan nikah lagi minggu depan" atau "abang sudah nikah minggu lepas", pasti ia akan menimbulkan kejutan dan kemarahan kepada beliau.

Apabila anda memaklumkan rancangan anda untuk berpoligami, anda boleh menjangkakan maklumbalas isteri anda dalam empat tahap.

Pelajaran 109:

Tahap Kedua:

Setelah memaklumkan rancangan anda untuk berpoligami, wujud kemungkinan isteri anda akan dapat menerimanya. Namun kemungkinan yang lebih besar ialah isteri anda sukar untuk menerimanya.

Justeru beliau akan cuba untuk memujuk anda atau mempengaruhi anda untuk membatalkan rancangan berpoligami. Antaranya dengan memberikan layanan yang lebih istimewa, lebih rajin memasak dan mengurus rumah serta mempertingkatkan penampilan diri sendiri.

Beliau mungkin akan menakut-nakutkan anda dengan menyampaikan andaian-andaian negatif tentang poligami, bahkan mungkin akan merendahkan kemampuan anda memimpin dua atau lebih keluarga.

Lebih buruk, beliau mungkin akan mempengaruhi anak-anak untuk turut mendesak anda membatalkan rancangan berpoligami.

Anda hendaklah berwaspada terhadap Tahap Kedua ini dan teguh di atas pendirian anda.

Pelajaran 110:

Tahap Ketiga:

Setelah anda menikah isteri yang baru, isteri yang awal akan merasakan dirinya tidak diperlukan lagi, tidak disayangi lagi dan seperti "barang lama" yang boleh dihantar ke kilang kitar semula (*recycle*).

Beliau (isteri sedia ada) akan merasa rendah diri dan nombor dua selepas isteri baru anda. Perasaan ini akan lebih "terasa" jika isteri baru anda seorang yang muda, cantik dan masih dara.

Natijahnya, isteri sedia ada tidak lagi melayan anda, memasak, menguruskan rumah, mendidik anak-anak dan menjaga penampilan diri sendiri. "Sudah ada isteri baru untuk semua itu..." demikian isteri sedia ada anda akan berhujah.

Jika anda katakan kepada beliau: "Abang masih sayangkan kamu", beliau akan membalas: "Tetapi abang tentu lebih sayangkan isteri baru tu!"

Timbul juga kemungkinan isteri anda "membalas dendam" dengan mula bersahabat rapat dengan lelaki-lelaki lain sambil mengabaikan perintah-larangan agama.

Pelajaran 111:

Tahap Ketiga merupakan tahap paling sukar dalam proses anda berpoligami. Ia merangkumi beberapa bulan pertama selepas anda menikahi isteri baru, malah boleh menjangkau sehingga beberapa tahun.

Dalam tempoh ini, anda perlu fokus kepada tiga perkara:

1. Menyesuaikan diri dengan kehidupan bersama isteri baru.
2. Menyesuaikan diri dengan kehidupan di alam poligami.
3. Mengurusi isteri sedia ada anda yang tidak lagi melayan anda.

Kerap kali perkara **ketiga** di atas akan mempengaruhi kelancaran anda menguruskan perkara **pertama** dan **kedua**. Jangan terperanjat jika pada Tahap Ketiga ini, isteri sedia ada anda tiba-tiba menjadi sumber masalah dan musuh kepada anda.

Pada Tahap ketiga inilah banyak suami dan isteri sedia ada mengakhiri rumahtangga mereka dengan perceraian.

Pelajaran 112:

Meskipun Tahap Ketiga merupakan tahap yang paling sukar dan genting, janganlah anda terburu-buru menceraikan isteri sedia ada anda.

Pada tahap ini beliau mungkin mengabaikan anda, menelantarkan tanggungjawabnya sebagai isteri dan ibu, memanggil anda pengkhianat, melakukan tindakan-tindakan umpama seorang musuh, menyusahkan semua pihak, dan berulang-kali meminta cerai daripada anda. Namun anda tetap jangan terburu-buru mengucapkan talak kepada beliau.

Pada tahap ini Allah *Subhanahu waTa'ala* sedang menguji kekuatan dan kesabaran anda sebagai seorang suami. Allah berfirman kepada para suami:

Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu). [al-Nisa' 4:19]

Pelajaran 113:

Sebagaimana yang dijelaskan, Tahap Ketiga merupakan tahap yang paling sukar lagi genting dalam rangka anda berpoligami.

Namun jika anda berterusan berdoa kepada Allah, bersabar di atas layanan buruk isteri dan tetap menjalankan peranan anda sebagai suami, zahir dan batin, serta melaksanakan poligami secara benar, maka lambat laun isteri sedia ada akan menerima anda semula.

Di sini anda akan memasuki Tahap Keempat, iaitu isteri sedia ada kembali yakin kepada anda dan menerima hakikat bahawa dirinya telah dimadu.

Pada Tahap Keempat inilah, anda dan kesemua ahli keluarga anda akan dapat mengecapi kehidupan di alam poligami yang indah lagi harmonis.

Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka
(isteri, janganlah kamu terburu-buru
menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan
sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa
yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk
kamu).

Pelajaran 114:

Sekalipun pelajaran-pelajaran sebelum ini banyak menyentuh berkenaan isteri yang sukar menerima poligami, dalam beberapa kes terdapat isteri yang menyokong anda berpoligami.

Ini boleh berlaku jika anda sejak awal telah melaksanakan peranan sebagai suami secara baik dan isteri anda sejak awal telah mendapat didikan serta pendedahan positif tentang poligami.

Perhatikan kisah Umm Habibah *radhiallahu 'anha* yang berkata kepada suaminya, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*: **"Wahai Rasulullah, nikahilah Binti Abu Sufyan."** Baginda bertanya: **"Apakah kamu menyukai (dirimu dimadu)?"** Umm Habibah menjawab: **"Ya, bukan bererti aku mahu berpisah dengan anda. Akan tetapi orang yang paling aku sukai dapat ikut serta dalam kebaikan denganku adalah saudara perempuanku."** [*Shahih al-Bukhari*, no: 4716]

Namun baginda tidak menerima cadangan itu kerana tidak boleh mengumpulkan dua wanita bersaudara bersama seorang suami.

Pelajaran 115:

Seperti yang dijelaskan dalam pelajaran sebelum ini, salah satu cara memperolehi sokongan isteri sedia ada untuk anda berpoligami ialah anda sejak awal melaksanakan peranan sebagai suami secara baik.

Akan tetapi ini tidak semestinya merupakan formula yang berkesan kerana ada di antara isteri yang mudah lupa, tidak berterima kasih atau derhaka kepada suami yang baik. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah mengingatkan hal ini dalam hadis berikut:

"Aku melihat kebanyakan penghuni (neraka) adalah wanita." Para sahabat bertanya: "Kenapa wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Ia karena kekufuran mereka." Para sahabat bertanya lagi: "Apakah lantaran kekafiran mereka kepada Allah?" Baginda menjawab: "Mereka mengkufuri perlakuan dan kebaikan suaminya. Sekiranya kamu berbuat baik kepada salah seorang dari mereka selama setahun penuh, lalu dia melihat sesuatu yang tidak baik pada kamu, dia akan berkata: 'Aku tidak melihat kebaikan sedikit pun padamu'." [Shahih al-Bukhari, no: 4798]

Pelajaran 116:

Poligami adalah sesuatu yang dihalalkan ke atas para suami oleh syari'at Islam.

Janganlah mencemari hukum halal ini dengan perbuatan yang haram seperti berdua-duaan dengan bakal isteri baru, berpacaran, bersentuhan dan berkasih sayang.

Pastikan semua jalan-jalan ke arah poligami adalah halal dan bersih dari sebarang unsur maksiat atau mendekati kepada maksiat.

Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan). [al-Isra' 17:32]

Selain itu, pastikan rancangan anda ini mendapat restu ahli keluarga – khasnya ibubapa bakal isteri baru dan ayahnya menjadi wali kepada pernikahan anda.

Pelajaran 117:

Demi menjamin kehidupan poligami yang aman lagi harmonis, pastikan terdapat kefahaman dan saling bertolak ansur di antara isteri-isteri anda.

Justeru dalam rangka anda memilih calon isteri baru, antara kriteria yang perlu anda perhatikan ialah kesesuaiannya dengan keluarga anda yang sedia ada.

Calon isteri baru tidak semestinya bersahabat baik dengan isteri sedia ada, akan tetapi pastikan beliau tidak bermusuhan atau bakal bertindak zalim.

Pilihlah calon yang dapat menghormati isteri sedia ada anda, mengetahui tempatnya dan sedia bertolak-ansur dalam kehidupan poligami.

Atas nafas yang sama, isteri sedia ada tidak semestinya bersahabat baik dengan calon isteri baru anda. Akan tetapi pastikan beliau menghormati isteri baru anda, mengetahui tempatnya, sedia bertolak ansur, tidak bermusuhan dan tidak bertindak zalim.

Poligami adalah sesuatu yang dihalalkan ke atas para suami oleh syari'at Islam. Janganlah mencemari hukum halal ini dengan perbuatan yang haram seperti berdua-duaan dengan bakal isteri baru.

Pelajaran 118:

Antara cabaran berpoligami ialah prosedur-prosedur jabatan agama negeri. Setiap negeri memiliki prosedur tersendiri, di antaranya ada yang memudahkan dan ada yang menyukarkan.

Disarankan anda berpoligami mengikut prosedur jabatan agama negeri anda.

Namun jika ia terlalu rumit, mengambil masa yang panjang atau menelan kos yang tinggi, maka boleh beralih ke Plan B, iaitu bernikah di negara lain. Pastikan jurunikah anda adalah seorang yang bertauliah dan pernikahan anda didaftarkan bersama kedutaan atau konsulat Malaysia di negara tersebut

Pelajaran 119:

Apabila anda sudah berpoligami, anda hendaklah sedaya upaya bersikap adil di antara semua ahli keluarga.

Mohonlah bantuan Allah dan ambillah pandangan ahli-ahli keluarga anda dalam upaya berlaku adil ini.

Hendaklah anda prihatin dalam urusan keadilan ini kerana ia akan dipersoalkan oleh Allah *Subhanahu waTa'ala* pada Hari Akhirat kelak.

Jika anda sengaja lagi sedar bersikap tidak adil, orang ramai di Padang Mahsyar sudah dapat mengetahuinya dengan ciri-ciri anda yang berjalan dengan bahu yang miring. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengingatkan:

Sesiapa yang memiliki dua isteri kemudian dia cenderung kepada salah seorang di antara keduanya, maka dia akan datang pada Hari Kiamat dalam keadaan sebelah badannya miring. [*Shahih Sunan Abu Daud*, no: 2133]

Pelajaran 120:

Dalam rangka memulakan rumahtangga baru bersama isteri baru, anda hendaklah berwaspada agar tidak menerapkan cara hidup anda bersama isteri sedia ada ke atas isteri yang baru.

Setiap rumahtangga memiliki ciri-ciri yang tersendiri dan anda hendaklah meraikan perbezaan setiap satu daripadanya.

Apabila isteri baru anda seorang gadis, beliau baru hendak mempelajari kehidupan berumahtangga sementara anda sudah jauh ke hadapan. Maka permudahkanlah.

Apabila isteri baru anda seorang janda, beliau sudah terbiasa dengan ciri-ciri rumahtangga sebelumnya sebagaimana anda juga sudah terbiasa dengan ciri-ciri rumahtangga sedia ada. Maka perlapangkanlah.

Pelajaran 121:

Memulakan rumahtangga baru bersama isteri baru, anda tidak semestinya menyediakan rumah, kereta dan segala kelengkapan yang setaraf dengan isteri sedia ada.

Tidak mengapa jika anda memulakan rumahtangga baru dengan rumah yang kecil, kereta terpakai (*2nd hand*) dan kelengkapan hidup yang asas lagi minimum. Perlahan-lahan anda menaik taraf rumahtangga baru anda ini hingga setaraf dengan rumahtangga sedia ada.

Ini sebagaimana anda memulakan rumahtangga anda yang pertama satu masa yang lalu, di mana anda memulakannya dari yang asas lagi minimum, kemudian secara bertahap-tahap anda menaik taraf hingga ke apa yang ada sekarang ini.

Pun begitu, adalah lebih baik jika anda dapat memulakan rumahtangga baru pada taraf yang menghampiri rumahtangga sedia ada. Ini lebih mendekati tuntutan keadilan dalam berpoligami.

Pelajaran 122:

Proses memulakan rumahtangga yang baru serta bertahap-tahap menaik tarafkannya tentu akan melibatkan kos yang banyak.

Tidak ketinggalan ialah kos harian dan bulanan seperti bil elektrik, bil air, barangan runcit, barangan pasar, petrol dan lain-lain.

Justeru anda perlu cermat mengatur perbelanjaan (*budget*) harian, bulanan dan tahunan anda. Dalam pengaturan ini, sedikit sebanyak ia akan melibatkan perbelanjaan anda ke atas keluarga yang sedia ada.

Oleh itu khabarkanlah kepada keluarga yang sedia ada tentang peraturan perbelanjaan yang baru ini dan mintalah kefahaman serta kerjasama mereka.

Semua ini adalah untuk beberapa tempoh awal selepas anda memulakan rumahtangga yang baru. Jika anda terus berusaha mencari rezeki yang halal, banyak melabur dengan cara bersedekah dan yakin kepada Allah, maka Allah akan melapangkan rezeki-Nya kepada anda dan melipat gandakannya.

Pelajaran 123:

Disyorkan anda menempatkan isteri baru anda di lokasi yang berhampiran dengan isteri yang sedia ada.

Ini memudahkan perjalanan anda untuk bergilir di antara isteri, menziarahi mereka di luar hari giliran dan membantu mereka dalam suasana kecemasan.

Ini juga akan memudahkan anda, andai anda tertinggal sesuatu yang penting di rumah yang lain seperti dokumen penting, *USB flash drive* dan sebagainya.

Tidak disyorkan anda tinggal berjauhan, seperti dalam negeri atau wilayah yang berbeza. Tinggal berjauhan menyukarkan anda bergilir di antara isteri secara adil, menelan banyak kos, masa dan tenaga dalam perjalanan dan memberi kesan negatif kepada keharmonian rumahtangga.

Jika dirujuk kepada sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, baginda menempatkan isteri-isterinya dalam rumah-rumah kecil yang saling bersebelah, di sekitar Masjid Nabi di Madinah.

Pelajaran 124:

Antara yang “mementakan” dalam kehidupan poligami ialah bergerak di antara rumah-rumah isteri kerana memenuhi giliran setiap isteri.

Bagi mengelakkan pergerakan ini menjadi satu aktiviti pindah-randah yang mementakan, disyorkan anda menyediakan kelengkapan asas yang mencukupi di setiap rumah.

Maksudnya, di setiap rumah sudah tersedia pakaian yang mencukupi, peralatan kebersihan diri dalam bilik air, pengecaj talifon bimbit dan sebagainya.

Persediaan ini membolehkan anda bergerak di antara rumah-rumah isteri dengan hanya membawa dompet, beg kerja dan komputer riba sahaja.

Pelajaran 125:

Tanggungjawab anda dalam kehidupan poligami bukan sekadar menjaga hal-ehwal isteri-isteri dan anak-anak, tetapi juga hal-ehwal rumah dan segala peralatannya.

Lampu di rumah isteri A yang padam, paip di rumah isteri B yang bocor, tayar kereta isteri C yang pancit merupakan antara tanggungjawab anda juga. Dengan bertambahnya ahli keluarga, bertambah jugalah rumah dan segala peralatannya yang memerlukan pemantauan anda.

Malah mungkin ia merupakan tanggungjawab yang di luar jangkaan. Ini kerana isteri-isteri boleh, malah pandai menjaga urusan sendiri dan anak-anak. Akan tetapi tidak ramai isteri yang boleh memperbaiki lampu, paip, kereta dan kerosakan teknikal yang lain.

Penyelesaiannya, hendaklah anda belajar asas-asas memperbaiki kerosakan teknikal dan mengajarnya kepada isteri-isteri. Memperbaiki dengan sendiri akan menjimatkan kos dan masa berbanding memanggil orang luar.

Selain itu hendaklah anda mengenal pasti mekanik kereta yang jujur agar isteri boleh merujuk terus kepadanya tanpa campur tangan anda.

Pelajaran 126:

Jika anda bekerja dengan syarikat swasta, kebanyakan syarikat hanya memberikan kemudahan kebajikan (*staff benefits*) kepada satu keluarga sahaja. Kemudahan perubatan, cuti kecemasan dan sebagainya hanya untuk seorang isteri dan anak-anak daripada isteri tersebut.

Anda hendaklah menyemak sama ada syarikat anda menyediakan kemudahan kebajikan kepada lebih dari satu keluarga.

Jika mereka tidak menyediakannya, disyorkan anda mengambil insuran perubatan bagi isteri baru anda, termasuklah anak-anak bersama isteri baru tersebut.

Pelajaran 127:

Salah satu kebijaksanaan suami dalam kehidupan poligami ialah menjaga perasaan isteri-isterinya.

Oleh itu, jangan tersasul memanggil isteri D dengan nama isteri B. Satu cara mengelakkan fenomena tersasul ini ialah dengan memanggil semua isteri dengan satu gelaran yang sama, umpama "Umami" sahaja atau "Mama" sahaja.

Usah menceritakan apa-apa kelebihan atau banding-membanding di antara isteri. Hendaklah anda mendiam hal-ehwal isteri-isteri, sama ada perkara yang positif atau negatif.

Pengecualian adalah apabila anda memiliki sesuatu masalah khusus dengan seorang isteri dan anda yakin meminta nasihat atau pandangan daripada isteri yang lain dapat memberi manfaat.

Amat tidak digalakkan berbohong untuk menjaga perasaan isteri. Lambat laun isteri terbabit akan menyedari kebohongan tersebut dan ini akan lebih menyakitkan perasaannya.

Bersikap jujur dan terus terang adalah lebih selamat dan memberi gambaran positif ke atas diri anda sendiri.

Amat tidak digalakkan berbohong untuk menjaga perasaan isteri. Lambat laun isteri terbabit akan menyedari kebohongan tersebut dan ini akan lebih menyakitkan perasaannya.

Pelajaran 128:

Salah satu hak setiap isteri ialah menzahirkan perasaan cemburu kepada madunya.

Perasaan cemburu kepada madu – sekalipun bukan sesuatu yang terpuji dalam agama – adalah ciri lazim seorang wanita. Mengharapkan isteri yang “sifar cemburu” kepada madunya adalah hampir mustahil, maka janganlah anda mengidam-idamkannya.

Sikap anda terhadap isteri yang cemburu ialah bersabar. Ini kerana perasaan kecemburuan itu tidak lama dan berkekalan. Ia adakalanya timbul dan adakalanya tenggelam.

Apabila kecemburuan sudah hilang, maka berilah nasihat kepada isteri anda bahawa apa yang ada di sisinya sudah cukup baik, malah berlebihan. Ajarlah beliau untuk memohon perlindungan Allah daripada syaitan, kerana kecemburuan itu adalah bisikan syaitan bagi menimbulkan pergeseran dalam rumahtangga dan penderhakaan kepada suami.

Pelajaran 129:

Anda hendaklah berwaspada agar perasaan cemburu isteri tidak menimbulkan kemarahan kepada diri anda.

Ini kerana kerap kali kecemburuan seorang isteri adalah kerana membanding-banding apa yang dimiliki oleh madunya. Sementara di sisi anda sebagai seorang suami, semua isteri telah memiliki apa yang secukupnya.

Sebagai contoh, anda telah menyediakan set sofa di rumah setiap isteri. Akan tetapi isteri A cemburu kepada set sofa isteri B kerana corak fabriknya lebih cantik. Sementara isteri B cemburu kepada set sofa isteri A kerana kusenya lebih empuk. Padahal corak fabrik dan keempukan kusen tidak pernah menjadi kriteria anda dalam membeli set sofa.

Dalam contoh di atas, kecemburuan para isteri memberi kesan kepada anda bahawa mereka tidak berterima kasih di atas set sofa yang anda belikan. Ini seterusnya akan menaikkan perasaan marah atau tersinggung pada diri anda.

Pelajaran 130:

Salah satu cara untuk mengelak kecemburuan di antara isteri-isteri ialah tidak menghubungkan mereka secara terlalu rapat.

Justeru tidak disyorkan isteri-isteri kerap berkomunikasi di antara satu sama lain atau kerap menziarahi rumah satu sama lain. Sebaiknya diada satu "jarak" di antara isteri-isteri, agar syaitan dan nafsu tidak dapat mengambil kesempatan untuk menimbulkan perasaan cemburu dalam diri masing-masing.

Atas dasar inilah, dalam pelajaran yang lepas, dijelaskan bahawa persahabatan yang baik di antara isteri-isteri tidak semestinya menjadi kriteria berpoligami. Apa yang penting ialah persefahaman dan saling bertolak-ansur.

Persahabatan yang baik memang ditekankan oleh Islam. Namun jika persahabatan ini menyebabkan lahirnya perasaan cemburu yang akhirnya menyebabkan isteri derhaka kepada suami dan pergeseran rumahtangga, maka adalah lebih baik ia dikawal dan dijarakkan.

Pelajaran 131:

Dalam hadis-hadis yang sahih, tercatat kisah-kisah kecemburuan di antara isteri-isteri Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Apabila berhadapan dengan kecemburuan ini, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mendiamkan diri, memberi nasihat dan ada ketikanya ketawa riang. Baginda mengetahui bahawa antara hak seorang isteri ialah menzahirkan kecemburuannya.

Jika dikekang ia akan makin berkembang. Jika dibalas dengan kemarahan ia akan memberi isyarat anda menyayangi isteri yang dicemburui lebih berbanding yang sedang cemburu.

Justeru di antara sunnah berpoligami ialah bersabar ke atas kecemburuan isteri-isteri. Kesabaran ini kemudiannya diikuti dengan nasihat kepada isteri-isteri serta doa kepada Allah *Subhanahu waTa'ala* agar diberikan kekuatan melawan fenomena cemburu ini.

Pelajaran 132:

Antara contoh kecemburuan di antara isteri-isteri Rasulullah ialah hadis berikut.

A'isyah radhiallahu 'anha berkata: Aku mendatangi Nabi shallallahu 'alaihi wasallam dengan membawa khuzairah (sejenis sup dengan daging yang dipotong kecil-kecil) yang aku masak untuk baginda. Aku katakan kepada Saudah (salah seorang isteri Nabi), sedangkan Nabi berada di antara diriku dan dirinya: "Makanlah."

Dia (Saudah) menolak, maka aku katakan: "Sama ada kamu makan atau aku akan lumurkan ke wajahmu." Akan tetapi dia (Saudah) tetap menolak. Maka aku letakkan tanganku ke dalam khuzairah lalu aku lumurkannya ke wajah dia.

Nabi shallallahu 'alaihi wasallam ketawa, lalu baginda meletakkan tangan baginda ke tangan Saudah seraya berkata: "Lumurilah wajahnya (pula)." Maka Nabi pun ketawa untuknya. [Musnad Abu Ya'la, no: 4476 dengan sanad yang hasan]

Pelajaran 133:

Contoh lain kecemburuan di antara isteri-isteri Rasulullah ialah hadis berikut.

Anas bin Malik radhiallahu 'anh berkata: Satu ketika Nabi shallallahu 'alaihi wasallam berada di tempat isterinya. Lalu salah seorang Ummahatul Mukminin (isteri Nabi) mengirim sepiring hidangan berisi makanan. Maka isteri Nabi yang baginda saat itu sedang berada di rumahnya memukul tangan pelayan sehingga piring itu jatuh dan pecah.

Maka baginda mengumpulkan pecahan piring dan makanan yang tercicir ke dalam piring, lalu baginda bersabda: "Ibu kalian cemburu."

Kemudian baginda menahan pelayan tadi hingga didatangkan piring lain dari rumah isteri yang baginda sedang bergilir saat itu. Lalu baginda menyerahkan piring yang bagus kepada pelayan isteri yang piringnya pecah dan membiarkan piring yang pecah di rumah isteri yang telah memecahkannya. [Shahih al-Bukhari, no: 4824]

Pelajaran 134:

Contoh lain kecemburan di antara isteri-isteri Rasulullah ialah hadis berikut.

A'isyah radhiallahu 'anha berkata, aku berkata kepada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam: "Cukuplah Shafiyyah bagimu seperti ini dan seperti ini – maksudnya merendah-rendahkan beliau."

Baginda lalu menegur: "Sungguh engkau telah mengatakan suatu kalimat (yang amat memberi kesan buruk), sekiranya ia dicampur dengan air laut nescaya ia akan dapat mengubahnya." [Shahih Sunan Abu Daud, no: 4875]

Salah satu hak setiap isteri ialah menzahirkan perasaan cemburunya. Sikap anda terhadap isteri yang cemburu ialah bersabar. Ini kerana perasaan kecemburuan itu tidak lama dan berkekalan. Ia adakalanya timbul dan adakalanya tenggelam.

Pelajaran 135:

Kewaspadaan anda terhadap kecemburuan tidak terbatas di antara isteri-isteri sahaja tetapi turut meliputi di antara anak-anak.

Anda hendaklah bersikap adil kepada anak-anak di antara setiap isteri agar mereka tidak saling cemburu, dengki dan bersaing. Hadis berikut menjadi rujukan:

Nu'man bin Basyir berkata: Ayahku pernah memberikan sebagian hartanya kepadaku, lantas Umm 'Amrah binti Rawahah berkata: "Saya tidak akan rela akan hal ini sampai kamu meminta Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam sebagai saksinya."

Setelah itu saya bersama ayahku pergi menemui Nabi untuk memberitahukan pemberian ayahku kepadaku, maka Rasulullah bersabda kepadanya: "Apakah kamu berbuat demikian kepada (semua) anak-anakmu?" Dia menjawab: "Tidak." Baginda bersabda: "Bertakwalah kepada Allah dan berbuat adillah terhadap anak-anakmu"

Kemudian ayahku pulang dan meminta kembali pemberiannya itu. [Shahih Muslim, no: 3055]

Pelajaran 136:

Masyarakat memiliki pandangan yang berbeza-beza tentang poligami. Ada yang menyokongnya, ada yang membencinya, ada yang memandang anda sebagai telah membuat satu kesalahan besar dan ada yang *neutral* sahaja.

Apa yang penting ialah anda berani ke hadapan dalam urusan poligami ini. Menyembunyikannya, merahsiakannya memberi kesan anda telah melakukan sesuatu yang haram di sisi agama lagi salah di sisi masyarakat.

Justeru usah segan-segan untuk memaklumkan kepada saudara mara, jiran dan sahabat handai bahawa anda berpoligami, sebagaimana seseorang yang bermonogami juga memaklumkan kepada orang lain bahawa dia telah berkahwin.

Jika ada yang berlebihan dalam memuji anda, maka sedarkanlah dia bahawa poligami adalah satu tanggungjawab besar, bukan bahan sorakan.

Jika ada yang membenci poligami atau memandang serong kepada anda, maka betulkanlah pandangan dia tentang poligami dengan penuh keyakinan.

Pelajaran 137:

Baik monogami atau poligami, rumahtangga ialah satu pasukan yang melibatkan semua pihak: suami, isteri (isteri-isteri) dan anak-anak.

Sesuatu rumahtangga akan berjaya jika semua ahlinya memainkan peranan (*teamwork*). Apabila rumahtangga monogami atau poligami gagal, maka ia adalah kegagalan semua ahlinya dan bukan satu individu sahaja.

Anda sebagai ketua pasukan hendaklah merendahkan diri untuk menjemput semua ahli memainkan peranan positif. Menjemput semua isteri dan anak-anak sebagai satu pasukan akan menyebabkan mereka merasai diri mereka dihargai, diperlukan dan memiliki peranan.

Usah ego, sombong atau merasa hebat sehingga bertindak berseorangan untuk mengemudi bahtera rumahtangga.

Hendaklah berani ke hadapan jika anda berpoligami.
Menyembunyikannya, merahsiakannya memberi
kesan anda telah melakukan sesuatu yang haram di
sisi agama lagi salah di sisi masyarakat.

Pelajaran 138:

Berdasarkan tips-tips poligami ini – dan banyak lagi yang tidak sempat disenaraikan dalam buku ini – sedarilah bahawa poligami adalah amanah dan tanggungjawab, kepimpinan dan pengurusan serta penghantar kepada syurga atau neraka. Ia bukan satu permainan atau kehebatan.

Jika anda seorang suami yang memiliki sifat kepimpinan yang baik, tegas lagi berdisiplin ke atas diri sendiri dan ahli keluarga, memiliki ilmu agama dan mengamalkannya serta memiliki kaedah pengurusan masa dan kewangan yang bagus, maka teruskan berpoligami.

Teruskan berpoligami tanpa mengambil kira kerelaan isteri sedia ada atau kebenaran jabatan agama negeri.

Poligami adalah hukum asal agama (*azimah*) yang tidak wajar diabaikan oleh para suami yang telah dikurniakan pelbagai kelebihan oleh Allah *Subhanahu waTa'ala*. Suami yang memiliki kelebihan namun enggan mengambil *azimah* ini, maka dia sebenarnya mensia-siakan kurniaan Allah.

Pelajaran 139:

Namun jika anda merasakan diri sendiri belum sedia untuk berpoligami, maka *monogami* adalah satu keringanan hukum agama (*rukhsah*) yang boleh anda ambil.

Ini kerana jika anda memiliki keuzuran untuk berpegang kepada hukum *azimah*, maka mengambil *rukhsah* adalah sesuatu yang disukai oleh Allah *Subhanahu waTa'ala*: ***Sesungguhnya Allah menyukai apabila rukhsah-Nya diambil sebagaimana Allah membenci larangan-Nya (maksiat) diambil.*** [*Musnad Ahmad*, no: 5866, sahih]

Apabila ditanya kenapa anda tidak berpoligami, maka jawablah: "Buat masa ini saya mengambil *rukhsah* untuk monogami sahaja".

Peringatan penting, jangan mengubah hukum agama atau menambah sekian-sekian syarat semata-mata untuk menjustifikasikan diri anda yang belum berpoligami.

Kedua, jangan membuat deklarasi "Saya tidak akan berpoligami" kerana kita tidak tahu apa yang Allah taqdirkan ke atas kita setahun atau sepuluh tahun yang akan datang.

Tips-Tips Poligami Untuk Isteri Sedia Ada

Pelajaran 140:

Sekadar pengenalan kepada beberapa istilah:

“Isteri sedia ada” merujuk kepada isteri pertama, kedua atau ketiga. Istilah ini adalah lebih tepat kerana gelaran “isteri tua” mengandungi nada yang negatif.

Lebih dari itu, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh isteri pertama apabila suaminya menikah isteri kedua akan dihadapi oleh isteri kedua apabila suaminya menikah isteri ketiga dan akan dihadapi oleh isteri ketiga apabila suaminya menikah isteri keempat.

“Isteri baru” merujuk kepada isteri kedua, ketiga dan keempat. Istilah “baru” bererti baru dinikahi selepas isteri sedia ada. “Baru” tidak semestinya gadis dara kerana ia boleh juga merujuk kepada anak dara tua dan janda.

Pelajaran 141:

Kepada isteri sedia ada, ketahuilah bahawa hidup ini seluruhnya adalah ujian, sebagaimana firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

Maha Suci Allah Yang di tangan-Nyalah segala kerajaan, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu; Yang menjadikan mati dan hidup supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun. [al-Mulk 67:1-2]

Ujian-ujian ini adalah tanda Allah mengasihinya, sebagaimana pesan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

Sesungguhnya besarnya ganjaran (pahala) bersamaan dengan besarnya ujian. Sesungguhnya apabila Allah mengasihi sesuatu kaum, Dia menurunkan ujian. Maka sesiapa yang redha maka dia mendapat keredhaan (Allah) dan sesiapa yang marah maka dia mendapat kemurkaan (Allah). [Shahih Sunan al-Tirmizi, no: 2396-2]

Pelajaran 142:

Ujian Allah *Subhanahu waTa'ala* kepada para isteri adalah pelbagai.

Allah menguji para isteri di Palestin dengan suami mereka yang dipenjarakan oleh rejim zionis Israil selama lebih 40 tahun.

Allah menguji para isteri di Iraq dan Afghanistan dengan suami mereka yang badannya putus empat, dibom oleh entah siapa.

Allah menguji para isteri di Bosnia dengan diri mereka dan anak perempuan mereka dizalimi oleh regim Serb.

Allah menguji anda dengan suami anda yang ingin atau sudah menikah lagi. Percayalah, ujian ini adalah jauh lebih ringan berbanding ujian yang dihadapi oleh para isteri di atas.

Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan
dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman",
sedangkan mereka tidak diuji?

Pelajaran 143:

Allah *Subhanahu waTa'ala* sebagai tuhan yang mencipta manusia amat mengetahui ciri fitrah seorang isteri yang bergantung kepada suami, menjadikan suami sumber keselamatan, ekonomi dan kebahagiaan.

Meski pun isteri tersebut seorang yang kuat imannya, tinggi ilmunya atau hebat kerjayanya, dia tetap secara bawah sadar menjadikan suaminya nombor satu di samping Allah.

Poligami menjadi ujian yang amat besar kesannya kepada anda sebagai isteri di mana dengan ujian ini, anda sadar secara zahir dan batin dapat menyedari bahawa seorang suami hanyalah wasilah untuk sampai kepada tujuan utama hidup ini, iaitu keredhaan Allah, pahala-Nya dan syurga-Nya.

Oleh itu poligami adalah ujian kepada kadar keimanan anda yang sebenar:

Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedangkan mereka tidak diuji? [al-Ankabut 29:02]

Pelajaran 144:

Poligami bukan sahaja ujian kepada isteri-isteri sedia ada, tetapi juga kepada suami.

Dengan poligami, Allah *Subhanahu waTa'ala* menguji para suami sama ada mereka menggunakan kelebihan yang Allah berikan kepada mereka untuk memimpin sehingga empat ahli keluarga, atau disia-siakan kepada satu ahli keluarga sahaja.

Poligami juga menyedarkan para suami bahawa ahli-ahli keluarga hanyalah wasilah untuk sampai kepada tujuan utama hidup ini, iaitu keredhaan Allah, pahala-Nya dan syurga-Nya.

Memang, ada di antara suami yang bersorak gembira kerana poligami. Mereka sebenarnya tidak tahu hakikat sebenar di sebaliknya:

.....boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya. [al-Baqarah 2:216]

Pelajaran 145:

Tujuan hidup ini bukanlah suami, isteri atau anak-anak. Akan tetapi tujuan hidup ini adalah mencapai keredhaan Allah *Subhanahu waTa'ala*, memperoleh pahala-Nya dan menduduki syurga-Nya.

Katakanlah: Sesungguhnya solatku dan ibadahku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan dan aku adalah orang Islam yang awal (yang segera berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintah-Nya). [al-An'aam 6:162-163]

Dengan suami sebagai wasilah kepada Allah, maka merelakan suami menikah lagi dan membantunya ke arah poligami yang berjaya akan mendekatkan anda kepada keredhaan Allah, memperoleh pahala-Nya dan memasuki syurga-Nya.

Ia membuktikan bahawa hidup anda memang untuk Allah, tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam.

Pelajaran 146:

Rasulullah pernah ditanya tentang ciri-ciri isteri yang baik. Baginda menjawab: ***Wanita yang membahagiakan (suaminya) jika dipandang, mentaatinya jika diperintahkan dan tidak menyelisihi berkenaan dirinya dan hartanya dengan apa yang tidak disukai (oleh suami).*** [Shahih Sunan al-Nasa'e, no: 3231]

Dalam sebuah hadis yang lain baginda menyatakan: ***Apabila seorang wanita (isteri) mendirikan solat lima waktunya, berpuasa dalam bulan Ramadhannya, menjaga kemaluannya dan mentaati suaminya, dikatakan kepadanya: "Masukilah syurga dari mana-mana pintu syurga yang kamu sukai".*** [Musnad Ahmad, no: 1661 dengan sanad hasan]

Justeru apabila anda tidak menyelisihi kehendak suami untuk berpoligami dan anda tetap taat sebagai isterinya seperti biasa, maka suami menjadi wasilah yang dapat membawa anda ke syurga.

Pelajaran 147:

Sebaliknya jika anda meyakiti suami dengan cara menyukarkannya berpoligami atau menghalangnya, serta enggan taat kepadanya dalam peranan anda sebagai seorang isteri, maka suami anda saat itu menjadi wasilah yang menjauhkan anda daripada syurga Allah.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: ***Tidaklah seorang isteri menyakiti suaminya di dunia melainkan isteri lelaki tersebut dari kalangan bidadari (syurga) akan berkata: "Jangan kamu menyakitinya. Semoga Allah membinasakan kamu, sebab beliau adalah tetamu bagi kamu (di dunia), hampir-hampir beliau akan meninggalkan kamu untuk menemui kami".*** [Shahih Sunan al-Tirmizi, no: 1174]

Dalam hadis yang lain: ***Dua orang yang solat mereka tidak naik melepasi kepala mereka: seorang hamba yang lari dari majikannya sehinggalah dia kembali kepadanya dan seorang isteri yang derhaka kepada suaminya sehingga dia kembali taat kepadanya.*** [Riwayat al-Thabarani dan al-Hakim, *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah*, no: 288]

Pelajaran 148:

Antara cabaran merelakan suami berpoligami ialah kesukaran memahami kenapa Islam menganjurkan poligami serta kenapa suami anda ingin atau sudah berpoligami.

Mencari kefahaman yang tepat memang sukar kerana ilmu kita sebagai manusia amatlah terbatas berbanding ilmu Allah yang tiada batasannya.

Apa yang penting, Allah *Subhanahu waTa'ala* telah menganjurkan poligami di dalam ayat ketiga surah al-Nisa' tanpa menerangkan "kenapa" di sebaliknya.

Turut penting, corak kehidupan bagi seorang lelaki di dunia dan di akhirat adalah dia didampingi oleh lebih dari seorang isteri. Kehidupan poligami kepada seorang lelaki beriman tidak terhad di dunia ini tetapi juga di akhirat:

Iaitu bagi orang-orang yang bertakwa disediakan di sisi Tuhan mereka beberapa Syurga, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Disediakan juga isteri-isteri yang suci bersih, serta (beroleh pula) keredhaan dari Allah dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan hamba-hamba-Nya. [Ali Imran 3:15]

Pelajaran 149:

Antara cabaran merelakan suami berpoligami ialah merasakan suami adalah milik anda sahaja dan anda enggan memberikannya kepada wanita lain.

Sebenarnya apa jua di alam ini adalah milik: **Allah, tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi.** [al-Baqarah 2:255]

Anda sebagai isteri hanyalah diwakilkan untuk menjaganya, mendampinginya dan menjadikannya wasilah kepada Allah. Pada bila-bila masa Allah boleh mengambil suami anda, merosakkannya (penyakit) atau mewakilkannya kepada orang lain.

Oleh kerana itulah, apabila sesuatu “milik” kita diambil semula oleh Allah, kita dianjurkan mengucap: **“Innalillah wa inna ilaiHi rajiun - Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan sesungguhnya kepada Allah jualah kami kembali”** [al-Baqarah 2:156] untuk mengingatkan kita bahawa semuanya adalah milik Allah.

Pelajaran 150:

Antara cabaran merelakan suami berpoligami ialah anda tidak mahu melapangkan suami untuk turut dikongsi oleh wanita lain.

Ketahuiilah apabila kita melapangkan sesuatu untuk dikongsi bersama – termasuklah suami – maka Allah *Subhanahu waTa'ala* akan melapangkan kehidupan kita dengan pelbagai anugerah-Nya dan mengangkat darjat kita di sisi-Nya.

Sebaliknya jika kita meyempitkannya, maka ia akan meyempitkan kehidupan kita dan merendahkan darjat kita.

Atas dasar inilah, jika kita perhatikan orang yang lazim melapangkan kepada orang lain, kehidupannya sentiasa lapang, ceria dan gembira. Berbeza dengan orang yang lazim menyempitkan, kehidupannya sentiasa sempit, muram dan dukacita.

Perhatikan firman Allah berikut ini:

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu.

Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-

orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa derajat dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan. [al-Mujadilah 58:11]

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu.

Pelajaran 151:

Antara cabaran merelakan suami berpoligami ialah anda merasakan amat memerlukan suami untuk pelbagai urusan anda dan anak-anak. Anda merasakan suami masih dalam keadaan kekurangan sementara anda sekeluarga sangat berhajat kepada beliau, lalu bagaimana mungkin hendak melepaskan suami kepada wanita yang lain?

Bagi cabaran ini, marilah kita ambil iktibar dari kaum Ansar, di mana Allah *Subhanahu waTa'ala* telah memuliakan mereka dalam ayat berikut:

Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka (dari Mekah) dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya. [al-Hasyr 59:09]

Pelajaran 152:

Antara cabaran merelakan suami berpoligami ialah anda merasakan ekonomi suami tidak cukup untuk menampung dua atau lebih keluarga.

Ekonomi – atau lebih tepat rezeki – berada di Tangan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan bukannya dalam saku suami:

Sesungguhnya Tuhanmulah yang meluaskan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Dia juga yang menyempitkannya. Sesungguhnya Dia Maha Mendalam pengetahuan-Nya, lagi Maha Melihat akan hamba-hamba-Nya. [al-Isra 17:30]

Apa yang dituntut ke atas kita ialah mencari rezeki tersebut secara halal dan bertawakkal kepada Allah akan hasilnya.

Lebih dari itu, jika hendak diambil kira ukuran manusia, rezeki atau ekonomi tidak akan pernah mencapai tahap “cukup”. Bahkan jika sudah memiliki dua lembah yang berisi harta, manusia akan tetap mencari lembah ketiga. [*Shahih al-Bukhari*, no: 5956] Justeru belajar-belajarlah untuk merasa cukup dengan apa yang ada.

Pelajaran 153:

Antara cabaran merelakan suami berpoligami ialah anda merasakan suami tidak mampu memimpin dua atau lebih keluarga. Beberapa contoh kekurangan yang mungkin anda maksudkan ialah lewat mendirikan solat, jahil dalam ilmu agama, malas membantu kerja rumah, boros berbelanja atau panas baran.

Ketahuilah, tidak ada manusia yang sempurna. Apa yang dikehendaki ialah suami yang mahu memperbaiki diri ke arah kesempurnaan dan isteri (isteri-isteri) yang membantunya ke arah kesempurnaan.

Jika suami anda memiliki beberapa kekurangan, ertinya anda sebagai isteri tidak berjaya memperbaiki kekurangan tersebut. Maka ia adalah kekurangan pada diri anda juga.

Justeru dengan dua atau lebih isteri, lebih ramai yang dapat memperbaiki kekurangan tersebut sebagai satu pasukan (*teamwork*). Oh ya! Apabila anda menikahi suami anda satu masa lalu, adakah beliau pada saat itu seorang calon suami yang sempurna?

Pelajaran 154:

Antara cabaran merelakan suami berpoligami ialah anda bimbang suami akan lebih mencintai isteri baru, lebih suka bermesra-mesraan dengan dia dan meninggalkan anda yang sudah “lama”.

Sekali lagi, kasih sayang dan bermesra-mesraan tidak datang daripada suami, tetapi daripada Allah: ***Dia (Allah) menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan.*** [al-Rum 30:21]

Baik monogami atau poligami, anda hendak berharap, bergantung dan berdoa kepada Allah agar dijadikan kasih sayang dan kemesraan antara diri anda dan suami. Seterusnya doa ini diikuti dengan usaha yang terbaik.

Percayalah, jika anda memudahkan suami berpoligami, berterusan melayaninya dengan baik serta yakin kepada Allah, Allah akan menjadikan suami tetap menyayangi anda dan bermesra-mesraan dengan anda.

Pelajaran 155:

Antara cabaran merelakan suami berpoligami ialah anda bimbang suami tidak akan pulang ke rumah mengikut giliran.

Baik monogami atau poligami, isteri hendaklah menjadi umpama besi berani (*magnet*) yang sentiasa menarik suami ke rumah. Rumah yang bersih lagi teratur, menu yang sentiasa berubah dan layanan mesra akan menyebabkan suami tidak minat ke tempat lain melainkan rumah. Suami kerap *overtime*, lepak di kopitiam atau bermain golf hanyalah kerana tidak ada *magnet* yang menariknya pulang ke rumah.

Sebenarnya sebagai isteri sedia ada, anda tidak perlu bimbang jika suami tidak balik ke rumah. Ini kerana anda lebih mengetahui cara menjaga suami, kesukaannya dan kebenciannya berbanding isteri baru. Jika diumpamakan lumba lari 100 meter, anda sudah berada 30 meter di hadapan sementara isteri baru masih sedang memakai kasut.

Kebimbangan hanyalah kepada isteri sedia ada yang selama ini mengabaikan suami, menyukarkan kehidupan suami dan menyediakan hidangan mee segera untuk makan malam suami.

Pelajaran 156:

Antara cabaran merelakan suami berpoligami ialah anda bimbang jika suami tidak berlaku adil kepada anda setelah dia berpoligami.

Jika selama ini suami anda ialah seorang yang membahagikan waktu secara adil antara pejabat dan rumah, antara rakan-rakan dan keluarga, serta adil berbelanja antara keperluan dirinya, keluarganya dan ibubapanya, maka tidak usah dibimbang tentang sikap adilnya jika dia berpoligami.

Sebaliknya jika suami belum menepati ciri-ciri umpama di atas, maka anda boleh memainkan peranan untuk menasihati beliau tentang kepentingan bersikap adil dalam berpoligami.

Anda juga boleh membantu suami untuk bersikap adil dengan cara tidak berlebih-lebihan dalam meminta hari giliran, nafkah dan lain-lain.

Satu formula mujarab untuk para isteri: Lebih anda meminta daripada suami, lebih kurang yang anda dapat. Lebih anda berterima kasih dengan apa yang ada, lebih yang anda dapat daripada suami. (*The more you ask, the less you get*).

Pelajaran 157:

Antara cabaran merelakan suami berpoligami ialah anda bimbang "Apa kata orang lain? Sudah tentu mereka kata aku isteri yang tidak tahu jaga suami!"

Hakikatnya, cemuhan dan sindiran tersebut hanya sesuatu yang diucapkan oleh mereka yang jahil dalam hukum agama. Bak kata pepatah, "Orang yang jahil tidak akan segan-segan menzahirkan kejahilan mereka".

Apa yang penting ialah "Apa kata Allah?" dan bukannya "Apa kata manusia?" Kita hidup di dunia ini untuk mencari keredhaan Allah dan bukannya keredhaan manusia.

Justeru abaikan cemuhan dan sindiran mereka, bahkan jadikan ia saham yang menguntungkan anda di Hari Akhirat kelak.

Ambillah iktibar dari hadis berikut:

Daripada Abu Hurairah (radhiallahu 'anh), bahawasanya Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bertanya: "Tahukah kalian siapa orang yang muflis?" Para sahabat menjawab: "Bagi kami muflis ialah orang yang tidak memiliki wang mahupun harta."

Lalu (Rasulullah) menjelaskan: "Sebenarnya orang yang muflis di kalangan umatku ialah orang yang datang pada Hari Kiamat dengan (membawa

pahala) solat, puasa, zakat, akan tetapi (semasa di kehidupan dunia) dia pernah mencaci seseorang, menuduh seseorang (tanpa bukti), memakan harta seseorang, menumpahkan darah seseorang dan memukul seseorang.

Maka akan diberikan kepada orang yang dia pernah zalimi itu dari pahala kebbaikannya sendiri (pahala solat, puasa zakat) dan begitulah seterusnya kepada orang lain yang dia pernah zalimi itu. Jika telah habis pahala kebbaikannya sementara masih berbaki kesalahannya kepada orang-orang yang pernah dia zalimi di dunia dahulu, maka akan diambil dosa kesalahan orang yang dia zalimi itu dan dibebankan ke atasnya, kemudian dia dicampakkan ke dalam neraka. [Shahih Muslim, no: 2581]

Jika hendak diambil kira ukuran manusia, rezeki atau ekonomi tidak akan pernah mencapai tahap “cukup”. Bahkan jika sudah memiliki dua lembah yang berisi harta, manusia akan tetap mencari lembah ketiga.

Pelajaran 158:

Antara cabaran merelakan suami berpoligami ialah anda bimbang tentang pendidikan dan pengasuhan anak-anak.

Secara umum, anak-anak berada di bawah tanggungjawab anda sebagai isteri dan bukannya suami. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: **...seorang wanita adalah pemimpin ke atas rumah suaminya dan anak-anaknya.** [*Shahih al-Bukhari*, no: 4801]

Suami memiliki peranan mencari nafkah untuk anda dan anak-anak, termasuklah menyediakan nafkah agar anak-anak dapat ke sekolah merangkumi yuran, buku-buku, pakaian seragam dan pengangkutan.

Adapun selain itu, maka ia adalah kelebihan yang dilakukan oleh suami dicelah-celah masa sibuknya. Memaksa suami mendidik anak tidak ubah seperti suami yang memaksa isteri menukar sendiri tayar kereta yang pancit.

Rumahtangga yang berjaya, baik monogami atau poligami, ialah apabila setiap ahlinya mengetahui tugas masing-masing. Bukan saling memaksa tugas yang secara fitrah dia tidak dicipta oleh Allah untuk melakukannya.

Pelajaran 159:

Apabila suami anda mengkhabarkan hajatnya untuk berpoligami jangan membantah, menutup perbincangan atau memberi sambutan yang negatif.

Sebaliknya dengarlah apa yang hendak dia sampaikan, kongsikan pendapat anda secara positif dan serahkan selainnya kepada Allah *Subhanahu waTa'ala*.

Sebagai perumpamaan, suami adakalanya seperti kanak-kanak nakal. Jika dia hendak keluar rumah dan anda mengunci pintu depan, dia akan keluar melalui pintu belakang. Jika anda mengunci pintu belakang pula, dia akan panjat keluar melalui tingkap.

Oleh itu lebih baik anda biarkan dia keluar melalui pintu depan. Dengan cara ini anda dapat mengetahui bila dia hendak keluar dan menyampaikan pesanan-pesanan yang diperlukan.

Satu formula mujarab untuk para isteri: Lebih anda meminta daripada suami, lebih kurang yang anda dapat. Lebih anda berterima kasih dengan apa yang ada, lebih yang anda dapat daripada suami.

Pelajaran 160:

Apabila anda mendapati suami membeli atau membaca buku tentang poligami, maka janganlah anda menghalangnya atau naik marah.

Demikian juga, jika suami anda bersembang-sembang tentang poligami bersama rakan-rakan lelaki, janganlah memberi reaksi negatif.

Seandainya benar suami anda akan berpoligami, maka dia berpoligami dalam keadaan berilmu dan menimba pengalaman rakan-rakan adalah jauh lebih baik berbanding dalam keadaan jahil dan keseorangan.

Adapun selain itu, maka poligami adalah salah satu ajaran Islam dan menuntut ilmu tentangnya adalah sesuatu yang terpuji lagi digalakkan. Ia menjadi sumber pengetahuan umum (*general knowledge*) yang dapat dimanfaatkan seandainya pada satu hari nanti anda berinteraksi dengan seseorang yang hidup di alam poligami.

Pelajaran 161:

Jika anda mendapati tiba-tiba suami anda telah bernikah lagi, maka tidak ada sesiapa yang patut anda salahkan kecuali diri anda sendiri.

Ini kerana jika sejak awal anda sentiasa bersikap terbuka dalam topik poligami, suami akan merasa selesa untuk mengkhabarkan hajat atau rancangannya untuk berpoligami.

Namun jika anda menutup perbincangan pada perkataan yang pertama atau menghalang suami berpoligami, maka natijahnya suami tetap akan “keluar ikut tingkap” untuk berpoligami. Ini kerana di sisi suami, poligami tetap halal baginya dan manusia, baik isteri sedia ada atau pihak berwajib, tidak boleh menukar hukum itu kepada haram.

Atas dasar ini, adalah lebih baik jika anda sejak awal bersikap terbuka terhadap topik poligami.

Pelajaran 162:

Ketahuiilah, manusia hanya merancang dan berusaha sementara hasilnya tetap terserah kepada kehendak dan taqdir Allah *Subhanahu waTa'ala*.

Jika suami merancang hendak berpoligami dan beliau dibantu oleh semua rakan-rakannya namun Allah tidak menghendaki beliau berpoligami, maka suami tetap tidak akan berpoligami.

Jika anda menghalang suami berpoligami dan anda dibantu oleh semua rakan-rakan anda, namun Allah tetap menghendaki beliau berpoligami, maka suami tetap akan berpoligami.

Justeru lakukanlah apa yang selari dengan tunjuk ajar al-Qur'an dan al-Sunnah, kemudian bertawakkallah kepada Allah. Ambillah iktibar dan kekuatan dari hadis berikut.

'Abdullah ibn 'Abbas *radhiallahu 'anhuma* berkata:
Aku pernah berada di belakang Rasulullah shallallahu 'alaihi wassalam pada suatu hari, lalu baginda bersabda: "Wahai anak muda! Sesungguhnya aku akan mengajarimu beberapa kalimat:

- 1. Jagalah Allah niscaya Dia menjagamu,***
- 2. Jagalah Allah niscaya kau menemui-Nya di***

hadapanmu,

- 3. Apabila kau meminta, mintalah pada Allah dan bila kau meminta pertolongan, mintalah kepada Allah,**
- 4. Ketahuilah bahawasanya jika manusia berhimpun untuk memberi sesuatu manfaat kepadamu, tidaklah mereka dapat memberi apa jua manfaat kepadamu melainkan apa yang telah Allah taqdirkan bagimu,**
- 5. Dan jika (manusia) berhimpun untuk memberikan sesuatu mudarat ke atasmu, tidaklah mereka dapat memberi apa jua mudarat ke atasmu melainkan apa yang telah Allah taqdirkan ke atasmu.**
- 6. Pena-pena telah diangkat dan lembaran-lembaran telah kering.”** [Shahih Sunan al-Tirmizi, no: 2516]

Jika anda mendapati tiba-tiba suami anda telah bernikah lagi, maka tidak ada sesiapa yang patut anda salahkan kecuali diri anda sendiri.

Pelajaran 163:

Satu perkara yang tidak boleh dipisahkan daripada isteri sedia ada apabila mendapati suami ingin atau sudah berpoligami, adalah ia amat sukar, berat lagi menyedihkan.

Kesukaran, keberatan dan kesedihan ini tiada tandingannya.

Justeru jangan menghadapinya secara berseorangan, sebaliknya rujuklah kepada Allah *Subhanahu waTa'ala*. Adulah kepada-Nya, bergantunglah kepada-Nya dan mintalah kepada-Nya kekuatan, motivasi, kesabaran dan petunjuk.

Hadis dalam pelajaran sebelum ini sekali lagi menjadi rujukan: ***Jagalah Allah niscaya Dia menjagamu, Jagalah Allah niscaya kau menemui-Nya di hadapanmu, Apabila kau meminta, mintalah pada Allah dan bila kau meminta pertolongan, mintalah kepada Allah.***

Selain itu rujuklah juga kepada orang-orang yang berilmu, matang lagi hidup di alam poligami. *Insyallah* mereka dapat membantu anda dan menyedarkan bahawa anda tidak berseorangan.

Pelajaran 164:

Sikap anda apabila suami ingin atau sudah berpoligami janganlah dihentikan sekadar merelakannya dan berkata "Boleh".

Akan tetapi sikap yang lebih terpuji dan bakal meraih keredhaan Allah, pahala serta syurga-Nya ialah anda membantu suami menjadikan hajatnya berpoligami menjadi kenyataan.

Seterusnya anda tetap membantu suami membangun keluarganya yang baru itu, pada kadar yang sepatutnya.

Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*: ***Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa.*** [al-Maidah 5:02]

Jagalah Allah niscaya Dia menjagamu, Jagalah Allah niscaya kau menemui-Nya di hadapanmu, Apabila kau meminta, mintalah pada Allah dan bila kau meminta pertolongan, mintalah kepada Allah.

Pelajaran 165:

Antara bantuan yang dimaksudkan ialah

- Anda hadir bersama suami dalam perbicaraan permohonan poligami di mahkamah syari'ah.
- Anda rela suami menyusun perbelanjaannya untuk menampung isteri baru. Sama-sama diketahui kos perkahwinan dan memulakan rumahtangga baru adalah agak tinggi.
- Seandainya suami memiliki rumah dan kereta tambahan, anda rela ia digunakan oleh isteri barunya.
- Berkongsi dengan isteri baru apa yang disukai oleh suami dan apa yang dibenci oleh suami. Jika isteri baru ialah seorang gadis (dara), maka anda berkongsi cara-cara menguruskan rumahtangga.
- Anda bersikap toleran untuk mengubah-ubah hari giliran apabila suami memiliki sesuatu urusan penting bersama isteri barunya.

Pelajaran 166:

Memang, adalah satu keanehan untuk isteri sedia ada membantu suami berpoligami. Namun yakinilah, apa jua bantuan yang anda berikan, Allah *Subhanahu waTa'ala* akan menggantikan untuk anda apa yang lebih baik, ditambah dengan ganjaran terbaik di Hari Akhirat kelak.

Membantu suami berpoligami akan memberikan pulangan positif kepada anda juga, di mana dengan bantuan tersebut suami akan lebih menghargai jasa baik anda. Kemudahan dan kelapangan yang diperolehi oleh suami akan dirasakan oleh anda dan ahli keluarga semuanya.

Berbeza jika anda menyukarkan suami untuk berpoligami. Kesukaran dan kesempitan yang dialami oleh suami akan bertempias kepada anda dan ahli keluarga. Akhirnya yang rugi ialah anda dan ahli keluarga yang lain.

Pelajaran 167:

Apa pun perasaan dan pandangan anda tentang poligami, ia tetap merupakan satu perkara yang halal dalam syari'at Islam.

Oleh itu janganlah anda tunduk kepada syaitan dengan membalas suami yang ingin atau sudah berpoligami dengan sesuatu yang haram dalam syari'at Islam.

Antara yang dimaksudkan ialah menderhakai suami, memburuk-burukkan suami, mengekang pergerakan suami, menghalang suami keluar rumah bergilir dengan isteri barunya dan menzalimi isteri barunya.

Apa jua rancangan anda untuk meng'azab' suami dan isteri barunya, ketahuilah bahawa azab Allah adalah jauh lebih berat:

Hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan; dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya). [al-Maidah 5:02]

Pelajaran 168:

Termasuk perbuatan yang haram ialah meminta cerai daripada suami apabila mendapat tahu beliau ingin berpoligami atau sudah berpoligami.

Meminta cerai semata-mata atas alasan poligami bukanlah sesuatu yang diterima dalam Islam. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengingatkan:

Mana-mana wanita yang meminta cerai daripada suaminya tanpa alasan yang munasabah, maka haram baginya bau syurga. [Shahih Sunan Abu Daud, no: 2226]

Berbeza jika setelah beberapa lama suami anda berpoligami dan anda berterusan melayaninya sebaik mungkin, lalu dia tetap tidak berlaku adil kepada anda dan anak-anak. Dalam kes ini, anda memiliki alasan yang munasabah untuk meminta cerai.

Pelajaran 169:

Seandainya anda tetap berat untuk menerima poligami, maka akuilah ia dengan berkata: "Saya belum mampu untuk menerima poligami, saya belum bersedia untuk dimadu".

Berat untuk menerima poligami adalah sesuatu yang lumrah bagi kebanyakan isteri, maka janganlah segan-segan untuk mengakuinya.

Apa yang penting ialah anda tidak mengubah hukum Allah *Subhanahu waTa'ala* dengan mengikuti pemikiran Liberal orang-orang yang sujud kepada peradaban Barat.

Juga penting untuk diperhatikan ialah, sama ada poligami ringan atau berat untuk anda, suami yang mahu berpoligami akan tetap berpoligami.

Pelajaran 170:

Apabila anda berat untuk menerima poligami, kemungkinan wujud faktor luar yang mempengaruhi anda.

Faktor luar tersebut ialah kemungkinan ibu, saudara atau rakan anda yang pernah hidup di alam poligami dengan kehidupan yang tidak dapat dijadikan contoh teladan.

Pengalaman mereka sedikit sebanyak memberi pengaruh kepada anda sehingga anda enggan ia berulang ke atas diri sendiri.

Sikap yang benar bukanlah mengalah tetapi berazam untuk membetulkannya. Pengalaman orang lain dapat dijadikan pelajaran berharga untuk anda ambil yang baik dan betulkan yang salah.

Di sini sebenarnya anda sudah berada beberapa langkah di hadapan, kerana anda tahu apa yang buruk tentang poligami untuk dielakkan dan apa yang cantik tentang poligami untuk dikembangkan.

Tips-Tips Poligami Untuk Isteri Baru.

Pelajaran 171:

Apabila anda menerima lamaran untuk menjadi isteri baru, hendaklah anda mempertimbangkannya dengan baik.

Maksud isteri baru ialah menjadi isteri kedua, ketiga atau keempat.

Janganlah menolak lamaran tersebut semata-mata kerana anda enggan hidup di alam poligami.

Pertimbangkanlah ia berdasarkan agama, kepimpinan, kemampuan, kematangan dan akhlak suami tersebut.

Khusus berkenaan poligami, pertimbangkan juga ilmu dan perancangan suami yang melamar anda dari aspek pembahagian giliran, tempat tinggal, pemberian nafkah dan pengetahuan isteri-isteri beliau yang sedia ada.

Berkongsi seorang suami yang sudah berpengalaman, mempunyai akhlak yang baik, berilmu lagi shalih adalah lebih baik berbanding anda hidup berseorangan atau anda 'terpaksa' menerima seorang lelaki yang baru hendak mengenal erti 'suami'.

Pelajaran 172:

Usah menolak lamaran menjadi isteri baru kerana enggan menyedihkan perasaan isteri sedia ada.

Kesedihan isteri sedia ada bukanlah kerana anda tetapi kerana beliau tidak dapat beriman kepada poligami yang disyari'atkan oleh Allah *Subhanahu waTa'ala*.

Suami yang bersedia untuk berpoligami akan tetap berpoligami sama ada dengan anda atau dengan calon yang lain.

Justeru jika anda menolak lamaran suami kerana enggan menyedihkan isteri sedia ada, suami akan tetap melamar wanita yang lain sebagai isteri barunya.

Berkongsi seorang suami yang sudah berpengalaman,
mempunyai akhlak yang baik, berilmu lagi shalih
adalah lebih baik berbanding anda hidup
berseorangan atau anda 'terpaksa' menerima
seorang lelaki yang baru hendak mengenal erti
'suami'.

Pelajaran 173:

Usah mengharapkan hubungan yang baik antara anda dengan isteri sedia ada.

Apa yang penting untuk diharapkan ialah wujudnya kerjasama dan kesefahaman di antara anda dan isteri sedia ada.

Apa yang turut penting untuk diperhatikan ialah isteri sedia ada tidak akan bertindak zalim kepada anda.

Justeru pastikan isteri sedia ada mengetahui bahawa anda bakal menyertai mereka di alam poligami. Kepastian ini ialah dengan suami tersebut membawa anda menjumpai dan berkenalan isterinya yang sedia ada.

Jangan sekadar menerima perkataan suami bahawa isterinya sudah mengetahui tentang lamarannya kepada anda. Lebih kerap dari jarang, suami berdusta dalam hal ini.

Ada pun hubungan yang baik antara anda dan isteri sedia ada, ia adalah satu 'bonus'. Namun suami mungkin akan membataskannya demi menjaga hati para isterinya daripada kecemburuan.

Pelajaran 174:

Bukanlah syarat poligami untuk isteri sedia ada mengetahui tentang anda, sudah berjumpa dengan anda dan memiliki kesefahaman untuk hidup berkongsi suami bersama anda.

Namun amatlah dianjurkan agar wujudnya pengetahuan, pengenalan dan kesefahaman ini untuk mengelakkan apa-apa yang tidak diinginkan selepas anda bernikah kelak.

Apabila anda menyertai alam poligami, wujud kemungkinan isteri sedia ada boleh menerima anda sebagai madu. Meski pun pada awalnya mereka mungkin terkejut dan sedih, beberapa ketika kemudian – setelah meminta bantuan Allah – mereka akan dapat menerima anda.

Namun wujud juga kemungkinan isteri sedia ada tidak boleh menerima anda sebagai madu. Sebaik sahaja mereka mengetahui tentang anda, mereka akan tunduk kepada syaitan untuk menzalimi anda dengan sihir, melarang suami berjumpa anda, menghantar orang untuk mengugut anda dan pelbagai lagi. Inilah perkara tidak diinginkan yang mesti anda waspadai apabila mempertimbangkan lamaran menjadi isteri baru.

Pelajaran 175:

Bercakap tentang pengetahuan, pengenalan dan kesefahaman isteri sedia ada, janganlah menjadikan ia berat sebelah.

Hendaklah anda sebagai calon isteri baru memastikan suami memaklumkan kepada isteri sedia ada tentang anda. Hendaklah anda turut mengambil inisiatif untuk berkenalan dengan isteri sedia ada.

Ada pun kesefahaman, hendaklah anda yang lebih toleran dan kerap mengalah, mengingatkan pengorbanan amat berat yang dilakukan oleh isteri sedia ada.

Pengorbanan isteri sedia ada amatlah berat dan anda tidak akan memahaminya kerana tidak berada di tempatnya. Namun apa yang boleh anda lakukan ialah berada di hadapan dalam kesefahaman, kerjasama, berlapang dada dan memudahkan.

Tentu saja semua ini dengan syarat ia tidak terkeluar dari neraca keadilan kehidupan poligami.

Pelajaran 176:

Hendaklah anda bertaqwa kepada Allah *Subhanahu waTa'ala* dalam bersikap kepada isteri sedia ada suami anda. Hendaklah anda tolong menolong untuk memudahkan urusan suami dan isteri sedia ada, pada kadar yang patut lagi termampu.

Janganlah pula anda tunduk kepada syaitan dengan menzalimi isteri pertama seperti menyihirnya, menghalang suami bergilir ke rumahnya dan menghasut suami untuk mengabaikan anak-anaknya.

Ketahuiilah, apa jua 'azab' yang anda rancang ke atas isteri sedia ada, azab Allah adalah jauh lebih dahsyat:

Hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan; dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya). [al-Maidah 5:02]

Pelajaran 177:

Antara cabaran menerima lamaran sebagai isteri baru ialah ibubapa anda tidak akan bersetuju dengannya.

Ini adalah sesuatu yang lumrah, kerana masyarakat memiliki pandangan yang negatif tentang poligami.

Apa yang penting di sini ialah kehidupan anda sendiri. Masyarakat sebenarnya tidak peduli tentang kehidupan anda kecuali apa yang negatif dan ibubapa tidak akan berterusan menemani anda hingga ke hari tua.

Mentaati ibubapa memang dituntut oleh Islam, akan tetapi ketaatan itu hanyalah dalam perkara-perkara yang selari dengan Islam. Tidak ada ketaatan dalam perkara maksiat dan mungkar.

Melarang anak menyertai alam poligami semata-mata kerana "poligami" bukanlah alasan yang selari dengan Islam. Justeru anda tidak perlu mentaatinya.

Pun begitu, amatlah baik jika anda dapat berbincang secara rendah diri lagi berhikmah demi memperoleh persetujuan mereka.

Pelajaran 178:

Antara cabaran menerima lamaran sebagai isteri baru ialah cara pernikahan.

Syarat dan prosedur poligami di beberapa negeri amatlah rumit lagi mensia-siakan masa, tenaga dan wang ringgit. Ini menyebabkan suami mungkin akan mencadangkan pernikahan di negara lain, seperti sempadan Malaysia-Thailand.

Tidak ada apa-apa kesalahan atau kekurangan bernikah di negara lain. Jika Plan A – bernikah di negeri sendiri berhadapan dengan banyak halangan, maka beralih ke Plan B – bernikah di negara lain adalah alternatif yang baik.

Apa yang penting ialah ia diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negara tersebut dan kemudiannya didaftarkan bersama kedutaan atau konsulat Malaysia di sana. Pernikahan seperti ini adalah sah di sisi hukum syarak.

Usah diberi perhatian kepada cemuhan orang-orang yang jahil tentang nikah di negara lain. Antara bukti kejahilan ialah mereka menggelarnya "kahwin lari" padahal anda tidak berlari tetapi menaiki kenderaan moden.

Pelajaran 179:

Antara cabaran menerima lamaran sebagai isteri baru ialah suami mungkin tidak dapat memberi kepada anda apa yang sudah diberikan kepada isteri sedia adanya.

Ini berlaku kerana suami bersama isteri sedia ada sudah lama hidup bersama. Mereka adalah sebuah rumahtangga yang sudah mantap (*established*).

Ada pun antara anda dan suami, kalian adalah sebuah rumahtangga yang baru. Suami akan perlahan-lahan, bertahap-tahap, membinanya dari kecil hingga menjadi mantap sebagaimana rumahtangga sedia ada.

Justeru suami mungkin telah memberikan isteri sedia ada rumah yang besar dan kereta yang mewah sementara anda diberikan pangsapuri yang kecil dan kereta terpakai.

Menghadapi cabaran ini, hendaklah anda bersabar sambil membantu suami membina rumahtangga yang baru ini. Ia sebagaimana isteri sedia ada pada satu masa yang lalu telah bersabar sambil membantu suami membina rumahtangganya sehinggalah kepada apa yang ada pada hari ini.

Pelajaran 180:

Antara cabaran menerima lamaran sebagai isteri baru ialah anda menginginkan seorang suami untuk anda sahaja, bukan suami yang dikongsi bersama isteri lain. Anda ingin seorang ayah untuk anak-anak anda kelak, bukan ayah yang dikongsi bersama anak-anak dari isteri lain.

Sebenarnya berkongsi adalah lumrah kehidupan. Sejak kecil, sedar atau tidak anda telah berkongsi ibubapa bersama adik beradik anda.

Di sekolah, anda berkongsi guru dengan murid-murid lain. Di asrama, anda berkongsi bumbung bersama pelajar-pelajar lain.

Di pejabat, anda berkongsi ketua, tanggungjawab, dan peralatan bersama rakan kerja yang lain.

Justeru tidak ada sebab tiba-tiba anda tidak mahu berkongsi suami dan ayah. Jika anda masih keberatan untuk hidup berkongsi, maka rujuklah pelajaran-pelajaran sebelum ini dalam bab "Tips-Tips Untuk Isteri Sedia Ada".

Pelajaran 181:

Antara cabaran menerima lamaran sebagai isteri baru ialah bentuk fizikal suami yang sudah agak luntur lagi boroi perutnya. Ini sudah tentu menimbulkan tanda tanya tentang prestasi beliau melakukan hubungan seks dengan anda sesudah bernikah kelak.

Di sini anda boleh memainkan peranan agar bentuk fizikal suami kembali seperti jejak muda yang cergas lagi memberahikan.

Nyatakan kepadanya "Saya akan terima lamaran ini jika berat badan anda turun sebanyak lima kilogram dan saiz seluar anda turun sebanyak lima inci".

Ada pun hubungan yang baik antara anda dan isteri sedia ada, ia adalah satu 'bonus'. Namun suami mungkin akan membataskannya demi menjaga hati para isterinya daripada kecemburuan.

Pelajaran 182:

Antara cabaran menerima lamaran sebagai isteri baru ialah anda khuatir tentang kebahagiaan rumahtangga di alam poligami sesudah bernikah kelak.

Sama ada monogami atau poligami, semua rumahtangga akan tenggelam timbul antara kebahagiaan dan kesedihan. Apatah lagi pada bulan-bulan atau tahun-tahun awal perkahwinan, kesedihan akan lebih kerap berlaku kerana masing-masing suami dan isteri masih dalam proses menyesuaikan diri masing-masing.

Satu perbezaan tentang rumahtangga poligami ialah anda memiliki faktor lain untuk dipersalahkan. Apabila berlaku kesedihan, anda akan mudah menyalahkan isteri sedia ada atau alam poligami itu sendiri. Padahal ia bukanlah faktor yang memberi pengaruh.

Sebenarnya tidak ada sesiapa untuk dipersalahkan jika berlaku kesedihan melainkan diri anda sendiri. Baik monogami atau poligami, kebahagiaan akan tercapai jika anda kreatif mencarinya, kesedihan akan berlaku jika anda hanya duduk berpeluk tubuh.

Pelajaran 183:

Apabila anda sudah menerima lamaran dan menjadi isteri baru, janganlah pula pada satu hari kelak apabila suami anda melamar wanita lain sebagai isteri terbaru, anda membantah pula.

Suami anda berhak untuk menikah lagi sehingga ke jumlah maksimum empat isteri dan wanita lain berhak untuk mengambil tempat mereka sebagai isteri ketiga atau keempat.

Satu perbezaan tentang rumahtangga poligami ialah anda memiliki faktor lain untuk dipersalahkan apabila tidak bahagia. Anda akan mudah menyalahkan alam poligami itu sendiri. Padahal ia bukanlah faktor yang memberi pengaruh.

Pelajaran 184:

Jika anda seorang gadis (dara), maka menjadi isteri baru akan menyebabkan anda rasa jauh ketinggalan.

Ini kerana suami anda yang sudah hidup bersama isteri sedia ada sejak sekian lama akan memiliki harapan yang tinggi (*high expectation*) ke atas anda sementara anda baru hendak belajar langkah-langkah pertama sebagai seorang isteri.

Keadaan ini memiliki nilai positifnya kerana hidup bersama suami sedemikian akan menyebabkan anda cepat belajar menjadi isteri yang cemerlang.

Ini kerana manusia lazimnya akan cepat belajar jika terdapat tekanan untuk dia cepat belajar. Sebab itulah zaman sekolah dan pengajian tinggi dipenuhi dengan peperiksaan, kerana peperiksaan itu memberi tekanan untuk pelajar belajar dan cepat belajar. Bandingkan alam persekolahan dan pengajian tinggi tanpa peperiksaan?

Oleh itu jangan mengalah kepada suami anda, sebaliknya buktikan anda mampu bukan sekadar memenuhi harapannya tetapi mengatasinya.

Pelajaran 185:

Jika anda seorang janda, maka menjadi isteri baru akan menyebabkan berlakunya beberapa pertembungan.

Ini kerana anda memiliki cara tertentu untuk melakukan itu dan ini sementara suami memiliki cara berbeza untuk melakukan itu dan ini. Anda mungkin menyukai masakan tradisi Melayu sementara suami menyukai masakan Barat.

Keadaan ini tetap memiliki nilai positifnya kerana dua cara dan kesukaaan yang berbeza boleh mempelbagaikan suasana lagi menceriakannya. Jika kedua-dua suami isteri memiliki satu cara dan satu kesukaaan, ia akan cepat mengundang kebosanan.

Pun begitu, adalah lebih baik jika anda mengalah kepada suami. Ini kerana suami adalah ketua keluarga dan anda mendapat pahala semata-mata untuk mengalah kepada cara dan kesukaannya.

Lebih-lebih lagi jika suami anda seorang yang sudah agak berumur, maka mengharapkan beliau berubah atau mengalah adalah satu impian yang agak sukar dicapai.

Pelajaran 186:

Jika anda seorang balu, maka menjadi isteri baru memiliki cabaran seperti seorang janda, tetapi dengan satu perbezaan besar.

Janda ialah seorang isteri yang sudah bercerai dengan suaminya. Seorang janda tidak lagi kerap mengingati suaminya, bahkan mungkin membencinya. Seorang janda merasa lega tanpa bekas suaminya dan memandang ke hadapan untuk memulakan kehidupan yang baru bersama suami yang baru.

Balu ialah seorang isteri yang suaminya meninggal dunia. Seorang balu berpisah dengan suaminya dalam keadaan dia masih mencintai beliau. Justeru seorang balu masih mengingati dan menyayangi suaminya serta merasa berat untuk hidup bersama suami yang baru.

Oleh itu jika anda seorang balu, hendaklah dimaklumkan kepada suami anda untuk bertahap-tahap dengan anda serta memberi ruang masa yang lebih untuk anda menyesuaikan diri dengannya.

Sebagai seorang balu, anda juga hendaklah kuat untuk memulakan kehidupan yang baru bersama suami yang baru. Hendaklah berwaspada agar tidak membandingkan suami yang baru dengan suami yang telah meninggal dunia. Ini kerana setiap suami memiliki

ciri-ciri tersendiri dan anda tidak boleh mengharapkan mereka saling berkongsi ciri yang anda sukai.

Hendaklah anda berdoa kepada Allah *Subhanahu waTa'ala* memohon kekuatan tambahan untuk hidup bersama suami yang baru sambil melupakan suami yang telah kembali kepada-Nya.

Di samping itu, tidaklah disyorkan menyimpan barang-barang peribadi kepunyaan suami anda yang telah meninggal dunia. Menyimpannya akan menyebabkan anda kerap kembali mengingatnya dan mengganggu kelancaran proses memulakan kehidupan bersama suami yang baru.

Tidak dilupakan, suami baru mungkin akan merasa cemburu melihat anda masih menyimpan barang-barang peribadi suami yang telah meninggal dunia. Jangan menyangka lelaki tidak ada perasaan cemburu!

Pelajaran 187:

Anak-anak.

Jika anda seorang janda atau balu yang memiliki anak-anak, janganlah membelakangkan mereka ketika mempertimbangkan lamaran dan membuat persiapan sebagai isteri baru.

Anak-anak zaman sekarang cepat menangkap lagi bijak memahami, justeru berkongsilah dengan mereka tentang rancangan kehidupan anda yang baru.

Anda tidak disyaratkan meminta izin atau persetujuan mereka, namun pengetahuan dan kefahaman mereka amatlah dianjurkan.

Hendaklah anda bertahap-tahap dengan mereka kerana mereka telah melalui pengalaman psikologi yang berat apabila kehilangan ayah kandung, sama ada melalui perceraian atau kematian. Kini mereka akan melalui sebuah lagi pengalaman psikologi untuk menerima seorang ayah yang baru.

Jika anda seorang janda atau balu yang memiliki anak-anak, janganlah membelakangkan mereka ketika mempertimbangkan lamaran dan membuat persiapan sebagai isteri baru.

Pelajaran 188:

Suami baru anda mungkin memiliki cara-cara membesarkan dan mendidik anak-anak yang berbeza dengan anda.

Anda mungkin mahukan anak belajar di sekolah agama sementara suami mahukan anak belajar di sekolah kebangsaan. Anda mungkin cenderung melepaskan anak-anak bermain-main sementara suami cenderung bersikap tegas ke atas anak-anak.

Di sini anda akan tersepit di antara menjaga anak mengikut cara yang anda pilih atau mengikut cara yang dipilih oleh suami. Keadaan akan menjadi lebih rumit apabila bekas suami anda juga ingin memainkan peranan dalam urusan ini.

Apa yang penting, hendaklah anda ingat bahawa apabila anda memilih seseorang untuk menjadi suami baru anda, anda juga memilihnya untuk menjadi ayah baru kepada anak-anak anda.

Justeru di samping anda berusaha untuk menyesuaikan diri untuk hidup bersama suami yang baru, hendaklah juga anda membimbing anak-anak untuk turut menyesuaikan diri untuk hidup bersama ayah yang baru.

Pandangan-pandangan suami baru hendaklah diambil kira di samping pandangan anda sendiri. Dalam erti kata lain, hendaklah diraikan kedua-dua pandangan demi kebaikan anak-anak.

Amatlah penting apabila suami baru memberikan pandangan yang berbeza atau bersikap tegas ke atas anak-anak, anda tidak pula memarahinya dan menyebelahi anak-anak atas alasan beliau adalah ayah tiri dan anda adalah ibu kandung.

Memiliki ayah tiri yang prihatin kepada anak-anak anda adalah jauh lebih baik berbanding ayah tiri yang mengabaikan mereka atau menzalimi mereka.

Jika bekas suami anda turut memberikan pandangan tentang anak-anak anda, maka hendaklah anda meraikan ketiga-tiga pendapat, yakni pendapat anda, bekas suami dan suami baru.

Jika berlaku pertembungan yang tidak dapat diselaraskan, maka pandangan yang diikuti adalah berdasarkan prioriti:

1. Ayah kandung (bekas suami).
2. Ibu kandung (anda).
3. Ayah tiri (suami baru).

Prioriti ini hanyalah apabila bekas suami tetap memainkan peranannya sebagai seorang ayah yang baik, seperti tetap menziarahi dan menjaga anak-anak pada jadual yang dipersetujui serta tetap memberi nafkah kepada anak-anak.

Jika bekas suami mengabaikan anak-anak, maka dia tidak memiliki hak untuk memberikan pandangan berkenaan urusan anak-anak.

Tips-Tips Poligami Untuk Isteri-Isteri

Pelajaran 189:

Poligami ialah satu pasukan yang merangkumi suami sebagai ketua dan isteri-isteri serta anak-anak sebagai ahli.

Apabila semua ahlinya memainkan peranan yang betul, tidak berlebihan atau berkurangan, maka poligami akan menjadi berjaya lagi bahagia.

Apabila satu atau lebih ahlinya tidak memainkan peranannya, maka poligami akan gagal atau dilanda konflik.

Sebagai satu pasukan, kejayaan poligami mencerminkan kejayaan semua ahlinya. Kegagalan poligami mencerminkan kegagalan semua ahlinya.

Tidak ada individu yang boleh disalahkan andai poligami menemui kegagalan.

Oleh itu hendaklah kalian – wahai isteri-isteri – memerhatikan perkara ini dan aktif memainkan peranan masing-masing.

Pelajaran 190:

Kalian tidak perlu tertanya atau bertanya, isteri manakah yang paling disayangi suami?

Ini kerana apabila suami berpoligami, kasih sayang tidak dibahagikan daripada 100% (satu isteri) kepada 50%-50% (dua isteri), kepada 33%-33%-33% (tiga isteri), kepada 25%-25%-25%-25% (empat isteri).

Akan tetapi kasih sayang berkembang dan bertambah sehingga setiap isteri tetap mendapat 100%.

Isteri pertama 100%, isteri kedua 100%, isteri ketiga 100%, isteri keempat 100%.

Pelajaran 191:

Meski pun suami menyayangi semua isteri-isterinya, akan tetapi yang paling dekat di hati suami adalah yang paling baik agamanya, memudahkan urusannya, sering mendengar cakapnya, kurang kecemburuannya, kurang permintaannya, kurang celotehnya serta pandai mengurus suami, dirinya, anak-anak dan rumah.

Ini seumpama seorang ibu dan anak-anaknya.

Semua anak disayangi oleh ibu. Akan tetapi anak yang paling dekat di hati ibu ialah yang istiqamah mendirikan solat dan membaca al-Qur'an, selalu mendengar cakapnya, rajin membantunya dan sering membuatnya gembira.

Justeru kalian hendaklah menjadikan kehidupan poligami sebagai satu saingan positif untuk meraih tempat istimewa di hati suami.

Saingan ini dilakukan tanpa perasaan dengki atau cemburu terhadap isteri lain. Ingat! Suami hanyalah wasilah untuk mencapai tujuan yang satu, yakni Allah *Subhanahu waTa'ala*. Oleh itu janganlah pula melakukan perkara yang akan menjauhkan anda daripada Allah.

Pelajaran 192:

Kalian diperingatkan agar tidak secara sengaja melakukan apa-apa perbuatan yang dapat menyakiti perasaan isteri yang lain.

Allah *Subhanahu waTa'ala* mengingatkan:

Dan orang-orang yang menyakiti orang-orang mukmin dan mukminat tanpa kesalahan yang mereka perbuat, maka sesungguhnya mereka telah memikul kebohongan dan dosa yang nyata. [al-Ahzab 33:58]

Jika ada yang terlanjur atau tidak disengajakan, hendaklah segera meminta maaf.

Meski pun suami menyayangi semua isteri-isterinya, akan tetapi yang paling dekat di hati suami adalah yang paling baik agamanya, memudahkan urusannya, sering mendengar cakapnya, kurang kecemburuannya, kurang permintaannya, kurang celotehnya serta pandai mengurus suami, dirinya, anak-anak dan rumah.

Pelajaran 193:

Seandainya salah seorang isteri pernah menyakiti isteri yang lain, maka isteri yang disakiti memiliki pilihan untuk membalas kesakitan tersebut, dengan syarat ia adalah pada kadar yang sama.

Namun jika isteri yang disakiti memaafkan isteri yang menyakiti dan membalas dengan berbuat baik kepadanya, maka ia adalah lebih utama dan mendapat pahala di sisi Allah:

Dan (jika kamu hendak membalas maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya;

Dalam pada itu sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya).

Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim. [al-Syura 42:40]

Sudah tentu pahala di sisi Allah *Subhanahu waTa'ala* adalah jauh lebih baik berbanding kepuasan membalas dendam.

Pelajaran 194:

Di samping tidak menyakiti di antara satu sama lain, janganlah kalian – wahai isteri-isteri – berpakat untuk menyakiti hati suami.

Apa saja yang kalian lakukan sentiasa diawasi oleh Allah *Subhanahu waTa'ala* dan pada bila-bila masa Allah boleh menggantikan kalian yang terbabit dengan isteri-isteri baru yang lebih baik.

Ambillah iktibar dari peristiwa berikut apabila dua orang isteri Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berpakat untuk menyindir baginda yang minum madu tatkala di rumah salah seorang isteri baginda yang lain.

Pakatan ini dibongkarkan oleh Allah kepada Rasulullah, kemudian Allah memberi amaran kepada dua isteri yang berpakat itu:

Jika kamu berdua bertaubat kepada Allah, maka sesungguhnya hati kamu berdua telah condong (untuk menerima kebaikan);

Namun jika kamu berdua bantu-membantu menyusahkan Nabi, maka sesungguhnya Allah adalah Pelindungnya dan (begitu pula) Jibril dan orang-orang mukmin yang baik dan selain dari itu malaikat-malaikat adalah penolongnya pula.

Jika Nabi menceraikan kamu, boleh jadi

Tuhannya akan memberi ganti kepadanya dengan isteri-isteri yang lebih baik daripada kamu, yang patuh, yang beriman, yang taat, yang bertaubat, yang mengerjakan ibadat, yang berpuasa, yang janda dan yang perawan. [al-Tahrim 66:4-5]

Pelajaran 195:

Kalian hendaklah sentiasa berwaspada kepada tipu daya syaitan. Ini kerana menimbulkan pergeseran dalam rumahtangga sehingga terjadinya perceraian adalah salah satu objektif utama syaitan.

Hadis berikut menjadi rujukan:

Sesungguhnya iblis meletakkan singgahsananya di atas air. Kemudian dia mengutuskan para tenteranya (untuk memfitnah manusia). Di antara para tentera itu, mereka yang memiliki kedudukan yang paling hampir dengannya ialah yang paling hebat dalam membuat fitnah.

Salah seorang dari tentera itu datang dan berkata: "Saya telah melakukan sekian-sekian!" Iblis menjawab: "Kamu belum melakukan apa-apa." Kemudian datang seorang tentera yang lain dan berkata: "Tidaklah saya meninggalkan (orang yang saya ganggu) sehinggalah dia menceraikan isterinya." Iblis menghampiri tentera itu dan berkata: "Anda hebat!" [Shahih Muslim, no: 5032]

Pelajaran 196:

Di antara tipu daya syaitan kepada kalian ialah melahirkan perasaan cemburu yang berlebihan di antara satu sama lain.

Bezakan bahawa cemburu yang kecil lagi terkawal adalah fitrah seorang isteri manakala cemburu yang besar lagi di luar kawalan adalah hasutan syaitan.

Baik cemburu yang kecil atau besar, hendaklah kalian segera meminta perlindungan Allah dari gangguan syaitan dengan mengucapkan *A'uzubillahi Minash Syaitani rajim*. Cemburu kecil hendaklah segera dipadamkan kerana ia boleh merebak menjadi cemburu besar.

Hadis berikut menjadi rujukan bahawa cemburu adalah hasutan syaitan:

A'isyah menerangkan pada satu malam baginda keluar dari rumahnya dan ini menyebabkan dia merasa cemburu. Kemudian Rasulullah kembali ke rumah dan mendapati dia sedang dalam keadaan yang cemburu. Lalu baginda bertanya:

"Apa jadi kepada kamu wahai A'isyah? Adakah kamu cemburu?"

"Takkanlah aku tidak cemburu kepada orang sepertimu?"

Kemudian Rasulullah melanjutkan: "Apakah telah datang kepadamu syaitan kamu?"

"Wahai Rasulullah! Apakah bersama aku ada syaitan?"

"Ya."

"Dan (apakah syaitan itu ada) pada setiap manusia?"

"Ya."

(Apakah syaitan juga) bersama kamu wahai Rasulullah?"

"Ya, akan tetapi Tuhanku telah menolongku daripadanya sehingga aku selamat dari gangguannya." [Shahih Muslim, no: 5035]

Pelajaran 197:

Adakalanya syaitan memasukkan perasaan cemburu ke dalam hati isteri dengan menghasutnya untuk banding-membanding antara pemberian suami kepada dirinya dan isteri yang lain.

Hasutan ini hendaklah segera ditolak dengan keimanan bahawa apa yang diperolehi oleh setiap isteri adalah apa yang Allah *Subhanahu waTa'ala* tentukan ke atasnya. Suaminya hanya sarana manakala yang sebenarnya memberi ialah *al-Razzaq*, iaitu Allah yang Maha Memberi Rezeki.

Atas keimanan ini juga, hendaklah berharap kepada Allah jika inginkan sesuatu, bukan cemburu kepada isteri yang lain. Firman Allah:

Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikaruniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak dari sebahagian yang lain. (Karena) bagi orang laki-laki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan bagi para wanita (pun) ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan mohonlah kepada Allah sebahagian dari karunia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu. [al-Nisa' 4:32]

Pelajaran 198:

Adakalanya syaitan menghasut di antara kalian untuk saling berprasangka, mengintip dan mengumpat di antara satu sama lain.

Sekali lagi, hasutan ini hendaklah segera ditepis dengan merenung firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa;

Dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain.

Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani. [al-Hujurat 49:12]

Pelajaran 199:

Adakalanya syaitan menghasut kalian untuk berfikir dan berimajinasi apa yang sedang dilakukan oleh suami bersama isteri yang lain.

Ini adalah fikiran dan imaginasi yang sia-sia. Isilah masa lapang dengan sesuatu yang bermanfaat kerana kemungkinan besar suami pada saat itu juga sedang melakukan sesuatu yang bermanfaat.

Ambillah iktibar dari hadis berikut:

A'isyah *radhiallahu 'anha* menceritakan: ***Suatu malam aku pernah kehilangan Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, dan aku mengira bahwa baginda pergi kepada beberapa isteri baginda yang lain.***

Aku pun mencari-cari baginda dan ketika kembali ternyata beliau sedang rukuk atau sujud sambil membaca, "Subhaanaka wa Bihamdika La Ilaha Illa Anta."

Maka aku pun berkata: Ayah dan ibuku sebagai tebusanmu, sungguh aku berada pada satu perkara (kecemburuan), sedangkan kamu berada pada perkara yang lain (beribadah)." [Shahih Muslim, no: 750]

Pelajaran 200:

Hadis-hadis sahih berkenaan kecemburuan di antara isteri-isteri Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, semoga Allah meredhai mereka semua, bukanlah hujah untuk kalian bersikap cemburu kepada suami.

Ini kerana mereka berkongsi seorang suami yang amat hebat (Rasulullah) sambil tinggal di rumah-rumah yang saling berdekatan, yakni sebelah menyebelah di sekeliling masjid Nabi di Madinah.

Suasana ini menyebabkan mereka mudah cemburu.

Pun begitu, kecemburuan mereka yang tercatat di dalam hadis-hadis sahih amatlah sedikit, dibanding dengan kehidupan mereka hampir 10 tahun bersama Rasulullah.

Apa yang lebih penting, tujuan mereka menceritakan pengalaman-pengalaman kecemburuan tersebut adalah supaya ia dapat diambil iktibar oleh isteri-isteri sesudah mereka dalam kehidupan poligami masing-masing.

Bukan untuk dijadikan dalil agama bagi bersifat cemburu kerana para isteri Rasulullah adalah manusia biasa, bukan nabi yang dipelihara oleh wahyu.

Pelajaran 201:

Kehidupan dalam alam poligami akan memberikan kalian – wahai isteri-isteri – masa lapang yang banyak. Jika sebelum ini kalian sibuk berkhidmat atau melayan “kerenah” suami, kini kalian dapat berehat apabila suami bergilir bersama isteri yang lain.

Hendaklah masa lapang ini diisi dengan aktiviti bermanfaat seperti masa bersama anak-anak, menghadiri kuliah-kuliah agama, menjadi sukarelawan di pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan bersosial dengan rakan-rakan yang dipercayai.

Tidak digalakkan kalian bersendirian tanpa apa-apa aktiviti bermanfaat kerana ia membuka ruang untuk syaitan masuk menghasut dengan sesuatu yang tidak bermanfaat.

Adakalanya syaitan menghasut di antara kalian untuk saling berprasangka, mengintip dan mengumpat di antara satu sama lain.

Pelajaran 202:

Kalian – wahai isteri-isteri – hendaklah berlumba-lumba menjadi hamba yang bertaqwa kepada Allah *Subhanahu waTa'ala*.

Ini kerana yang paling mulia di sisi Allah bukan isteri yang paling muda, seksi, berharta, berpendidikan atau berstatus, akan tetapi adalah yang paling bertaqwa.

Oleh itu jadikanlah suami sebagai wasilah terbaik untuk meningkatkan ketaqwaan kepada Allah.

Firman Allah:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain).

Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu). [al-Hujurat 49:13]

Isteri yang paling mulia di sisi Allah bukan isteri yang paling muda, seksi, berharta, berpendidikan atau berstatus, akan tetapi adalah yang paling bertaqwa.

Buku-Buku Lain oleh Hafiz Firdaus Abdullah

Boleh dipesan terus dari Jahabersa di nombor 07-2351602
atau pesanan *online* di www.jahabersa.com.my

Boleh juga dirujuk dalam bentuk e-book atau muat turun di
www.hafizfirdaus.com

- 1. Zikir-Zikir Selepas Solat Fardhu.**
- 2. Menangani Persoalan Doa Qunut: Dibaca atau Tidak?**
- 3. Marilah Berselawat Ke Atas Rasulullah.**
- 4. Marilah Mendirikan Sembahyang.**
- 5. Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam.**
- 6. Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan.**
- 7. Solat Tarawikh: Satu Perbahasan Ke Atas Fatwa Yang Menetapkannya kepada 20 Rakaat.**
- 8. 20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya.**
- 9. Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah.**
- 10. Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil.**
- 11. Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku *Salafiyah Wahabiyah*: 73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian Zamihan Mat Zin al-Ghari.**

- 12. Apakah Jihad Di Jalan Allah? Buku 1: Definisi, Kepentingan dan Kemuliaan Jihad.**
- 13. Apakah Jihad Di Jalan Allah? Buku 2: Hukum dan Syarat-Syaratnya.**
- 14. Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah. Siri Pertama: Definisi Syi'ah al-Rafidhah, Sejarah Kelahiran Syi'ah al-Rafidhah dan 5 Strategi Asas Syi'ah al-Rafidhah Dalam Berhujah.**
- 15. Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah. Siri Kedua: Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Ayat-Ayat Al-Qur'an Yang Dijadikan Hujah Oleh Syi'ah Dalam Persoalan Khalifah.**
- 16. Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah. Siri Ketiga: Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Hadis-Hadis Rasulullah Yang Dijadikan Hujah Oleh Syi'ah Dalam Persoalan Khalifah.**
- 17. Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah. Siri Keempat: Jawapan Ahl al-Sunnah Berkenaan Sejarah dan Keutamaan Para Sahabat.**
- 18. Amalan-Amalan Di Bulan Ramadhan.**
- 19. Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an.**

- 20. Let's Get Acquainted With Al-Qur'an. (Edisi terjemahan Inggeris Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an)**
- 21. Wahai Ibu! Wahai Ayah!**
- 22. Dear Mom & Dad. (Edisi Terjemahan Inggeris Wahai Ibu! Wahai Ayah!)**
- 23. 13 Perkara Yang Menceburi Kemurnian Tauhid.**
- 24. Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat**
- 25. Looking For Allah's Blessing Behind Differences of Opinion. (Edisi Terjemahan Inggeris Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat)**
- 26. Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.**
- 27. 7 Tipu Daya Syaitan Ke Atas Umat Islam.**
- 28. Membongkar Aliran Islam Liberal.**
- 29. Menjawab 17 Fitnah Terhadap Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah. (Ulasan kepada karya asal Syaikh Murad Syukri yang diterjemah oleh Ustaz Badrul Hisham bin Sulaiman).**

- 30. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 1.**
- 31. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 2.**
- 32. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 3.**
- 33. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 4.**
- 34. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 5.**
- 35. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 6.**
- 36. Berdakwah Melalui Penulisan Efektif.**
- 37. Fiqh Harta: Satu Pengenalan.**
- 38. Cahaya Rohani (Buku 1)**
- 39. Cahaya Rohani (Buku 2)**
- 40. Hukum dan Adab Berjamaah Dalam Islam.**
- 41. Islam, Seks dan Jantina.**

- 42. 36 Kritikan Ke Atas Buku *Amalan Sunnah Selepas Solat Dan Kelebihannya*.**
- 43. Catatan-Catatan Ilmiah Ke Atas Buku Makna Sebenar Bid'ah: *Beberapa Semakan Teliti Ke Atas Satu Penjelasan (Yang Didakwa) Rapi*.**
- 44. Catatan Dari 40,000 Kaki (Buku 1).**
- 45. 47 Persoalan Qadar dan Qadha.**

Penulis anda, Hafiz Firdaus bin Abdullah lahir di Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John's Institution, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Pada tahun 1989 beliau menyertai Penerbangan Malaysia (*Malaysia Airlines*) sebagai seorang juruterbang sehinggalah ke hari ini.

Hafiz Firdaus mula menulis sejak tahun 1999. Manhaj beliau ialah mengkaji sesuatu topik daripada sumber khazanah ilmu tokoh-tokoh terdahulu lalu menyusun dan menyampaikannya dalam bentuk yang mudah lagi relevan dengan isu-isu terkini.

Ringkasnya, sesiapa jua yang memiliki manhaj mengkaji dan menganalisa dalam berinteraksi dengan ilmu-ilmu agama akan mendapati buku-buku Hafiz Firdaus sebagai sumber kajian dan analisa yang sesuai untuk mereka.

Hafiz Firdaus tinggal di Lembah Klang bersama tiga keluarganya. Di samping menulis buku, beliau menulis artikel dan kolum bulanan bagi beberapa majalah, juga memberi kuliah-kuliah agama di pusat pengajian tinggi, pejabat dan rangkaian TV tempatan.